

Hakcipta © tesis ini adalah milik pengarang dan/atau pemilik hakcipta lain. Salinan boleh dimuat turun untuk kegunaan penyelidikan bukan komersil ataupun pembelajaran individu tanpa kebenaran terlebih dahulu ataupun caj. Tesis ini tidak boleh dihasilkan semula ataupun dipetik secara menyeluruh tanpa memperolehi kebenaran bertulis daripada pemilik hakcipta. Kandungannya tidak boleh diubah dalam format lain tanpa kebenaran rasmi pemilik hakcipta.



**PRESTASI PENGURUSAN RANTAIAN BEKALAN  
BARANG KAWALAN BAJA DI INDONESIA**



**UUM**  
ASWIN NALDI SAHIM  
Universiti Utara Malaysia

DOCTOR OF PHILOSOPHY  
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA  
MEI 2016

**PRESTASI PENGURUSAN RANTAIAN BEKALAN  
BARANG KAWALAN BAJA DI INDONESIA**



oleh  
ASWIN NALDI SAHIM

**UUM**  
Universiti Utara Malaysia

Tesis diserahkan kepada  
Othman Yeop Abdullah Graduate School of Business  
Universiti Utara Malaysia,  
In Fulfillment of the Requirement for the Degree of Doctor Philosophy



**Kolej Perniagaan**  
(College of Business)  
**Universiti Utara Malaysia**

**PERAKUAN KERJA TESIS / DISERTASI**  
(Certification of thesis / dissertation)

Kami, yang bertandatangan, memperakukan bahawa  
(We, the undersigned, certify that)

**ASWIN NALDI SAHIM (94524)**

calon untuk Ijazah **DOCTOR OF PHILOSOPHY (MANAGEMENT)**  
(candidate for the degree of)

telah mengemukakan tesis / disertasi yang bertajuk:  
(has presented his/her thesis / dissertation of the following title):

**PRESTASI PENGURUSAN RANTAIAN BEKALAN BARANG KAWALAN BAJA DI INDONESIA**

seperti yang tercatat di muka surat tajuk dan kulit tesis / disertasi.  
(as it appears on the title page and front cover of the thesis / dissertation).

Bahawa tesis/disertasi tersebut boleh diterima dari segi bentuk serta kandungan dan meliputi bidang ilmu dengan memuaskan, sebagaimana yang ditunjukkan oleh calon dalam ujian lisan yang diadakan pada: **22 Mei 2016**. (That the said thesis/dissertation is acceptable in form and content and displays a satisfactory knowledge of the field of study as demonstrated by the candidate through an oral examination held on: **22 May 2016**).

Pengerusi Viva : **Assoc. Prof. Dr. Salniza Md. Salleh**  
(Chairman for Viva)

Tandatangan  
(Signature)

Pemeriksa Luar : **Prof. Dr. Zainal Abidin Mohamed**  
(External Examiner)

Tandatangan  
(Signature)

Pemeriksa Dalam : **Assoc. Prof. Dr. Siti Norezam Othman**  
(Internal Examiner)

Tandatangan  
(Signature)

Tarikh: **22 Mei 2016** (Date)

Nama Pelajar  
(Name of Student)

: **Aswin Naldi Sahim**

---

Tajuk Tesis / Disertasi  
(Title of the Thesis / Dissertation)

**Prestasi Pengurusan Rantaian Bekalan Barang Kawalan Baja Di  
Indonesia**

---

Program Pengajian  
(Programme of Study)


: **Doctor of Philosophy (Management)**

---

Nama Penyelia/Penyelia-penyelia  
(Name of Supervisor/Supervisors)

: **Prof. Dr. Nik Kamariah Nik Mat**

---

  
Tandatangan  
(Signature)



**UUM**  
Universiti Utara Malaysia

## **KEBENARAN MERUJUK**

Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi keperluan pengurniaan Ijazah Doktor Falsafah daripada Universiti Utara Malaysia (UUM). Saya dengan ini bersetuju membenarkan pihak perpustakaan Universiti Utara Malaysia mempamerkannya sebagai bahan rujukan umum. Saya juga bersetuju bahawa sebarang bentuk salinan sama ada secara keseluruhan atau sebahagian daripada tesis ini untuk tujuan akademik perlulah mendapat kebenaran daripada Penyelia Tesis atau Dekan Othman Yeop Abdullah Graduate of Business terlebih dahulu. Sebarang bentuk salinan dan cetakan bagi tujuan komersial adalah dilarang sama sekali tanpa kebenaran bertulis daripada penyelidik. Pernyataan rujukan kepada penyelidik dan Universiti Utara Malaysia perlulah dinyatakan jika rujukan terhadap tesis ini dilakukan.

Kebenaran untuk menyalin atau menggunakan tesis ini samaada secara sebahagian atau sepenuhnya hendaklah dipohon melalui:



Dekan  
Othman Yeop Abdullah Graduate School of Business  
Universiti Utara Malaysia  
06010 UUM Sintok  
Kedah Darul Aman  
Malaysia

---

Universiti Utara Malaysia

## ABSTRAK

Dewasa ini, kebanyakan syarikat mula menyedari pentingnya kesan prestasi pengurusan rantaian bekalan (PPRB) terhadap kejayaan sesebuah syarikat. Objektif utama kajian ini ialah untuk mengenal pasti hubungan antara keselarasan pelan, kebolehpercayaan penghantaran, inovasi, faktor manusia dengan kawalan terhadap prestasi pengurusan rantaian bekalan barang kawalan baja subsidi di Indonesia. Sejumlah lima puluh lima (55) item instrument diukur dengan menggunakan skala tujuh mata Likert. Sebanyak 800 borang soal selidik diedarkan ke lokasi kajian dengan sejumlah 580 dikembalikan dan digunakan dalam kajian ini. Jumlah ini memperlihatkan tahap respon sebanyak 73%. Seterusnya, data daripada 513 orang responden, atau 64% maklum balas yang boleh diguna pakai telah dianalisis dengan menggunakan statistik Permodelan Persamaan Berstruktur (SEM) dengan aplikasi AMOS untuk mengkaji punca dan pengantara dalam hubungan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa keselarasan pelan, kebolehpercayaan penghantaran dan inovasi mempunyai pengaruh langsung yang signifikan terhadap prestasi pengurusan rantaian bekalan barangan kawalan. Meskipun faktor manusia tidak berpengaruh secara langsung terhadap prestasi pengurusan rantaian bekalan, namun faktor ini memainkan peranan yang penting kerana ia sangat mempengaruhi dan menentukan kejayaan keselarasan pelan, kebolehpercayaan penghantaran dan inovasi serta selanjutnya menentukan kejayaan prestasi pengurusan rantaian bekalan. Selain itu, faktor kebolehpercayaan penghantaran memberi kesan pengantara terhadap hubungan manusia dengan prestasi pengurusan rantaian bekalan. Faktor keselarasan pelan, inovasi dan kawalan pula didapati tidak berpengaruh. Implikasi bagi penyelidikan ini ialah dapatan kajian memberikan pandangan yang bernilai kepada kerajaan untuk menguatkuasakan peraturan bagi memastikan penghasilan baja yang sepadan dengan peruntukan, tepat pada masanya dengan lokasi yang sesuai, dihasilkan mengikut jenis, jumlah dan mutu yang tepat serta dijual dengan harga yang sesuai dengan keadaan. Dapatan kajian juga dijangka dapat memberikan perspektif yang bermakna kepada dasar kerajaan serta kosa ilmu bidang dan boleh dijadikan sebagai rujukan kepada para pengamal untuk merancang dan melaksanakan amalan tentang cara mengendalikan pengurusan rantaian bekalan barang kawalan secara cekap dan berkesan. Kajian pada masa akan datang boleh berfokus kepada barang kawalan yang lain.

**Kata kunci:** Prestasi pengurusan rantaian bekalan barang kawalan, pengurusan rantai bekalan, pemodelan persamaan berstruktur (SEM).

## ABSTRACT

Nowadays, the majority of companies have started to acknowledge the significant effect of supply chain management performance to the success of a company. The main objective of this study is to identify the relationship between alignment plan, delivery, innovation, human factors and control, on supply chain management performance of controlled products subsidies fertilizer in Indonesia. About 55 items instrument is measured by Likert scale. A total of 800 questionnaires were distributed to the respective sample location and 580 or 73% of responses were successfully returned to be utilized in the study. 513 or 64% usable responses were analyzed using Structural Equation Modeling (SEM) with AMOS application. The findings indicate that the alignment plan, delivery and innovation have a significant direct effect on the supply chain management performance of controlled goods. In addition, as for the human factor, although it does not directly affect the supply chain management performance, it plays an important role because it significantly influences and determines the success of the alignment plan, delivery, and innovation which subsequently affects the performance of the supply chain management. Implications of this study provide valuable insights for the government on the alignment plan, delivery, innovation, human factors and enforcement to monitor the rules in making fertilizer in accordance to provisions designated at the right time and the right location, with the right type, quantity, quality, and prices to suit the conditions. The finding of this study is expected to shed meaningful insights to the government policy and academic literature and provide reference for practitioners to plan and practice on how to run a supply chain management on controlled products efficiently and effectively. For future studies, the focus can be on any other commodity subsidies.

*Keywords:* Supply chain management performance, supply chain management, Structural Equation Modeling (SEM)



## PENGHARGAAN

Alhamdulillah dan setinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan keizinan dan limpah rahmat-Nya jua, dapat saya menyiapkan tesis ini sebagai memenuhi syarat penganugerahan Ijazah Doktor (Pengurusan) daripada Universiti Utara Malaysia (UUM).

Saya disini juga ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada Prof. Dr. Nik Kamariah Nik Mat selaku penyelia UUM bagi kertas projek ini diatas segala tunjuk ajar, nasihat, keperihatinan dan bimbingannya sehingga terhasilnya tesis ini dengan jayanya.

Ucapan terima kasih ini juga ingin saya tujukan kepada pihak Universiti Utara Malaysia termasuklah dekan, ketua-ketua jabatan, ketua-ketua bahagian, para penyelarar dan para pensyarah UUM yang telah banyak menyumbang masa dan tenaga serta berkongsi ilmu serta pengalaman yang sungguh berharga. Dan secara khusus saya ucapkan terima kasih kepada Puan Sariza yang telah membantu saya dalam mengedit tesis ini kedalam bahasa Melayu.

Dan secara khusus saya mengucapkan terima kasih kepada sahabat saya Noverdi Bross, Ph.D kawan diskusi saya yang senantiasa mendorong, memberi semangat serta mencarikan jalan bila ada masalah dalam kajian ini. Dan sahabat saya Dr. Boyke Setiawan Soeratin yang telah memberi semangat dan membantu saya dalam melaksanakan kajian lapangan ini.

Terima kasih juga saya ucapkan kepada pihak Sekolah Tinggi Manajemen IMMI terutamanya kepada Zaharuddin Ph.D, Ibu Yenny, Dr. Zulkifli Rangkuti, Dr. Jus Usman, Bp. Rokhmad Slamet, Ibu Yuni dan Nurul yang telah membantu serta perhatian dan pengertiannya kepada saya sepanjang program ini berlangsung.

Terima kasih juga diucapkan kepada kawan kawan saya di PT. Pusri yaitu Dr. Subhan, Sukirno, Anton Sujatmiko, Asril Zain dan Yudi yang terlibat secara langsung atau tidak langsung serta kerjasama dan bantuan yang sangat baik semasa saya menjalankan penyelidikan ini.

Ucapan penghargaan ini juga tidak dilupakan kepada semua ahli keluarga saya yang amat saya kasihi terutamanya isteri tercinta, Dra Rafnis bin Rahman yang tidak jemu-jemu memberi semangat dan dorongan serta sama-sama membantu saya di dalam menyiapkan tesis ini. Tidak lupa juga kepada kedua anak dan menantu tercinta Ojan, Tika, Alfin, Indi, Ito dan Alif yang juga sentiasa menyokong usaha

saya didalam menyiapkan kajian ini. Juga tidak dilupakan kepada saudara saudara saya yang ikut membantu Rudi, Fano dan Fikri. Sokongan dan pengorbanan semua telah menguatkan semangat saya untuk terus mencapai impian untuk pergi ketahap yang lebih tinggi lagi, insya-Allah.

Terima kasih juga saya ucapkan kepada semua rakan-rakan seperjuangan, terutamanya kepada Bp. Owin Jamasi dan Dr. Widyo yang banyak membantu saya dalam memulai mengenal analisis SEM serta pelajaran-pelajaran yang lain. Segala bantuan dan kerjasama serta pengalaman yang kita akan menjadi kenangan terindah buat saya, dan saya sentiasa berharap semoga hubungan yang terjalin ini akan kekal selamanya. Dan pula kawan kawan di UUM Ayu Bross, Fosa, Fauzan, Fatkhorazid, Diana, Amsal dan Dedi

Akhir kata, saya ingin merakamkan penghargaan saya kepada mereka yang turut membantu saya yang tidak dapat saya nyatakan disini. Hanya Allah S.W.T sahaja yang dapat membalas jasa baik anda semua. Semoga usaha dan bantuan kalian semua mendapat barakah Allah S.W.T.



**UUM**  
Universiti Utara Malaysia

# Senarai Kandungan

Muka Surat

Kebenaran Pengguna	ii
Abstrak	iii
Abstract	iv
Penghargaan	v
Senarai Kandungan	vii
Senarai Jadual	xi
Senarai Rajah	xiii
Senarai Singkatan	xvi
Senarai Lampiran	xviii
<b>BAB I : PENGENALAN</b>	<b>1</b>
1.1 Pengenalan Bab	1
1.2 Pendahuluan	1
1.3 Latar Belakang Kajian	2
1.3.1 Subsidi Baja	2
1.3.2 Pengurusan Rantaian Bekalan (PRB) Baja	3
1.4 Masalah Kajian	5
1.4.1 Ketidakselarasan Penghantaran dan Penerimaan	5
1.4.2 Ketidakaapaian Pelan Sasaran	6
1.4.3 Kekurangan Inovasi Rantaian Bekalan	8
1.4.4 Kekurangan Kawalan	9
1.4.5 Faktor Manusia	10
1.5 Pertanyaan Kajian	11
1.6 Tujuan Kajian	12
1.7 Kepentingan Kajian	13
1.7.1 Bagi Kerajaan	13
1.7.2 Bagi Organisasi (Pengilang, Penedar dan Peruncit)	14
1.7.3 Bagi Petani	14
1.7.4 Bagi Akademik	14
1.7.5 Bagi Praktikal	15
1.8 Skop Kajian	15
1.9 Sumbangan Baru	16
1.10 Susunatur Tesis	16

<b>BAB II : ULASAN KARYA</b>	<b>19</b>
2.1 Pengenalan	19
2.2 Sistem Pembekalan Baja Subsidi di Indonesia	19
2.3 Baja Penyokong Projek Besar Tanaman Padi di Indonesia	23
2.4 Definisi dan Kepentingan Prestasi Pengurusan Rantaian Bekalan	27
2.5 Teori Dasar Pengurusan Rantaian Bekalan (PRB)	35
2.5.1 Asas Kajian	35
2.5.2 Teori Dasar Kajian	36
2.6 Faktor yang mempengaruhi PPRB	43
2.6.1 Faktor Pelan	43
2.6.2 Faktor penghantaran	48
2.6.3 Faktor Inovasi	60
2.7 Faktor Manusia mempengaruhi Pelan, Inovasi dan Penghantaran	68
2.8 Kesan mediator Pelan, Inovasi, Kawalan dan Penghantaran keatas hubungan Faktor Manusia dan PPRB	77
2.9 Model kajian lepas tentang PPRB	81
2.10 Rumusan	117
<b>BAB III : REKA BENTUK DAN METODOLOGI KAJIAN</b>	<b>120</b>
3.1 Pengenalan	120
3.2 Pendahuluan	120
3.3 Reka Bentuk Kajian	121
3.4 Hipotesis Kajian	122
3.5 Definisi Operasi dan Instrumen Kajian	124
3.5.1 Defenisi Operasional dan Instrumen Prestasi Pengurusan Rantaian Bekalan	124
3.5.2 Defenisi Operasional dan Instrumen Penalarasan Pelan	125
3.5.3 Defenisi Operasional dan Instrumen Kebolehpercayaan Penghantaran	127
3.5.4 Defenisi Operasional dan Instrumen Inovasi	128
3.5.5 Defenisi Operasional dan Instrumen Manusia	130
3.5.6 Defenisi Operasional dan Instrumen Kawalan	133
3.5.7 Rumusan Definisi Operasi dan Instrumen Pengukuran	135
3.5.8 Reka Bentuk Kajian SEM pada Pengukuran PPRB Barang Kawalan	139
3.6 Kaedah Pensampelan	140
3.6.1 Kaedah Pemilihan Sample	140
3.6.2 Pemilihan Tempat Kajian	140
3.6.3 Pemilihan Sample dan Responden	141
3.6.4 Kaedah Pengedaran Soal Selidik	142
3.7 Rekabentuk Borang Soal Selidik	143
3.8 Rekabentuk Borang Selidik	144
3.9 Identiti Responden	147
3.10 Analisis Data	149
3.10.1 Membuat Model SEM	149
3.10.2 Melakukan identifikasi model ( <i>model identification</i> )	150

3.10.3	Ujian Normaliti Data dan Outlier	150
3.10.4	Ujian Model Pengukuran	151
	3.10.4.1 Ujian Kesahan Model Pengukuran	152
	3.10.4.2 Analisis Konfirmatori (CFA)	154
3.10.5	Uji Model Struktural	156
3.11	Pengujian Soal Selidik Kajian Rintis	157
3.12	Rumusan	161
<b>BAB IV :ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN</b>		<b>162</b>
4.1	Pendahuluan	162
4.2	Kadar Maklum Balas Borang Soal Selidik	162
4.3	Pemeriksaan Data	163
4.4	Profail Demografi Responden	163
	4.4.1 Profail Demografi Responden	164
	4.4.2 Ulasan Profail Responden	166
4.5	Deskriptif Statistik semua Item dan Konstruk	167
4.6	Ujian Normaliti	169
4.7	Hasil Ujian Multikolineariti	171
4.8	Hasil Ujian Model Pengukuran	172
	4.8.1 Hasil Ujian Validiti dan Reabiliti Pengukuran	172
	4.8.2 Confirmatory Factor Analysis (CFA)	177
	4.8.2.1 CFA Prestasi Pengurusan Rantaian Bekalan	178
	4.8.2.2 CFA Penyelaran Pelan	179
	4.8.2.3 CFA Kebolehpercayaan Penghantaran	180
	4.8.2.4 CFA Inovasi	181
	4.8.2.5 CFA Manusia	182
	4.8.2.6 CFA Kawalan	183
4.9	Hasil Ujian Model Struktural	185
	4.9.1 Model Struktural Lengkap	186
	4.9.2 Model Struktural Generated (GM)	188
	4.9.2.1 Hasil ujian Generated Struktural Model	190
	4.9.2.2 Pengaruh langsung terhadap Prestasi Pengurusan Rantaian Bekalan (PPRB)	191
	4.9.2.3 Pengaruh langsung faktor Manusia pada Pelan, Inovasi dan Penghantaran	192
	4.9.2.4 Persamaan Struktural	194
4.10	Pengaruh Mediator	194
	4.10.1 Mediator Pelan antara Manusia dan PPRB	197
	4.10.2 Mediator Kebolehpercayaan Penghantaraan antara Manusia dan PPRB	198
	4.10.3 Mediator Inovasi antara Manusia dan PPRB	200
	4.10.4 Mediator Kawalan bersama Penghantaraan antara Manusia dan PPRB	201
	4.10.5 Mediator Inovasi, Kawalan dan Pengantaraan antara Manusia dan PPRB	203
	4.10.6 Rumusan Indirect effect Manusia – PPRB	205
4.11	Rumusan	205

<b>BAB V :PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN</b>	<b>207</b>	
5.1	Pendahuluan	207
5.2	Gambaran Ringkas Kajian	207
5.3	Penemuan Utama Kajian	208
5.3.1	Pengaruh langsung pada Prestasi Pengurusan Rantaian Bekalan (PPRB)	209
5.3.1.1	Penyelarasan Pelan pada PPRB	209
5.3.1.2	Inovasi PPRB	212
5.3.1.3	Kebolehpercayaan Penghantaran pada PPRB	215
5.3.2	Hubungan antara Manusia dengan Penyelarasan Pelan	219
5.3.3	Hubungan antara Manusia dengan Inovasi	221
5.3.4	Hubungan antara Manusia dengan Kebolehpercayaan Penghantaran	222
5.3.5	Hubungan antara Kawalan dengan Kebolehpercayaan Penghantaran	224
5.3.6	Kesan mediator penyelarasan pelan, kebolehpercayaan penghantaran dan inovasi keatas hubungan manusia dengan prestasi pengurusan rantaian bekalan	224
5.3.6.1	Pelan atas hubungan Manusia dan PPRB	225
5.3.6.2	Inovasi atas hubungan Manusia dan PPRB	225
5.3.6.3	Penghantaran atas hubungan Manusia dan PPRB	226
5.3.6.4	Kawalan dan Penghantaran atas hubungan Manusia dan PPRB	227
5.3.6.5	Inovasi, Kawalan dan Penghantaran atas hubungan Manusia dan PPRB	228
5.4	Implikasi Kajian	229
5.4.1	Implikasi Praktis terhadap Pengurusan Prestasi Pengurusan Rantaian Bekalan	229
5.4.1.1	Pembaikan Kebolehpercayaan Penghantaran	230
5.4.1.2	Pembaikan Penyelarasan Pelan	231
5.4.1.3	Pembaikan pada Faktor Inovasi	231
5.4.1.4	Pembaikan pada Faktor Manusia	232
5.4.1.5	Pembaikan Kawalan	232
5.4.2	Implikasi Akademik	233
5.4.2.1	Temuan Baru; Spesifik PPRB Barang Kawalan	233
5.4.2.2	Temuan Baru; Mengubahsuai hubungan Pemboleh Ubah terhadap PPRB	234
5.4.2.3	Temuan Baru; Instrument Pengukuran Manusia dan Kawalan	235
5.5	Batasan Kajian	236
5.5.1	Kesan dan Akibat	236
5.5.2	Generalisasi	236
5.5.3	Kaedah Kajian	237
5.6	Masalah Kajian	237
5.7	Arah tuju penyelidikan akan datang	238
5.8	Rumusan	239

## Senarai Jadual

Muka Surat

Jadual 1.1	Perkembangan Luas Tuai, Keluaran dan Produktifiti Padi di Indonesia	6
Jadual 1.2	Perbandingan Rancangan keperluan, Potensi dan Realisasi Pengedaran Baja Subsidi di Indonesia	7
Jadual 2.1	Teori Dasar daripada Gunasekaran	38
Jadual 2.2	Rumusan hasil hubungan langsung terhadap Pengurusan Rantaian Bekalan (PRB)	111
Jadual 2.3	Rumusan Hasil dari hubungan antara Manusia (M) terhadap Penyelarasan Pelan (PP), Kebolehan Penghantaran (KP) dan Inovasi (I)	116
Jadual 3.1	Instrumen Pengukuran Prestasi Pengurusan Rantaian Bekalan	125
Jadual 3.2	Instrumen Pengukuran Penyelarasan Pelan	126
Jadual 3.3	Instrumen Pengukuran Kebolehpercayaan Penghantaran	128
Jadual 3.4	Instrumen Pengukuran Inovasi	130
Jadual 3.5	Instrumen Pengukuran Faktor Manusia	133
Jadual 3.6	Instrumen Pengukuran Kawalan	135
Jadual 3.7	Defenisi daripada Instrumen Pengukuran Masing Masing Pemboleh Ubah	136
Jadual 3.8	Jumlah Sampel Kajian	142
Jadual 3.9	Bahagian Soal Selidik Kajian	144
Jadual 3.10	Indikator dan Kod Soal Selidik Kajian	146
Jadual 3.11	Hasil Pra Ujian Kebolehpercayaan (reabiliti) Pemboleh Ubah Kajian	160
Jadual 4.1	Kadar Maklum Balas Pengedaran Soalan Selidik	163
Jadual 4.2	Profail Responden	165
Jadual 4.3	Ringkasan Statistik Semua Item	168
Jadual 4.4	Keputusan Ujian Normaliti	169
Jadual 4.5	Keputusan Ujian Normaliti Sesudah Transformasi	171
Jadual 4.6	Hasil Ujian Multikolineariti	172

Jadual 4.7	Hasil Ujian Validiti dan Reabiliti Indikator untuk Model Pengukuran Original	173
Jadual 4.8	Hasil Ujian Reabiliti Indikator untuk Model Pengukuran Setelah Modifikasi	176
Jadual 4.9	Keputusan Ujian Kebolehpercayaan Pemboleh Ubah untuk Measurement Kajian	177
Jadual 4.10	Rumusan Hasil Ujian CFA Model Pengukuran Unidimensionaliti	185
Jadual 4.11	Hasil Uji Kebaikan Kesesuaian (Goodness of Fit) Model Struktural Hipotesis	187
Jadual 4.12	Hasil Ujian Generated Struktural Model (I)	190
Jadual 4.13	Hasil Ujian Hipotesis daripada Generated Model (Direct Effect terhadap PPRB)	191
Jadual 4.14	Hasil Ujian Hipotesis daripada Generated Model (Direct Effect terhadap PP, I, K dan KP)	193
Jadual 4.15	Persamaan Struktural PPRB	194
Jadual 4.16	Data untuk Ujian Pengantaraan Faktor Manusia (M) ke Prestasi Pengurusan Rantaian Bekalan (PPRB)	195
Jadual 4.17	Uji Mediator Pelan antara Manusia dan (PPRB)	198
Jadual 4.18	Ujian Mediator Penghantaran antara Manusia dan (PPRB)	199
Jadual 4.19	Ujian Mediator Inovasi antara Manusia dan (PPRB)	201
Jadual 4.20	Uji Mediator Kawalan dan Penghantaran antara Manusia dan (PPRB)	202
Jadual 4.21	Uji Mediator Inovasi, Kawalan dan Penghantaran antara Manusia dan (PPRB)	204
Jadual 4.22	Total Indirect Effect M terhadap (PPRB)	205



## Senarai Rajah

	Muka Surat
Rajah 2.1 Model teori Gunasekaran	42
Rajah 2.2 Beberapa Faktor yang Mempengaruhi Prestasi Pengurusan Rantai Bekalan	81
Rajah 2.3 Hubungan antara faktor bersepadu, pengurusan material, pelan, kawalan dan pengurusan aliran Kerja dengan prestasi pengurusan rantaian bekalan pada syarikat pengilang di Malaysia	82
Rajah 2.4 Software modules covering the SC planning matrix	82
Rajah 2.5 Pengukuran daripada pengukuran rantai bekalan IKEA	83
Rajah 2.6 Collaboration pelan pada prestasi pengurusan rantaian bekalan	84
Rajah 2.7 Meningkatkan prestasi pengurusan rantaian bekalan: Pendekatan Sistemik untuk Analisis KPI Syarikat	85
Rajah 2.8 Respon Rantai Bekalan: Sebuah strategic pertandingan pada jaringan ekonomi	86
Rajah 2.9 Pengaruh daripada amalan pengurusan rantai bekalan pada prestasi syarikat	87
Rajah 2.10 Efek dari teknologi dan kolaborasi rantai bekalan dan inovasi pada prestasi pengurusan rantaian bekalan	88
Rajah 2.11 Orientasi pengukuran rantai bekalan SCOR	89
Rajah 2.12 Pengukuran dan metric pada 4 jaringan dasar pada rantai bekalan	90
Rajah 2.13 Desain analisis pengurusan rantai bekalan dan prestasi	91
Rajah 2.14 Pembangunan indikator prestasi pengurusan rantaian bekalan pada perspektif industri	92
Rajah 2.15 Modal pengaruh daripada aliran maklumat penghantaran barang dan kewangan pada prestasi pengurusan rantaian bekalan	93
Rajah 2.16 Dampak daripada E-Procurement pada prestasi pengurusan rantaian bekalan di Elgeyo-negara Marakwet	94
Rajah 2.17 Konseptual model daripada Cooperate Strategy pada Prestasi pengurusan rantaian bekalan and Supply Chain Performance by Structural Equation Modeling a Case Study in the Iranian Automotive Industry	95

Rajah 2.18	Pengaruh Amalan rantai bekalan untuk memenangkan pertandingan bisnis dan prestasi organisasi	96
Rajah 2.19	Bahagian daripada pengukuran Rantai bekalan	97
Rajah 2.20	Pengukuran daripada pengukuran Rantai bekalan: sebuah pendekatan perniagaan	98
Rajah 2.21	Diambil dari Pengurusan rantai bekalan dan pelan	98
Rajah 2.22	Diambil dari Pengaruh daripada Amalan Pengurusan rantai bekalan pada prestasi syarikat	99
Rajah 2.23	Pengaruh daripada strategik (planning, inovasi dan penghantaran) terhadap Prestasi pengurusan rantaian bekalan pada pengilang Smes di Aguascalientes	100
Rajah 2.24	Tekanan pelanggan dan inovasi: peranan mereka dalam pengurusan rantaian bekalan yang mampan	101
Rajah 2.25	Pegurusan rantaian bekalan, fleksibiliti rantaian bekalan dan prestasi perniagaan	102
Rajah 2.26	Hubungan antara keberkesanan pengurusan rantaian bekalan terhadap faktor kawalan dan inovasi syarikat	103
Rajah 2.27	Penaruh Struktural pengurusan rantaian bekalan pada Kulaiti barang dan prestasi perniagaan	104
Rajah 2.28	Orientasi Pengurusan rantaian bekalan dan Prestasi Pembekal dan Pembeli.	105
Rajah 2.29	Kawalan mempengaruhi secara tidak langsung Prestasi pengurusan rantaian bekalan	106
Rajah 2.30	Pengukuran dan metric pada empat jaringan dasar pada rantai bekalan (Gunasekaran et al., 2001)	107
Rajah 2.31	Pengaruh faktor Manusia terhadap plan dan kawalan pada Pengurusan rantaian bekalan	108
Rajah 2.32	Perspektives daripada Prestasi pengurusan rantaian bekalan; Pengaruh sikap dan asimilasi	109
Rajah 2.33	Efek dari teknologi dan kolaborasi rantai bekalan dan inovasi pada Prestasi Pengurusan rantaian bekalan	110
Rajah 2.34	Hubungan antara Pengurusan rantai bekalan pada pengilang di Indiana	110
Rajah 3.1	Proses Kajian	121
Rajah 3.2	Model Teoritik Kajian	122
Rajah 3.3	Reka bentuk kajian SEM pada PPRB barang kawalan	139
Rajah 4.1	CFA Awal dan Final PPRB	179
Rajah 4.2	CFA Awal dan Final PP (Penyalarasan Pelan)	180

Rajah 4.3	CFA Awal dan Final KP (Kebolehpercayaan Penghantaran)	181
Rajah 4.4	CFA Awal dan Final I (Inovasi)	182
Rajah 4.5	CFA Awal dan Final M (Manusia)	183
Rajah 4.6	CFA Awal dan Final K (Kawalan)	184
Rajah 4.7	Model Struktural Sesuai Hipotesis	186
Rajah 4.8	Model General Struktural (GM)	189
Rajah 4.9	Model General Struktural (M ke PPRB ditambahkan)	196
Rajah 4.10	Mediator Pelan atas hubungan Manusia dan PPRB	197
Rajah 4.11	Pengantaraan Penghantaran atas hubungan Manusia dan PPRB	199
Rajah 4.12	Mediator Inovasi atas hubungan Manusia dan PPRB	200
Rajah 4.13	Mediator Kawalan dan Penghantaran atas hubungan Manusia dan PPRB	202
Rajah 4.14	Mediator Inovasi, Kawalan dan Penghantaran atas hubungan Manusia dan PPRB	204



**UUM**  
Universiti Utara Malaysia

## Senarai Singkatan

ATT	Attitude Toward Behavior
BBM	Bahan Bakar Minyak
BIMAS	Bimbingan Massal
BIMAS	Bimbingan Massal
BSC	Balance ScoreCard
BUMN	Badan Usaha Milik Negara
CB	Control Belief
CFA	Confirmatory Factor Analysis
CFI	Bentler Comperatif Index Fit
CSCMP	Council Supply Chain Management Professional
Ditjen PSP	Direktorat Jenderal Pengadaan Sarana Produksi
ESDM	Energi dan Sumber Daya Mineral
ESDM	Energi Sumber Daya Mineral
GFI	Goodness of Fit Index
I	Inovasi
IFI	Incremental Fit Index
K	Kawalan
KP	Kehandalan Penghantaran
KPRB	Kualiti Pengurusan Rantaian Bekalan
M	Manusia
MENTAN	Menteri Pertanian
MT	Musim Tanam
PNS	Pegawai Negeri Sipil
PPRB	Prestasi Pengurusan Rantai Bekalan
PR	Penyelarasan Plan
PRB	Pengurusan Rantai Bekalan
PSE-KP	Pusat Analisis Sosial Ekonomi dan Kebijakan Pertanian
RB	Rantai Bekalan
RDKK	Rancangan Defenitif Keperluan Kumpulan petani
SC	Supply Chain

SCC	Supply Chain Council
SCM	Supply Chain Management
SCMP	Supply Chain Management Practices
SCMS	Supply Chain Management Strategy
SCOR	Supply Chain Operation Reference
SEM	Struktural Equation Model
SK	Surat Keputusan
SMO	Supply Management Orientation
SN	Subject Norm
SPRB	Sistem Pengurusan Rantaian Bekalan
TLI	Tucker Lewis Index



**UUM**  
 Universiti Utara Malaysia

## Senarai Lampiran

Muka Surat

Lampiran 1	Hubungan antar Pemboleh Ubah dan Sumber	260
Lampiran 2	Instrumen pengukuran Prestasi Pengurusan Rantaian Bekalan (PPRB)	262
Lampiran 3	Pola Pengedaran Baja Subsidi di Indonesia	268
Lampiran 4	Sumbangan Lapangan Usaha Pertanian terhadap Gnpatas Dasar Harga Berlaku di Indonesia, Tahun 2009 – 2012	270
Lampiran 5	Pengeluaran, Luas Tuai dan Produktiviti Tanaman Padi, Kontan dan Hortikultura di Indonesia Tahun 2009 – 2013	271
Lampiran 6	Empat Negara dengan Jumlah Penduduk Terbanyak di Dunia	272
Lampiran 7	Trend Pertumbuhan Penduduk Indonesia	273
Lampiran 8	Persyaratan Pengedar Baja Subsidi	274
Lampiran 9	Persyaratan Peruncit Baja Subsidi	275
Lampiran 10	Realisasi Pengedaran Baja Urea Subsidi Per Propinsi Di Indonesia Tahun 2011 - 2014	276
Lampiran 11	Soal Selidik ( Questionnaire )	277
Lampiran 12	Hasil Ujian Realibiliti PRA1	288
Lampiran 13	Hasil Ujian Realibiliti PRA 2 & 3	292
Lampiran 14	Collinearity Statistics PPRB	299
Lampiran 15	CFA Prestasi Pengurusan Rantaian Bekalan (PPRB)	300
Lampiran 16	CFA Penyelarasan Pelan (PP)	305
Lampiran 17	CFA Kebolehpercayaan Pengantaraan (KP)	310
Lampiran 18	CFA Inovasi (I)	315
Lampiran 19	CFA Kawalan (K)	320
Lampiran 20	CFA Manusia (M)	325
Lampiran 21	Hipotesis Model	330
Lampiran 22	Generated Structural Model	336
Lampiran 23	Generated Structural Model ( M Sambung Ke PPRB)	339

# **BAB I**

## **PENGENALAN**

### **1.1 Pengenalan Bab**

Bab pertama bermula dengan penjelasan tentang kepentingan Pengurusan Rantaian Bekalan (PRB) bagi syarikat. Selanjutnya Bab ini memperkenalkan isu mengenai Prestasi Pengurusan Rantaian Bekalan (PPRB) daripada barang kawalan di Indonesia. Bab ini diakhiri dengan pernyataan masalah, pertanyaan kajian, tujuan kajian, kepentingan kajian dan skop kajian.

### **1.2 Pendahuluan**

Pada masa ini, sebahagian besar syarikat telah menyedari bahawa Rantaian Bekalan (RB) merupakan bahagian penting dari perniagaan. Kesedaran ini kerana pengurusan rantaian bekalan selalu memberikan pengaruh besar terhadap tindakan dan kejayaan syarikat. Namun demikian rantaian bekalan sahaja tidak cukup, yang diperlukan ialah rantaian bekalan yang dijalankan dengan optima, kerana hanya syarikat yang melaksanakan rantaian bekalan secara berkesan dan cekap yang akan berjaya. Oleh itu perlu mengoptimalkan kegiatan rantaian bekalan, dan untuk kepentingan ini boleh diproses melalui pengurusan rantaian bekalan (Janvier-James, 2012).

Menurut Chow dan Heaver (1999) pengurusan rantaian bekalan adalah pengurusan dari sekumpulan pengeluar, pembekal, pengedar, peruncit, pengangkutan, maklumat, pembekal perkhidmatan logistik dan lain-lain yang terlibat dalam menyediakan barang kepada pengguna. Kegiatan pengurusan rantaian bekalan meliputi perancangan dan pengurusan aktiviti yang terlibat dalam sumber dan perolehan, penukaran, dan semua kegiatan pengurusan logistik. Dengan demikian penting untuk

melakukan koordinasi dan kolaborasi dengan rakan-rakan saluran, pembekal, perantara, pembekal perkhidmatan pihak ketiga, dan pelanggan (CSCMP, 2009).

Dalam rangka menilai apakah pengurusan rantaian bekalan sudah berjalan secara optimum atau tidak, perlu dilakukan pengukuran terhadap prestasi pengurusan rantaian bekalan. Gunasekaran dan Kobu (2007) menyebutkan bahawa dengan mengukur prestasi pengurusan rantaian bekalan dapat mengenalpasti kejayaan, samada keperluan pelanggan sudah dipenuhi, pemahaman yang lebih baik tentang proses, mengenalpasti kesalahan dan hal yang tidak perlu, masalah dan peluang penambahbaikan, memberikan keputusan faktual, membolehkan kemajuan, pengesanan kemajuan, memudahkan kerja sama dan komunikasi yang lebih terbuka dan telus.

### **1.3 Latar Belakang Kajian**

Baja merupakan salah satu prasarana produksi untuk meningkatkan pengeluaran dan produktiviti tanah pertanian. Di Indonesia baja mendapat perhatian yang amat besar daripada kerajaan untuk mencapai ketahanan makanan nasional. Sebagai prasarana produksi yang strategik, kerajaan telah membuat 2 (dua) polisi utama tentang baja, iaitu pertama, memberikan subsidi baja kepada petani, dan kedua, menetapkan pengurusan rantaian bekalan (PRB) baja (Ditjen PSP Kementan, 2012).

#### **1.3.1 Subsidi Baja**

Untuk meningkatkan prestasi sektor pertanian, khususnya sub sektor tanaman makanan Kerajaan Indonesia membuat polisi subsidi baja untuk petani agar harga yang ditawarkan berpatutan. Subsidi baja hanya diberikan kepada petani tanaman makanan (padi, tanaman kontan dan hortikultura) dan ladang rakyat. Keperluan baja



untuk ladang-ladang besar (milik kerajaan mahupun swasta) dan keperluan industri tidak mendapat subsidi, sehingga mereka membeli baja dengan harga bukan subsidi. (Ditjen PSP Kementan, 2012).

Dasar pemikiran polisi ini bahawa baja merupakan faktor utama dalam meningkatkan pengeluaran, dan dengan harga subsidi baja akan lebih murah, sehingga akan mendorong peningkatan penggunaan baja tersebut (PSE-KP 2009). Disamping itu, subsidi baja juga dimaksudkan untuk mencetuskan kecenderungan kenaikan harga baja di pasaran antarabangsa dan penurunan tahap keuntungan usaha tani (PSE-KP 2006). Kebaikannya adalah subsidi baja diharapkan dapat meningkatkan pengeluaran tanah pertanian dan kesejahteraan petani.

### **1.3.2 Pengurusan Rantaian Bekalan (PRB) baja.**

Kerajaan Indonesia juga membuat polisi dalam pelaksanaan pengurusan rantaian bekalan baja, agar baja boleh didapati dengan cukup dan sesuai peruntukannya. Dengan itu petani terutama petani padi dapat meningkatkan pengeluaran padinya, sehingga menjamin tersedianya padi dan beras dalam negeri mencukupi, sekaligus meningkatkan pendapatan petani.

Terganggunya bekalan baja akan mengakibatkan terganggunya pengeluaran padi dan beras, yang mungkin meningkatkan masalah sosial. Hal ini terutama kerana populasi penduduk Indonesia seramai 242 juta orang, adalah keempat terbesar didunia, dengan kadar pertumbuhan yang cukup tinggi iaitu 1.60 % setahun, dimana makanan pokoknya beras (Lampiran 6). Penurunan pengeluaran beras Nasional memberi kesan kepada urusan mengimport beras negara yang boleh melemahkan kestabilan negara.

Berdasarkan Peraturan Menteri Pertanian Republik Indonesia Nombor 87/Permentan/SR.130/12/2011 tarikh 9 Disember 2011, bahawa polisi pengedaran baja subsidi kepada petani di Indonesia dilakukan melalui sistem pengurusan rantaian bekalan barang kawalan (Ditjen PSP Kementan, 2012). Sasaran polisi ini adalah:

- a. Merekod keperluan baja subsidi untuk petani secara sebenarnya.
- b. Memenuhi keperluan petani untuk memperoleh baja subsidi.
- c. Mengedarkan baja subsidi sesuai dengan peruntukannya.

Dalam pelaksanaan sistem pengurusan rantaian bekalan barang kawalan untuk baja ini, pengedaran baja bermula dari kilang hingga kepada petani dilakukan oleh Kerajaan melalui BUMN (Badan Usaha Milik Negara), yaitu PT. Pupuk Indonesia (Holding) bersama pengedar dan peruncit. Jumlah baja yang akan diedarkan berdasarkan Rancangan Defenitif Keperluan Kumpulan petani (RDKK). Pada rancangan defenitif keperluan kumpulan menyenaraikan dengan jelas: nama dan alamat kumpulan tani, nama petani, jenis komoditi, luas tanah, jenis dan jumlah baja yang diperlukan untuk satu tempoh musim tanaman, ditanda tangani oleh petani yang bersangkutan.

Dengan sistem pengurusan rantaian bekalan barang kawalan untuk baja ini diharapkan baja akan disediakan dengan jumlah dan harga yang berpatutan bagi masyarakat petani/kumpulan tani, serta pengedaran baja sesuai dengan peruntukannya dan wilayah pengedarannya. Dengan itu produktiviti tanah diharapkan dapat ditingkatkan.

Banyak kajian yang telah dilakukan untuk mengukur prestasi pengurusan rantaian bekalan. Namun demikian belum ada perhatian dan kajian yang tertumpu pada

bidang pengukuran prestasi pengurusan rantaian bekalan barang kawalan bersesuaian dengan topik kajian, maka kajian yang akan dilakukan kepada pengukuran kejayaan pengurusan rantaian bekalan barang kawalan baja di Indonesia.

#### **1.4 Masalah Kajian**

Pelbagai usaha untuk kejayaan pengurusan rantaian bekalan barang kawalan baja telah dilakukan oleh kerajaan Indonesia agar pengedaran baja sesuai dengan peruntukannya dan wilayah pengedarannya. Dengan ini dapat meningkatkan pengeluaran dan produktiviti tanah pertanian, dan seterusnya dapat meningkatkan kesejahteraan petani. Namun demikian ada beberapa fenomena yang terjadi pada pengurusan rantaian bekalan barang kawalan baja, seperti berikut:

##### **1.4.1 Ketidakselarasan Penghantaran dan Penerimaan.**

Masalah kajian pertama dapat dilihat pada ketidakselarasan penghantaran dan penerimaan baja. Umpamanya, dari statistik pengedaran baja oleh syarikat PT. Pupuk Indonesia (Jadual 1.1) didapati bahawa terdapat perbezaan yang cukup besar antara peruntukan baja yang ditetapkan berdasarkan Keputusan Menteri Pertanian dengan pengedaran baja sebenar. Perbezaan ini diperlihatkan pada kolum perbezaan 2:3 (Jadual 1.1). Bekalan untuk baja Urea lebih besar dari merealisasikan pengedarannya, dengan perbezaan mencapai 110%. Selain daripada itu, bekalan baja bukan Urea jauh lebih kecil dari pada realisasi pengedarannya, dengan perbezaan jauh dibawah 100%. Disisi lain, bila dibandingkan pula antara realisasi pengedaran baja dengan keperluan sebenar (berdasarkan luas kawasan tanam didarab dengan anjuran takaran baja) terdapat perbezaan yang cukup besar. Untuk baja Urea pengedarannya jauh diatas keperluan sebenarnya, dan untuk baja bukan Urea pengedarannya jauh dibawah keperluan sebenarnya.

Hal ini mengenalpasti pula adanya berbagai persoalan yang terjadi pada faktor penghantaran dalam pengurusan rantai bekalan barang kawalan baja subsidi.

#### Jadual 1.1

Keperluan sebenar, Peruntukan dan Pengedaran Sebenar Baja Subsidi di Indonesia.

BAJA	Keperluan sebenar (ton)	Peruntukan Baja (ton)	Pengedaran sebenar (ton)	Perbezaan (%)	
	1	2	3	2:1	2:3
UREA	4.012.196	4.954.238	4.415.507	123	110
SP36	2.006.098	750.000	635.272	37	32
ZA	1.604.878	975.000	774.794	61	48
NPK	4.814.635	2.350.000	1.249.201	49	26
ORGANIK	8.024.392	703.986	275.127	9	3

Sumber: PT. Pupuk Indonesia (2012)

Keterangan:

- Peruntukan baja sesuai SK. Mentan Nombor 86/Permentan/ SR.130/12/2011 tentang bajet peruntukan baja subsidi.
- Keperluan sebenar ialah cadangan baja berdasarkan luas kawasan tanaman didarab dengan anjuran takaran baja
- Pengedaran sebenar dikira berdasarkan purata realisasi tahun 2007-2011
- Rekomendasi takaran baja: Urea = 250 kg/ha, SP36 = 125 kg/ha, ZA = 100 kg/ha, NPK = 300 kg/ha dan Organik = 500 kg/ha.

#### 1.4.2 Ketidakaapaian Pelan Sasaran

Berdasarkan statistik dari syarikat PT. Pupuk Indonesia pada Jadual 1.1 ini, menunjukkan perbezaan yang cukup besar antara peruntukan baja subsidi yang ditetapkan oleh Kementerian Pertanian dengan keperluan sebenarnya. Perbezaan ini diperlihatkan pada ruang 2:1. Bekalan untuk baja Urea jauh lebih besar dari perhitungan potensi keperluannya, dengan perbezaan mencapai 123%. dan

sebaliknya, bekalan baja Bukan Urea jauh lebih kecil dari perhitungan keperluan sebenarnya, dengan perbezaan dibawah 100%.

Perbezaan antara peruntukan dan potensi keperluan akan menyebabkan keperluan sebenar dengan bekalan baja akan berbeza, sehingga ada kawasan yang berlebihan dan banyak kawasan yang kekurangan. Perbezaan antara bekalan dan potensi keperluan tersebut mengenalpasti adanya masalah pada faktor pelan didalam prestasi pengurusan rangkaian bekalan barangan kawalan baja subsidi.

Disisi lain anggaran subsidi baja yang diberikan oleh kerajaan cukup besar. Berdasarkan data dari Ditjen Anggaran bahawa pada tahun 2011 subsidi baja mencapai Rp 16.38 Trilion (USD 16.38 bilion), dan tahun 2012 meningkat menjadi Rp 16.90 Trilion (USD 16.90 bilion) (Tukaran dihitung 1 USD = Rp 10,000). Walaupun subsidi yang diberikan cukup besar dan meningkat setiap tahun, namun produktiviti tanah padi pada beberapa tahun lalu ini agak tetap, dan bahkan mengalami penurunan pada tahun 2011. Dan juga purata pertumbuhan keluaran padi dalam lima tahun terakhir ini agak rendah, seperti yang dikemukakan pada Jadual 1.2 dibawah ini.

Jadual 1.2

*Perkembangan Luas Tuaian, Keluaran dan Produktiviti Padi di Indonesia*

No	Tahun	Luas Tuaian		Keluaran		Produktiviti	
		(000 Ha)	+/- (%)	(000 Ton)	+/- (%)	(Ton/Ha)	+/- (%)
1.	2009	12.884		64.399		4.99	
2.	2010	13.253	2.86	66.469	3.21	5.02	0.32
3.	2011	13.204	-0.37	65.757	-1.07	4.98	-0.70
4.	2012	13.446	1.83	69.056	5.02	5.14	3.13
5.	2013	13.451	0.04	69.271	0.31	5.15	0.27
Purata pertumbuhan			1.09		1.87		0.76

Sumber: Badan Pusat Statistik Indonesia ( 2013 ).

Berdasarkan huraian diatas, ternyata telah menunjukkan bahawa polisi kerajaan

memberikan subsidi baja belum menampakkan pengaruh yang berarti dalam meningkatkan keluaran dan produktiviti tanah pertanian, khususnya bagi keluaran dan produktiviti padi. Hal ini dipertikaikan kerana ada perkara yang salah dalam prestasi pengurusan rantaian bekalan, dalam hal ini adalah barang kawalan iaitu baja subsidi.

### **1.4.3 Kekurangan Inovasi Rantaian Bekalan**

Dari hasil kajian Pattiro-USAID (2011) menyatakan bahawa telah terjadi beberapa kali penyempurnaan dari polisi rantaian bekalan baja di Indonesia. Menurut Darwis dan Chairul (2007) bahawa sejak adanya polisi pengedaran baja subsidi dari kerajaan Indonesia era program Bimas (1969-1979) memperkenalkan baja kepada petani. Selanjutnya era program Intensifikasi hingga era pasar bebas (1998-2001), nampaknya polisi yang diterapkan selalu menemui masalah dan tidak adanya batasan ketentuan stok baja, tidak mempunyai kerajaan memperbaiki mekanisme pengedaran baja dalam negeri sehingga terjadi kekurangan baja dan penyimpangan yang dilakukan oleh pihak-pihak tertentu di berbagai wilayah pengguna baja terutama di daerah penanaman padi utama.

Dengan program Bimas, penggunaan teknologi usahatani dihalakan kepada; a) cara pertanian yang lebih produktif, b) berusaha dengan lebih menguntungkan, c) kehidupan petani dan masyarakat yang lebih sejahtera (Bimas, 1997).

Terdapat dua kegiatan utama teknologi usahatani yang mencakupi program BIMAS; a) bimbingan dalam bertani; yang meliputi bimbingan untuk peningkatan keluaran seperti; penggunaan benih bermutu, pemberian baja, memperbaiki kaedah usahatani, pengendalian serangga dan penyakit, dan pengairan dan saluran air, b) bimbingan dalam usahatani yang meliputi bimbingan untuk meningkatkan faedah atau

keuntungan usahatani, seperti kaedah tuaian, pasca tuai (pengangkutan keluaran, pengolahan, penyimpanan dan pemasaran keluaran).

Teknologi usahatani yang dimaksudkan dalam kajian ini adalah teknologi untuk meningkatkan keluaran padi, dan keuntungan usaha tani bermula dari penggunaan benih/bibit yang bermutu hinggalah kepada kaedah penyimpanan dan jualan hasil padi

Seterusnya, sejak tahun 2003 hingga tahun 2006 polisi kerajaan tentang pengedaran baja dibuat sangat komprehensif, namun ternyata tidak menjamin adanya bekalan baja ditingkat petani. Polisi yang terakhir dikeluarkan oleh kerajaan dalam mengatasi keperluan baja adalah Peraturan Menteri Pertanian Republik Indonesia Nombor 87/Permentan/SR.130/12/2011 tarikh 9 Disember 2011, bahawa polisi pengedaran baja subsidi kepada petani di Indonesia dilakukan melalui sistem pengurusan rantaian bekalan barang kawalan (Ditjen PSP Kementan, 2012). Namun demikian menurut hasil kajian Lembaga Penyelidikan & Pemberdayaan Masyarakat Institut Pertanian Bogor (2011), bahawa fenomena yang sering terjadi, iaitu petani masih mengeluh mengenai kekurangan bekalan dan lonjakan harga baja. Keadaan ini menunjukkan bahawa masih perlu perubahan pada faktor Inovasi dalam pengurusan rantaian bekalan barang kawalan baja subsidi.

#### **1.4.4 Kekurangan Kawalan**

Maulana dan Rahman (2009) menyatakan bahawa dengan pemberian subsidi baja hanya untuk sektor tanaman makanan, maka berlaku perbezaan harga yang cukup besar antara baja subsidi dengan bukan subsidi domestik dan harga antarabangsa. Pasaran baja domestik terdapat dua harga, dan tanpa adanya kawalan yang mencukupi dan penerapan sekatan yang ketat, akan terjadi penyerapan baja dari pasaran subsidi ke

bukan subsidi. Seterusnya Lakitan (2008) mengatakan bahawa masalah kawalan dinyatakan sebagai masalah yang paling mendasar pada sistem pengedaran baja subsidi, kerana boleh berlaku penyelewengan pengedaran. Akibatnya, petani yang sepatutnya memperoleh baja subsidi akan mengalami kesukaran dari segi jumlah maupun harga.

Dari permasalahan diatas juga mengenal pasti adanya hal yang kurang pada faktor kawalan dalam pengurusan rantai bekalan barang kawalan baja subsidi.

#### **1.4.5 Faktor Manusia**

Manusia merupakan sumber daya yang paling penting dalam usaha organisasi mencapai kejayaan. Walaupun sebuah organisasi sistemnya sudah baik, namun bila faktor manusia tidak baik, maka tujuan organisasi sukar tercapai. Sehingga, kini masyarakat telah meningkatkan perhatiannya terhadap aspek manusia tersebut. Nilai nilai kemanusiaan semakin diselaraskan dengan aspek teknologi mahupun ekonomi.

Dengan adanya perbezaan harga yang cukup besar antara baja subsidi dengan bukan subsidi domestik dan harga antarabangsa, maka boleh berlaku pilihan penyimpangan dan penyelewengan. Dalam hal ini nilai nilai moral manusia dapat memainkan peranan dalam menentukan pilihan, termasuk pilihan untuk melakukan penyimpangan dan penyelewengan. Seseorang yang moralnya rendah cenderung mudah tergoda untuk melakukan penyimpangan dan penyelewengan.

Menurut Handoyo (2009) bahawa penyimpangan atau penyelewengan merupakan suatu perilaku manusia yang diakibatkan oleh tekanan sosial, sehingga menyebabkan pelanggaran norma norma. Menurut Wahyudi (2007) bahawa sebab sebab manusia terdorong untuk melakukan penyimpangan dan penyelewengan, iaitu: (a) Sifat tamak manusia, (b) Moral yang kurang kuat menghadapi godaan, (c) gaya hidup konsumtif,



(d) tidak mau (malas) kerja kuat. Selanjutnya Hardjapamekas (2008) menyatakan bahawa banyaknya penyimpangan dan penyelewengan yang berlaku disebabkan beberapa perkara, diantaranya kerana (1) Kurang keteladanan dan kepimpinan elite bangsa, (2) Rendahnya gaji Pegawai Negeri Sipil (PNS), (3) Lemahnya komitmen dan perlembagaan penguatkuasaan undang-undang dan peraturan perundangan, (4) Rendahnya integriti dan profesionalisme, (5) Mekanisma pengawasan dalaman dan semua institusi kewangan dan birokrasi belum mapan, (6) Keadaan persekitaran kerja, dan (7) Lemahnya keimanan, kejujuran, rasa malu dan etika.

Dari permasalahan diatas juga mungkin kerana adanya hal yang kurang pada faktor kemanusiaan dalam PPRB barang kawalan baja subsidi.

Beberapa isu yang dikemukakan di atas menunjukkan bahawa pelbagai polisi kerajaan tentang pengurusan rantai bekalan barang kawalan, dalam hal ini baja, belum menampakkan pengaruh yang berkesan khususnya bagi peningkatan pengeluaran dan produktiviti tanah padi. Disamping itu juga menunjukkan bahawa adanya masalah pada pengurusan rantai bekalan barang kawalan baja di Indonesia. Dan seterusnya permasalahan barang kawalan ini juga menunjukkan bahawa entity yang terlibat banyak bertumpu pada pengedar dan peruncit.

### **1.5 Pertanyaan Kajian**

Bersesuaian dengan isu yang telah dibincangkan sebelumnya, maka punca prestasi pengurusan rantai bekalan lemah mungkin disebabkan oleh faktor sistem pelaksanaan dan faktor kemanusiaan. Berdasarkan masalah-masalah yang dikenalpasti diatas, maka soalan yang diajukan dalam kajian ini adalah:

1. Sejauh mana keselarasan pelan, inovasi dan kebolehpercayaan penghantaran

mempengaruhi langsung prestasi pengurusan rantai bekalan?

2. Bagaimana faktor manusia memberi kesan terhadap keselarasan pelan?
3. Bagaimana faktor manusia mempengaruhi langsung inovasi?
4. Adakah faktor manusia dan kawalan memberi kesan terhadap kebolehpercayaan penghantaran?
5. Bagaimana kesan pengantaraan pelan, inovasi, kebolehpercayaan penghantaran dan kawalan keatas hubungan manusia dengan prestasi pengurusan rantai bekalan?

## 1.6 Tujuan Kajian

Sehubungan dengan senario dan permasalahan yang sudah dikemukakan sebelumnya, maka tujuan utama kajian ini adalah untuk memahami faktor dominan yang menyumbang kepada prestasi pengurusan rantai bekalan barang kawalan. Disamping itu akan cuba menjawab persoalan-persoalan yang ditimbulkan yang lebih pasti melalui pembuktian secara empirikal hubungan antara pelan, penghantaran, inovasi, manusia dan kawalan dengan prestasi pengurusan rantai bekalan barang kawalan. Oleh itu secara umum kajian ini akan menggunakan teori pengurusan rantai bekalan, dan teori hubungkait antara faktor pelan, penghantaran, inovasi, manusia dan kawalan dengan prestasi pengurusan rantai bekalan.

Secara spesifik tujuan kajian ini adalah :

1. Mengkaji secara empirikal pengaruh langsung keselarasan pelan, inovasi dan kebolehpercayaan penghantaran pada prestasi pengurusan rantai bekalan.
2. Mengenal pasti hubungan faktor manusia dengan pelan.

3. Mengenal pasti hubungan faktor manusia dengan inovasi.
4. Mengenal pasti hubungan faktor manusia dan kawalan pada kebolehpercayaan penghantaran.
5. Menyiasat secara empirikal kesan pengantaraan penyelarasan pelan, inovasi, kebolehpercayaan penghantaran dan kawalan keatas hubungan manusia dengan prestasi pengurusan rantai bekalan.

## 1.7 Kepentingan Kajian

Beberapa kepentingan dari kajian ini, iaitu:

### 1.7.1 Bagi Kerajaan.

Secara khusus kajian prestasi pengurusan rantai bekalan barang kawalan dengan menggunakan pada baja subsidi, akan memberi banyak keuntungan kepada kerajaan untuk sektor pertanian, antara lain:

- a. Meningkatkan ketepatan perancangan pengedaran baja sesuai permintaan dan keperluan pengguna akhir: petani, ladang dan industri. Dan pada gilirannya akan meningkatkan produktiviti tanah pertanian secara keseluruhan.
- b. Meningkatkan prestasi penghantaran dari kilang ke pengedar kemudian ke peruncit dan ke pengguna akhir: petani, ladang dan industri.
- c. Mengurangkan persediaan baja di gudang pengilang, pengedar dan peruncit, sehingga kos yang lebih rendah pada rantai bekalan,
- d. Meningkatkan pemenuhan keperluan pelanggan yang lebih tinggi, dengan peningkatan kesedaran kapasiti, peningkatan fleksibiliti, kebolehpercayaan dipertingkatkan dan peningkatan responsiviti.

e. Meningkatkan kesedaran keselamatan makanan dan kesejahteraan petani.

### **1.7.2 Bagi Organisasi (Pengilang, Penedar dan Peruncit)**

Prestasi pengurusan rantaian bekalan barang kawalan diatur dan difasilitasi oleh pelbagai faktor. Organisasi akan mendapat manfaat daripada pemahaman yang komprehensif tentang faktor-faktor penting dalam pencapaian kejayaan prestasi pengurusan rantaian bekalan barang kawalan tersebut. Pemahaman tentang prestasi pengurusan rantaian bekalan adalah untuk kejayaan pencapaian tujuan perancangan dari prestasi pengurusan rantaian bekalan barang kawalan.

Kajian ini akan mengukur pengaruh dari prestasi faktor pelan, penghantaran, inovasi, manusia dan kawalan sebagai faktor bebas, terhadap kejayaan prestasi pengurusan rantaian bekalan barang kawalan sebagai faktor terikat. Keuntungan yang didapati adalah mengungkap sejauh mana prestasi pengurusan rantaian bekalan barang kawalan dapat memenuhi keperluan dan harapan dari organisasi. Hal ini juga mewujudkan kesedaran mengenai seberapa pentingnya faktor pelan, penghantaran, inovasi, manusia dan kawalan pada prestasi pengurusan rantaian bekalan barang kawalan. Dengan pendedahan ini organisasi boleh menentukan langkah dan sikap yang perlu diambil untuk memperbaiki rantaian bekalan mereka di masa hadapan.

### **1.7.3 Bagi Petani.**

Petani dapat menerima prasarana produksi pertanian baja sesuai dengan jenis, jumlah, masa, harga, tempat dan kualiti keperluannya, sehingga dapat meningkatkan produktiviti tanahnya, seterusnya meningkatkan pendapatan petani.

#### **1.7.4 Bagi Akademik.**

Pada penyelidikan ini juga akan memperluaskan pemahaman tentang isu penting yang terjadi berkaitan dengan manfaat dari prestasi pengurusan rantaian bekalan barang kawalan. Selain itu, akan menambah literatur dari pemahaman hubungan faktor faktor yang mempengaruhi prestasi pengurusan rantaian bekalan barang kawalan.

#### **1.7.5 Bagi Praktikal.**

Akhirnya, dari sisi praktikal diharapkan untuk mewujudkan pemahaman yang lebih baik tentang faktor penentu dari prestasi pengurusan rantaian bekalan barang kawalan terutama, dalam pembangunan aplikasi prestasi pengurusan rantaian bekalan barang kawalan oleh pengamal dan pengguna seperti penganalisis perniagaan dan pengambil keputusan dapat menggunakan model untuk menumpukan pada peningkatan faktor yang paling berharga dari prestasi pengurusan rantaian bekalan barang kawalan mereka.

### **1.8 Skop Kajian**

Tujuan utama dari kajian ini adalah untuk mengenalpasti faktor-faktor yang memberi sumbangan dominan terhadap kejayaan prestasi pengurusan rantaian bekalan barang kawalan dalam mencapai matlamat organisasi. Kajian ini akan dilakukan melalui dua tahap: Tahap pertama, eksplorasi untuk membangunkan model pengukuran dan, tahap kedua melaksanakan pengukuran dengan model yang dibina.

Kajian ini terhad hanya untuk menonjolkan permasalahan faktor pelan, penghantaran, inovasi, manusia dan kawalan terhadap kejayaan prestasi pengurusan

rantaian bekalan barang kawalan. Untuk kepentingan ini dilakukan terhadap baja subsidi di Indonesia.

Sementara itu dari beberapa jenis baja subsidi iaitu Urea, SP 36, ZA, dan Baja Organik, maka kajian akan difokuskan kepada baja Urea saja. Hal ini kerana yang menjadi permasalahan utama dalam pengedaran dan pemasaran baja subsidi adalah baja Urea. Disamping itu jumlah keperluan baja Urea adalah besar, berasal dari beberapa kilang di Indonesia serta senang untuk dijual kepada orang yang tidak layak menerimanya. Penulis akan menghadkan kajian ini hanya terhadap petani dan komoditi padi sahaja, kerana sektor ini merupakan pengguna terbesar baja subsidi.

### **1.9 Sumbangan Baru**

Banyak kajian yang telah dilakukan berkenaan dengan prestasi pengurusan rantai bekalan. Namun demikian dengan kajian ini akan dapat memberikan sumbangan baru kerana menggunakan faktor manusia. Hal ini disebabkan selama ini belum ada yang menggunakannya sebagai faktor yang mempengaruhi prestasi pengurusan rantai bekalan. Demikian pula kajian ini membahas secara spesifik tentang prestasi pengurusan rantai bekalan untuk khusus barang kawalan, merupakan hal yang baru. Hal ini kerana kajian yang dilakukan belum ada secara khusus terhadap barang kawalan. Disamping itu faktor kawalan ditambahkan sebagai perubah mediator, juga merupakan hal baru. Dengan demikian hal hal tersebut turut memberi sumbangan baru didalam kajian prestasi pengurusan rantai bekalan.

### **1.10 Susunatur Tesis**

Dalam penulisan ini ada lima Bab, termasuk Bab ini, dan masing-masing Bab akan menjelaskan secara sistematik hal hal yang dibincangkan.

Pada Bab I memberikan gambaran umum tentang kajian, mengenai latar belakang kajian, tujuan kajian dan butiran ringkas dari konteks kajian barang kawalan di Indonesia dan tahapan proses kajian.

Bab II mengenai teori-teori dan konsep-konsep kunci yang digunakan dalam kajian ini. Menyajikan berbagai karya tentang rantai bekalan, pengurusan rantaian bekalan, dan pengukuran prestasi pengurusan rantaian bekalan. Dengan pendekatan ini membantu pemahaman tentang teori dasar kajian, dan seterusnya akan membantu dalam membina kerangka konseptual berikutnya yang dibangunkan untuk kajian.

Bab III dikemukakan tentang metodologi yang digunakan dalam kajian ini juga menjelaskan teori yang akan digunakan untuk meneliti ukuran prestasi rantai bekalan dan seterusnya menjelaskan bahawa kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif. Kemudian proses pengumpulan data yang digunakan dalam kajian lapangan. Pada Bab ini juga memperkenalkan rangka kerja konseptual yang dibangunkan untuk kajian. Kerangka ini sebahagian besar dibuat berdasarkan idea-idea yang timbul dari pendekatan dan konsep yang dikenal pasti dalam ulasan karya dalam Bab II. Tujuan dari rangka kerja ini adalah untuk menjelaskan konsep logik dari kajian terhadap prestasi pengurusan rantaian bekalan barang kawalan.

Bab IV akan memberikan analisis terhadap pengukuran prestasi dalam rangka untuk memahami prestasi rantai bekalan dari hasil kajian. Analisis pengukuran prestasi rantai bekalan berdasarkan faktor pengukuran prestasi yang disajikan dalam rangka kerja konseptual kajian seperti dijelaskan dalam Bab III.

Bab V menyajikan kesimpulan kajian secara keseluruhan dan pernyataan akhir yang tertumpu pada penemuan-penemuan utama kajian dari penerapan kerangka konseptual. Akhirnya, Bab ini akan mengenalpasti kekuatan kunci dari kajian dan

beberapa keterbatasan kajian, dan menyimpulkan dengan membuat cadangan untuk kajian masa depan.





## **BAB II**

### **ULASAN KARYA**

#### **2.1 Pengenalan Bab**

Dalam Bab Pertama telah dibincangkan persoalan dan kajian tentang polisi kerajaan Indonesia dalam Pengurusan Rantai Bekalan (PRB) barang kawalan baja untuk meningkatkan pengeluaran dan produktiviti tanah pertanian. Seterusnya pada Bab dua ini akan membincangkan pandangan dari ulasan karya berkaitan. Bermula dengan sistem pembekalan baja subsidi di Indonesia dan baja penyokong projek besar padi. Seterusnya dengan pelbagai ulasan karya tentang tajuk yang dibahaskan, iaitu prestasi pengurusan rantai bekal (PPRB) barang kawalan. Disamping itu, bab ini juga akan membincangkan pelbagai ulasan karya bagi menyokong kepada hubungan antara pemboleh ubah dengan prestasi pengurusan rantai bekal barang kawalan. Ulasan karya yang dimaksudkan ialah bagi menyokong pemboleh ubah dan hubungan antara pemboleh ubah yang terlibat dalam pembentukan kerangka teori serta hipotesis kajian.

Pada bahagian ini akan disampaikan, pertama, sistem pembekalan baja subsidi di Indonesia, dan kedua, baja penyokong projek besar tanaman padi di Indonesia.

#### **2.2 Sistem Pembekalan Baja Subsidi di Indonesia**

Untuk PPRB barang kawalan, kordinasi dan kolaborasi dalaman dan luaran syarikat dilaksanakan sedemikian rupa untuk menyediakan barang kepada pelanggan tertentu saja. Pengertian tertentu disini bermakna individu atau kumpulan, syarikat atau kumpulan syarikat, sektor, lokasi dan lain lain yang sifatnya khusus.

Pengurusan rantaian bekalan barangan kawalan telah banyak dilakukan, terutama untuk produk strategik dan produk yang dikawal oleh kerajaan. Umpamanya, European Commission (2010) menyatakan bahawa mereka melakukan pengurusan rantaian bekalan barangan kawalan pada pengedaran elektrik dan gas. Pengurusan rantaian bekalan barang kawalan diklasifikasikan dengan kriteria berikut: (1) kerana alasan teknikal atau keselamatan yang tertentu, operasi atau proses pengeluaran pengguna sistem yang bersepadu; atau (2) sistem mengedarkan elektrik terutama kepada pemilik atau pengendali dari sistem atau usaha yang berkaitan (European Commission, 2010). Di Indonesia, Menteri ESDM (Energi dan Sumber Daya Mineral) Republik Indonesia, Yusgiantoro (2008), mengatakan bahawa dalam kes minyak tanah, subsidi dilakukan dengan prestasi pengurusan rantaian bekalan barang kawalan ialah untuk mencegah penggunaan minyak tanah yang selama ini salah sasaran. "Melalui sistem barangan kawalan, maka hanya masyarakat yang berhak saja, mendapatkan minyak tanah," katanya. Demikian pula Menteri Kewangan Republik Indonesia, Martowardojo (2010), menyatakan bahawa kerajaan Indonesia mengenakan prestasi pengurusan rantaian bekalan barangan kawalan untuk bahan bakar minyak (BBM) subsidi mulai tahun 2011, tujuannya selain penjimatan adalah agar subsidi diterima oleh mereka yang benar-benar berhak. Sesuai dengan Peraturan Menteri Pertanian Republik Indonesia Nombor 87/Permentan/SR.130/12/2011 pada 9 Disember 2011, mengisyaratkan bahawa pengedaran baja subsidi kepada petani di Indonesia dilakukan melalui rantaian bekalan barang kawalan agar baja dapat diedarkan ke lokasi yang tepat, dalam jumlah yang tepat, pada masa yang tepat, biaya yang tepat dan diterima oleh petani yang tepat pula. Namun demikian polisi kerajaan tentang pengedaran baja subsidi selalu bermasalah, sehingga telah mengalami beberapa kali perubahan untuk pembaikan.

Menurut Darwis dan Chairul (2007) bahawasanya polisi yang diterapkan pada pengedaran baja subsidi sejak masa program Bimas (1969-1979) hingga masa pasar bebas (1998-2001), nampaknya selalu menimbulkan masalah. Masalahnya bermula dari tidak adanya batasan ketentuan stok baja, hingga kepada kerajaan tidak mampu memperbaiki mekanisme pengedaran baja dalam negeri. Keadaan ini menyebabkan terjadi kekurangan baja dan penyelewengan yang dilakukan oleh pihak-pihak tertentu di berbagai wilayah pengguna baja terutama di daerah penanaman padi utama.

Sejak tahun 2003 hingga 2006 walaupun pengedaran baja yang dibuat sangat komprehensif ternyata tidak menjamin bekalan baja pada para petani. Perkara ini terjadi kerana, wujudnya penyeludupan baja melalui sistem eksport tidak sah yang semakin banyak terjadi, kerana harga baja melonjak secara drastik di pasaran dunia. Oleh itu, pihak kerajaan harus mengambil sesuatu tindakan supaya baja sentiasa mencukupi untuk para petani, dan dipihak lain pengedar maupun kilang baja memperoleh margin yang sesuai dengan khidmat yang diberikan. Oleh hal yang demikian, adalah penting dirangka suatu sistem urusniaga baja yang adil bagi para petani.

Seterusnya Darwis *et al* (2007) menyatakan bahawa beberapa faktor yang perlu diperhatikan dalam membina urusniaga baja yang adil, iaitu: (i) pihak yang berwajib harus dapat memberi jaminan bahawasanya bekalan baja untuk para petani terjamin agar program peningkatan ketahanan makanan tidak terganggu, (ii) industri baja nasional harus tumbuh dengan baik dan menikmati keuntungan yang wajar sehingga secara berterusan dapat menghasilkan baja dalam negara, dan (iii) para pengedar dan pembekal baja juga boleh menikmati keuntungan yang wajar dari urusniaga ini.

Selain itu, tujuan utama dari penerapan polisi penambahbaik baja subsidi yang telah dikeluarkan oleh kerajaan adalah agar bekalan dapat berjalan dengan baik dan tidak salah sasaran (*undercoverage*) dalam subsidi baja, maka:

(1) Kerajaan perlu tegas melaksanakan polisi itu sendiri, ertinya hukuman bagi yang melanggar harus benar-benar dilaksanakan dan dijadikan pengajaran kepada pelaku yang lain,

(2) Dalam pelaksanaannya diperlukan kawalan yang sangat ketat dari pihak-pihak yang terlibat,

(3) Polisi realokasi pengedaran baja subsidi menunjukkan keperihatinan dari kerajaan yang telah melalui pengkajian yang cermat (*due process*), sehingga enumerasi (gaji/upah) merupakan hal yang tidak kalah pentingnya untuk diperhatikan. Tujuan dari enumerasi itu sendiri untuk mengelakkan adanya perasaan kegiatan amal (karitatif) dari perlaksanaannya. Selain itu dengan pampasan yang jelas, maka profesionalisme dapat ditegakkan dan sebaliknya bagi pelaksana yang menjalankan tugas tidak sesuai dengan peraturan yang telah ditetapkan, haruslah diambil tindakan yang tegas terhadap mereka.

Pada tahun 2006, bersesuaian dengan Peraturan Menteri Perdagangan Nombor 03/MDAG/Per/2/2006 telah ditetapkan bahawa sistem pengedaran baja subsidi mengamalkan sistem pengedaran pasif dan semi tertutup. Pengedaran pasif ertinya pengedaran baja subsidi dilakukan oleh pengeluar mulai dari kilang sampai ke peruncit, yang seterusnya dijual di pasaran dilakukan secara pasif, di mana semua orang (petani, peniaga, kakitangan kerajaan) secara individu mahupun berkumpulan boleh membeli baja subsidi dengan datang sendiri ke kedai pengedar baja subsidi yang terletak di daerah atau kampung masing-masing. Semi tertutup artinya masih

ada peluang kumpulan petani untuk membeli terus dari pengedar dan bertindak sebagai pengedar. Antara kesan daripada sistem pengedaran baja subsidi yang pasif dan tidak lengkap tersebut adalah: rawan penyelewengan dan manipulasi, tidak tepat sasaran, tidak mampu mengatasi dua jenis harga, petani cenderung menggunakan baja terlalu banyak (*over intensification*).

Terakhir pada tahun 2011, bersesuaian dengan Peraturan Menteri Pertanian Republik Indonesia Nombor 87/Permentan/SR.130/12/2011 tarikh 9 Disember 2011, bahawa pengedaran baja subsidi ke petani di Indonesia dilakukan melalui rantaian bekalan barang kawalan. Jumlah baja yang akan diedarkan adalah berdasarkan Rancangan Defenitif Keperluan Kumpulan (RDKK). Sistem RDKK menyenaraikan dengan jelas: nama dan alamat kumpulan tani, nama petani, jenis komoditi, luas tanah, jenis dan jumlah baja yang diperlukan untuk satu tempoh musim tanaman, dan ditandatangani oleh petani yang bersangkutan. Dengan itu baja boleh diedarkan ke lokasi yang tepat, dalam jumlah yang tepat, pada masa yang tepat, kos yang tepat dan diterima oleh petani yang tepat pula. Kejayaan pengurusan rantaian bekalan akan meningkatkan produktiviti dan pengeluaran padi dan beras negara.

### **2.3 Baja Penyokong Projek Besar Tanaman Padi di Indonesia**

Beras merupakan komoditi strategik bagi kebanyakan negara, terutamanya negara yang sebahagian besar penduduknya menjadikan beras sebagai makanan utama. Cahyono (2001) dan Pambudy (2002) menyatakan bahawa perkara ini boleh dilihat menerusi keadaan perdagangan beras di pasaran dunia, dimana:

- a. Jumlah beras yang ada di pasaran dunia sangat sedikit seperti yang ditunjukkan oleh kadar eksport dan keluaran hanya antara 4-7% sahaja.

- b. Ekspot beras dunia dikuasai oleh empat negara (Thailand, Vietnam, India, dan USA), sedangkan impotnya tersebar di banyak negara.
- c. Pasaran beras dunia terhad secara geografi dan Asia dijadikan sebagai pasaran terbesarnya.
- d. Negara pengguna utama menghadkan pasaran domestiknya daripada pasaran beras dunia, sehingga berlaku lebih ekspot atau pun impot.
- e. Saradiri (*self-sufficient*) beras menjadi tujuan polisi kerajaan beberapa negara di Asia. Ekspot beras dilakukan setelah keperluan domestik dipenuhi. Oleh kerana beras merupakan bahan penting sebagai pengukur upah, dan komoditi politik bagi masyarakat di kawasan Asia, maka keperluan beras tidak sepenuhnya bergantung kepada bekalan beras dunia, tetapi juga bergantung kepada kawalan harga domestik, mahupun saradiri beras di kebanyakan negara Asia.
- f. Padi merupakan tanaman yang sangat sensitif terhadap perubahan iklim dan penyakit. Implikasinya adalah pengeluaran dan harga beras sangat cepat berubah serta tidak stabil.

Di Indonesia, menurut Puspooyo (2002) beras diguna oleh 95% penduduk, dan merupakan makanan utama serta dianggap memiliki keunggulan daripada segi pemakanan, iaitu menyumbang 56% keperluan kalori dan 46% protein. Dilihat daripada aspek harga, apabila dikira dengan nilai rupiah pekalori, beras lebih murah berbanding bahan makanan utama lainnya, seperti ubi dan kekacang. Daripada aspek penyimpanan, beras boleh disimpan lebih lama, kerana ia boleh digunakan pada masa diperlukan dan mudah untuk dimasak.

Menurut Amang dan Sawit (1999) masalah utama bagi pengeluaran beras di Indonesia adalah daripada aspek kedudukan sosioekonomi petani kerana: a) purata skel pengeluaran tanaman padi hanya 0.3 hektar untuk setiap rumah petani, b) sekitar 70% petani padi (khususnya buruh tani dan petani skel kecil) adalah golongan miskin atau berpendapatan rendah, c) sekitar 60% petani adalah pengguna beras bersih, d) purata pendapatan isi rumah petani adalah daripada usaha tani padi, dan hal itu hanya lebih kurang 30% sahaja daripada jumlah pendapatan keluarga.

Dalam usaha mengatasi masalah makanan (beras) nasional dan memajukan pertanian rakyat secara menyeluruh, kerajaan Indonesia telah pun memulakan program peningkatan keluaran padi sejak tahun 1958 dengan membentuk Badan Syarikat Produksi Bahan Makanan dan Pembukaan Tanah dibawah Jabatan Pertanian. Kemudian organisasi ini diubah menjadi Dewan Produksi Nasional pada tahun 1964, dengan tujuan melaksanakan program pencapaian saradiri beras. Para petani sebagai pelaksana dari program sara diri beras dihala untuk bersama dalam kumpulan sawah berkumpul sekawasan, dibawah pengerusi Kumpulan Tani. Program pencapaian saradiri beras ini lebih dikenal sebagai projek panca usaha lengkap. Seterusnya program ini berubah bentuk lagi menjadi bimbingan masal, dan akhirnya menjadi program Bimbingan Masal Nasional (BIMAS).

Program BIMAS merupakan program kerajaan dalam usaha untuk meningkatkan pengeluaran dan usaha pertanian melalui intensiti komoditi prioriti berwawasan tanaman dagang luar bandar yang dalam jangka pendek boleh meningkatkan pendapatan petani, memantapkan saradiri makanan dan mengembangkan komoditi bermutu di tempat-tempat tertentu bagi memperkuat kecukupan beras nasional. Program ini dilaksanakan dengan mempertimbangkan kesesuaian keadaan

persekitaran dan keadaan sosioekonomi petani. Selain daripada itu kerajaan juga mengarahkan petani memasuki kumpulan tani bagi memudahkan dan mempercepat pelaksanaan program BIMAS melalui pengembangan pertanian.

Peningkatan kualiti intensiti dilakukan dengan memasyarakatkan penggunaan teknologi yang disyorkan supaya mencapai produktiviti yang tinggi, dan perkara ini memerlukan sokongan seperti: a) sistem corak tanaman yang disesuaikan dengan keadaan tanah dan iklim sesuatu kawasan sawah dengan skel yang ekonomik, dan menguntungkan, serta secara sosial boleh diterima petani, dan b) bimbingan intensiti pertanian diselaraskan dalam suatu wadah organisasi BIMAS seperti menggunakan dana sendiri ataupun kredit, dan mencakupi kegiatan pengaturan, pengembangan, perkreditan/permodalan, pengedaran prasarana pengeluaran baja dan benih, serta sarana pengeluaran termasuk pengolahan dan pemasaran keluaran.

Berdasarkan huraian diatas, bahawa pengedaran baja kepada petani di Indonesia dilaksanakan melalui prestasi pengurusan rantai bekalan barang kawalan. Pengedaran sesuai dengan RDKK, yang menyenaraikan dengan jelas: nama dan alamat kumpulan tani, nama petani, jenis komoditi, luas tanah, jenis dan jumlah baja yang diperlukan untuk satu tempoh musim tanaman, ditanda tangani oleh petani yang bersangkutan. Tujuan pengedaran melalui prestasi pengurusan rantai bekalan barang kawalan ini agar baja dapat diedarkan ke lokasi yang tepat, dalam jumlah yang tepat, pada masa yang tepat, kos yang tepat dan diterima oleh petani yang tepat pula. Bila prestasi pengurusan rantai bekalan baja subsidi berjaya akan meningkatkan produktiviti dan pengeluaran padi dan beras, yang merupakan makanan utama dan diguna oleh 95% penduduk Indonesia.



## **2.4 Definisi dan Kepentingan Pengurusan Rantaian Bekalan (PRB).**

Dari beberapa kajian yang telah dilakukan, rantai bekalan dapat didefinisikan seperti berikut: Tecc (2002) mendefinisikan rantai bekalan sebagai rantai, bermula dengan bahan-bahan mentah dan pengakhiran dengan jualan barang jadi/siap. Bridgefield Group (2006) menyatakan bahawa rantai bekalan sebagai satu set yang berhubungan dengan sumber dan proses yang bermula dari bahan-bahan mentah dan di perluaskan melalui penghantaran barang jadi kepada pengguna akhir. Seterusnya Pienaar (2009b) mendefinisikan rantai bekalan sebagai gambaran umum dari proses integrasi melibatkan organisasi untuk mengubah bahan-bahan mentah menjadi barang jadi dan untuk mengangkut mereka ke pengguna akhir.

Dari pelbagai definisi dan pandangan di atas menggambarkan bahawa rantai bekalan merupakan suatu proses dan aktiviti yang bermula dari sumber (bahan mentah), kemudian menggabungkan sejumlah kegiatan nilai tambah, dan menyelesaikan dengan pengalihan barang jadi kepada pengguna.

Pandangan yang lebih luas mengenai rantai bekalan ketika mengintegrasikan aktiviti dalaman dan luaran syarikat ke dalam fungsi rantai bekalan. Sebagaimana yang dikemukakan oleh Ayers (2001) bahawa rantai bekalan sebagai proses kitaran hidup yang melibatkan barang fizikal, maklumat, dan aliran kewangan yang bertujuan untuk memenuhi keperluan dari pelanggan akhir dengan barangan dan perkhidmatan yang pelbagai, berhubung dengan pembekal. Penglibatan luaran syarikat dinyatakan oleh Chow dan Heaven (1999), bahawa rantai bekalan adalah sekumpulan pengeluar, pembekal, pengedar, peruncit dan pengangkutan, maklumat pembekal perkhidmatan logistik pengurusan dan lain-lain yang terlibat dalam menyediakan barang kepada pengguna.

Berdasarkan beberapa definisi diatas, maka dapat disimpulkan bahawasanya RB berperanan untuk menambah nilai barang dengan mengangkut dari satu lokasi ke lokasi lain untuk memenuhi keperluan dari pelanggan akhir, dengan melibatkan organisasi dalaman dan luaran syarikat. Untuk kepentingan kajian ini definisi tersebut akan digunakan dalam rangka mengoptimumkan kegiatan dan fungsi rantai bekalan.

Selanjutnya mengenai pengurusan rantai bekalan (PRB) diyakini oleh sebahagian besar penyelidik untuk pertama kali diperkenalkan dalam bentuk tertulis oleh Keith Oliver, seorang perunding pengurusan di Booz Allen Hamilton (Laseter & Oliver, 2003).

Persaingan yang terjadi di pasaran sekarang ini tidak hanya antara barang, tetapi antara rantai bekalan penghantaran barang. Kriteria penting dari rantai bekalan dalam persaingan semakin bergantung pada masa kedatangan barang serta kualiti nya, koordinasi antara pembekal dan pengedar. Oleh kerana itu faktor kepuasan pelanggan merupakan perkara utama dan sangat penting dari kejayaan pengurusan rantai bekalan yang berkesan (Trukman, Stemberger & Jaklic, 2005). Alasan untuk konsep ini adalah peluang untuk penjimatan kos dan perkhidmatan pelanggan yang lebih baik. Tujuan penting adalah untuk meningkatkan daya saing suatu syarikat di pasaran walaupun kekuatan kompetitif yang tinggi dan keperluan pelanggan cepat berubah (Langley, Coyle, Gibson, Novack & Bardi, 2008).

Honsleben (2004) menyatakan bahawa pengurusan rantai bekalan merupakan elemen penting untuk pembangunan semua industri. Dengan pengurusan rantai bekalan dapat meningkatkan kecekapan dan keberkesanan untuk pemindahan barang dan berkongsi maklumat antara hierarki kompleks dari semua peringkat.

Agus (2010) mengatakan bahawa pengurusan rantai bekalan adalah satu set amalan pengurusan yang meliputi sumber baku material-material, pembuatan dan pemasangan barang, menguruskan pergudangan dan persediaan, pemantauan bekalan dan permintaan, pengedaran dan memberikan barang jadi/siap kepada pelanggan. Selanjutnya Ayers (2001) menyatakan bahawa pengurusan rantai bekalan adalah aktiviti proses perancangan dan penyelenggaraan pengurusan rantai bekalan untuk keperluan kepuasan konsumen.

Para Profesional Rantai Bekalan Management Council (2009) menyatakan bahawa pengurusan rantai bekalan meliputi perancangan dan pengurusan aktiviti yang terlibat dalam sourcing dan pembelian, transformasi, dan semua aktiviti pengurusan logistik. Pada dasarnya, hal itu juga merangkumi koordinasi dan perkongsian dengan rakan-rakan rangkaian, yang boleh pembekal, pengantara, pembekal perkhidmatan pihak ketiga dan pelanggan.

Tujuan dasar dari pengurusan rantai bekalan adalah untuk mengoptimumkan prestasi rantai untuk menambah nilai sebanyak mungkin untuk kos serendah mungkin. Dengan kata lain, tujuannya adalah untuk menghubungkan semua agen pengurusan rantai bekalan untuk bersama-sama bekerja sama dalam syarikat untuk memaksimumkan produktiviti dalam pengurusan rantai bekalan dan memberikan manfaat kepada semua pihak berkaitan (Finch 2006). Untuk meningkatkan prestasi, organisasi harus menggunakan pendekatan pengurusan rantai bekalan dan mempertimbangkan pengurusan rantai bekalan secara keseluruhan.

Menurut Grant, Lambert, Stock, dan Ellram (2006), pengurusan rantai bekalan merujuk kepada integrasi proses perniagaan syarikat dari pengguna akhir melalui pembekal yang menyediakan maklumat, barang, dan perkhidmatan yang menambah

nilai bagi pelanggan. Selain itu, ketidakpastian pasaran memerlukan pengurusan rantai bekalan menjadi mudah dan fleksibel terhadap perubahan dalam situasi perdagangan.

Computerworld Supply (2001) mendefinisikan pengurusan rantai bekalan sebagai pengurusan yang membolehkan organisasi untuk mendapatkan barang yang tepat dan perkhidmatan ke lokasi mereka diperlukan tepat masa, dalam jumlah yang tepat dan dengan bayaran yang memuaskan. Proses ini akan berkesan bila melibatkan pengawasan hubungan dengan pelanggan, pembekal dan persediaan pengendalian, amalan permintaan dan mendapatkan maklum balas yang kerap ke atas apa yang terjadi pada setiap sambungan dalam rantai. Kitsolutions (2003) seterusnya mendefinisikan pengurusan rantai bekalan menyediakan barangan atau perkhidmatan yang tepat, ke lokasi yang tepat, dalam jumlah yang tepat, pada masa yang tepat dan dengan kos yang tepat.

Menurut Simchi-Levi dan Kaminsky (2003), pengurusan rantai bekalan merujuk kepada satu set kaedah yang digunakan untuk secara pengaruhtif menyelaraskan pembekal, pengilang, depot, dan kedai-kedai, sehingga komoditi yang dihasilkan dan diedarkan dalam jumlah yang betul, ke lokasi yang betul, dan pada masa yang tepat. Gagasan mendasar dari definisi ini adalah bahawa RB harus dikendalikan agar cepat dan boleh dipercayai, kos efektif, dan cukup fleksibel untuk memenuhi keperluan pelanggan.

Semua definisi yang diberikan di atas menjelaskan bahawa pengurusan rantai bekalan adalah pengurusan dalam rangka mengoptimumkan prestasi pengurusan rantai bekalan untuk menambah nilai barang, penjimatan kos dan penghidmatan pelanggan sehingga dapat meningkatkan daya saing syarikat.

Selanjutnya mengenai pengertian prestasi pengurusan rantai bekalan (PPRB) dalam pelbagai ulasan karya akademik selalu menggunakan istilah prestasi ( performance). The United States Agency for International Development (2009) mendefinisikan "Performance" sebagai arus keluaran dan kualiti kerja yang dibuat. Ukuran prestasi merujuk pada proses menilai tindakan, di mana ukuran adalah proses penilaian dan tindakan mengarah pada prestasi (Neely, Gregory & Platts, 1995).

Menurut Abu-Suleiman, Boardman dan Imam (2004), bahawa pengukuran prestasi memberikan asas untuk menilai alternatif dan mengenalpasti kriteria keputusan. Maklumat umum dikumpulkan melalui pengukuran prestasi boleh digunakan untuk membantu syarikat-syarikat dalam membuat keputusan yang betul dan membantu untuk memastikan bahawa syarikat terus memperluaskan kedudukan pasaran.

Christopher dan Towill (2001) menyatakan bahawa fokus utama dari perniagaan hari ini adalah idea rantai bekalan yang bersaing, bukan syarikat, dan kejayaan atau kegagalan rantai bekalan pada akhirnya ditentukan di pasaran oleh pengguna akhir. Ukuran prestasi rantai bekalan memudahkan pemahaman yang lebih besar dari rantai bekalan, dan meningkatkan prestasi secara keseluruhan (Chen & Paulraj, 2004). Untuk mencapai rantai bekalan yang optimum inisiatif mengukur prestasi rantai bekalan yang lebih luas nampaknya paling tepat (Gunasekaran et al., 2004). Oleh, ada keperluan yang muncul untuk memberi tumpuan pada prestasi rantai bekalan atau rangkaian di mana syarikat adalah rakan kongsi. Sistem pengukuran prestasi rantai bekalan dapat memudahkan pemahaman dan integrasi antara ahli rantai bekalan. Hal ini juga memberikan wawasan untuk mendedahkan keberkesanan strategi dan untuk mengenalpasti peluang yang berpotensi. Itu membuat sumbangan yang sangat diperlukan untuk pengambilan keputusan rantai bekalan, khususnya pada tujuan dan

reka bentuk strategi perniagaan. Selain itu, cara-cara dan sarana yang tepat mengukur prestasi rantai bekalan dianggap sebagai bidang penting dari kajian bagi organisasi dan akademik

Pengukuran prestasi harus mengarahkan pekerja terhadap produktiviti yang lebih tinggi dengan merangsang dan memberikan penghargaan kepada mereka untuk prestasi yang baik (Kussing, 2009). Ukuran prestasi harus menggembleng pekerja untuk berjuang demi kebesaran dan dengan berbuat demikian menentukan dan mengenalpasti bahagian-bahagian yang lemah dalam rantaian bekalan.

Wouters (2009) menyatakan bahwa Pengukuran prestasi penting untuk perumusan strategi, komunikasi dan membentuk mekanisme kawalan dengan mengukur hasil aktual. Lebih lanjut Gunasekaran dan Kobu (2007) menyampaikan pentingnya pengukuran prestasi pengurusan rantai bekalan, iaitu untuk :

- Mengidentifikasi keberhasilan.
- Mengidentifikasi jika keperluan pelanggan terpenuhi.
- Pemahaman yang lebih baik tentang proses.
- Mengidentifikasi kesesakan, masalah dan peluang pembaikan.
- Memberikan keputusan berdasarkan fakta.
- Memungkinkan kemajuan.
- Pengesanan kemajuan.
- Memudahkan komunikasi yang lebih terbuka, telus dan kerjasama.

Kemudian Rolstadas (1995) menyampaikan bahawa tujuan yang harus dipertimbangkan dalam pengembangan sistem pengukuran prestasi, iaitu:

1. Harus mendukung proses pengambilan keputusan, dengan menunjukkan di mana

- beroperasi, bagaimana melaksanakan, dan mengendalikan kesan dari rancangan yang dilaksanakan,
2. Sistem harus mengontrol dampak dari rancangan strategis, sehingga perubahan dapat dibuat untuk menjamin pemenuhan tujuan jangka panjang,
  3. Pengukuran prestasi diperlukan untuk tujuan dalaman dan untuk memuaskan keperluan dari para pemangku kepentingan luaran yang beragam,
  4. Sistem perlu mempunyai sifat analitik, sehingga peringatan dapat diberikan ketika prestasi perniagaan mulai menurun,
  5. Pengukuran prestasi merupakan kesinambungan dari sebuah proses pembaikan terus-menerus,
  6. Pengukuran pembaikan mempunyai kesan simulatif pada angkatan kerja perniagaan dan penting untuk menyokong usaha seterusnya dalam proses pembaikan,
  7. Evaluasi prestasi penting untuk perbandingan dan mengidentifikasi prestasi, dan
  8. Rakaman harus disimpan dari semua kegiatan syarikat, dan kemudian mereka dapat diberikan berdasarkan permintaan kepada pembekal dan pelanggan. Sebuah catatan prestasi pembekal dapat digunakan untuk memberikan masukan kepada proses pembaikan mereka.

Ghalayini dan James (1996) telah mencadangkan bahawa pengukuran prestasi rantaian bekalan perlu mendapat sokongan dari pengurusan puncak dan melibatkan pekerja. Van Hoek (1998) menyarankan bahawa aktiviti yang tidak berada di bawah kawalan langsung dari syarikat pengeluar harus diukur dan dikawal oleh pengeluar dan rakan rantai bekalan nya, untuk membuat rantai bekalan telus ke tahap pembaikan prestasi.

Lambert dan Pohlen (2001) menyajikan sebuah "peta model" dalam membangun rangka kerja untuk pengukuran prestasi pengurusan rantaian bekalan, yang terdiri dari tujuh langkah : 1) Memetakan rantaian bekalan dan mengenalpasti di mana hubungkait kunci rantaian bekalan, 2) Menggunakan pengurusan perhubungan pelanggan (customer relationship management) dan pengurusan perhubungan pembekal (supplier relationship management processes) untuk menganalisis setiap pautan dan menentukan di mana nilai tambah dapat diciptakan, 3) Mengembangkan laporan keuntungan dan kerugian pelanggan dan pembekal untuk menilai kesan dari hubungan pada keuntungan dan nilai pemegang saham kedua-dua syarikat, 4) Menetapkan semula proses rantaian bekalan dan aktiviti untuk mencapai tujuan prestasi, 5) Menetapkan saiz prestasi bukan kewangan yang menyelaraskan perilaku individu dengan tujuan proses rantaian bekalan dan matlamat kewangan, 6) Bandingkan nilai pemegang saham dan modal pasaran di seluruh syarikat dengan RB tujuan dan menyemak semula langkah-langkah proses dan prestasi yang diperlukan. 7) Mengulangi langkah-langkah di setiap pautan di rantaian bekalan.

Berdasarkan huraian diatas bahawa semua definisi yang diberikan di atas menjelaskan bahawa pengurusan rantai bekalan adalah pengurusan dalam rangka mengoptimumkan prestasi pengurusan rantai bekalan untuk menambah nilai barang, penjimatan kos dan penghidmatan pelanggan sehingga dapat meningkatkan daya saing syarikat.

Selanjutnya pengukuran prestasi pengurusan rantaian bekalan perlu dilakukan, agar dapat diketahui apakah Pengurusan rantaian bekalan sudah dijalankan secara optimum atau belum. Hasil pengukuran prestasi pengurusan rantaian bekalan boleh



digunakan dalam merumuskan strategi serta langkah langkah taktikal dan operasi untuk meningkatkan daya saing syarikat.

## **2.5 Teori Dasar Pengurusan Rantai Bekalan (PRB).**

Pada bahagian ini akan ditunjukkan terlebih dahulu klasifikasi 3 (tiga) asas utama pengukuran prestasi pengurusan rantai bekalan. Setelah itu dibentangkan teori dasar yang akan digunakan pada kajian ini.

### **2.5.1 Asas Pengukuran Prestasi Pengurusan Rantai Bekalan**

**Asas Hirarki**, Gunasekaran dan Ngai (2004), membangunkan rangka kerja prestasi yang membezakan langkah-langkah sesuai dengan kelas cakrawala keputusan: strategik, taktikal dan operasi. Dengan menilai pengurusan rantai bekalan melalui peringkat tersebut adalah untuk membuat keputusan yang tepat, sehingga masing masing dapat saling menyokong dalam mencapai tujuan dan sasaran organisasi. Di samping itu, Gunasekaran *et al.* (2004) membangunkan kerangka pengukuran proses rantai bekalan (rancangan, sumber, membuat dan menyampaikan) selaras dengan tahap strategik, taktikal dan operasi.

**Berasas Proses**, Kerangka berasaskan proses adalah Supply Chain Operation Reference (SCOR). Model SCOR diperkenalkan pada tahun 1996 oleh Supply Chain Council, dan telah disahkan oleh Dewan Supply Chain (SCC). SCC mendefinisikan SCOR sebagai: "kerangka rantai bekalan yang menghubungkan ukuran prestasi, amalan terbaik, dan syarat-syarat software untuk model proses perniagaan yang terperinci" (Dewan Supply Chain, 2009a). Model SCOR ini pada asalnya terdiri dari lima proses pengurusan yang berbeza, iaitu: rancangan, sumber, membuat, memberikan dan kembali. Selain itu, model SCOR disokong oleh beratus-ratus

metrik prestasi yang digunakan dalam hubungannya dengan lima ciri-ciri prestasi: *reliability, responsiveness, fleksibiliti*, kos dan aset metrik (Dewan Supply Chain, 2009b).

**Berasas Hasil**, Alat pengukuran berasaskan hasil adalah Balanced Scorecard (BSC). Konsep BSC dicadangkan oleh David Norton, CEO Nolan Norton Institute, dan Robert kapelan, seorang profesor di Universiti Harvard (1992). BSC mengukur prestasi organisasi daripada empat perspektif, ialah kewangan, pelanggan, proses perniagaan dalaman serta pertumbuhan dan pembelajaran, dalam kaitannya dengan empat fungsi lain iaitu perakaunan dan kewangan, pemasaran, rangkaian nilai, dan sumber daya manusia (Kapelan & Norton, 1992). BSC direka untuk memberikan maklumat kepada pengurusan puncak yang akan membolehkan mereka untuk menilai prestasi multi-dimensi. BSC merupakan alat instrumentasi bagi pengurus untuk memandu menuju kejayaan berdaya saing di masa depan (Kapelan dan Norton, 1996). Prinsip penting dari BSC adalah bahawa langkah-langkah kewangan harus diimbangi dengan langkah-langkah non-kewangan. Kaedah BSC telah banyak digunakan untuk membangunkan pelan strategik lebih realistik menggabungkan tujuan dan inisiatif untuk mencapai sasaran (Kapelan & Norton, 1997).

### **2.5.2 Teori dasar kajian.**

Kajian ini akan menggunakan teori Hierarki Gunasekaran *et al.* (2004) sebagai teori dasar. Pertimbangannya kerana pada teori tersebut menyentuh semua peringkat dalam organisasi, sama ada dalaman mahupun luaran syarikat secara strategik, taktikal dan operasi. Dengan demikian akan ada pautan rancangan strategik syarikat hingga keperingkat operasi dan sokongan untuk membuat keputusan yang betul setiap peringkat. Disamping itu teori tersebut juga menggunakan sebahagian besar

faktor yang akan dibincangkan, iaitu faktor pelan, faktor penghantaran dengan prestasi pengurusan rantai bekalan. Teori Gunasekaran *et al.* (2004) yang menyatakan bahawa ada enam metrik untuk mengukur prestasi pengurusan rantai bekalan, yaitu: pelan, sumber, membuat/ pemasangan dan penghantaran kepada pelanggan.

Seterusnya Gunasekaran *et al.* (2004) membangunkan kerangka prestasi yang membezakan langkah-langkah sesuai dengan kelas cakrawala keputusan: strategik, taktikal dan operasi. Dengan menilai prestasi pengurusan rantai bekalan melalui peringkat tersebut adalah untuk membuat keputusan yang tepat, sehingga masing-masing dapat saling menyokong dalam mencapai tujuan dan sasaran organisasi.

**Peringkat Strategik:** Gunasekaran *et al.* (2004) menyatakan bahawa keputusan strategik dibuat oleh pengurusan puncak. Keputusan strategik biasanya dibuat untuk jangka panjang (hitungan tahun) dan sangat mahal untuk mengubah dalam masa singkat.

**Peringkat Taktikal:** Keputusan Taktikal dibuat oleh pengurusan peringkat menengah untuk masa satu perempat hingga satu tahun. Gunasekaran *et al.* (2004) menyatakan bahawa tujuan dari taktik adalah untuk memaksimumkan hasil rantai bekalan yang boleh dihasilkan pada peringkat taktikal, mengingat kekangan yang ada pada peringkat strategik. Sebagai hasil dari peringkat taktikal, syarikat mentakrifkan satu set dasar operasi yang mengatur operasi jangka pendek

**Peringkat Operasi:** Pada peringkat ini masa lebih singkat, iaitu mingguan atau harian. Gunasekaran *et al.* (2004) menyatakan bahawa tujuan dari operasi rantai bekalan adalah untuk menangani pesanan pelanggan yang masuk dengan cara terbaik. Keputusan operasi dibuat oleh pengurus peringkat rendah termasuk

memperuntukkan persediaan atau perbelanjaan untuk tempahan individu, menetapkan tarikh yang diperlukan, menghasilkan senarai terpilih di sebuah gudang, memperuntukkan perintah untuk mode penghantaran tertentu, tetapan jadual penghantaran trak dan tempat pengisian trak.

Teori Gunasekaran *et al.* (2004) ditunjukkan pada Jadual 2.1 dibawah ini.

Jadual 2.1

Teori dasar daripada Gunasekaran *et al.* (2004).

Aktifiti/ Proses Supply Chain	Strategik	Taktikal	Operational
PELAN	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tingkat nilai yang dilihat pelanggan daripada produk (<i>Level of customer perceived value of product</i>)</li> <li>• Perbezaan dibanding bajet, (<i>Variances against budget</i>)</li> <li>• Masa pesan (<i>Order lead time</i>)</li> <li>• Kos pemrosesan maklumat (<i>Information processing cost</i>),</li> <li>• Keuntungan bersih vs nisbah produktiviti (<i>Net profit Vs productivity ratio</i>),</li> <li>• Masa kitaran</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Masa tunggu Pelanggan (<i>Customer query time</i>),</li> <li>• Masa kitaran pembangunan produk (<i>Product development cycle time</i>),</li> <li>• Ketepatan dari Teknik ramalan (<i>Accuracy of forecasting techniques</i>),</li> <li>• Masa kitaran proses perancangan (<i>Pelanning process cycle time</i>),</li> <li>• Kaedah kemasukan Pesanan (<i>Order entry methods</i>),</li> <li>• Produktiviti sumber manusia</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kaedah kemasukan Pesanan (<i>Order entry methods</i>),</li> <li>• Produktiviti sumber manusia (<i>Human resource productivity</i>)</li> </ul>


	<p>total (<i>Total cycle time</i>),</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Masa aliran dana total (<i>Total cash flow time</i>),</li> <li>• Masa kitaran pembangunan produk (<i>Product development cycle time</i>)</li> </ul>	<p>(<i>Human resource productivity</i>)</p>	
SUMBER		<ul style="list-style-type: none"> <li>• Prestasi penghantaran pembekal (<i>Supplier delivery performance</i>),</li> <li>• Leadtime pembekal (<i>Supplier leadtime against</i>)</li> <li>• Norma industry (<i>Industry norm</i>),</li> <li>• Harga Pembekal terhadap pasaran (<i>Supplier pricing against market</i>),</li> <li>• Kecekapan pembelian masa kitaran pesanan, (<i>Efficiency of purchase order cycle time</i>),</li> <li>• Kaedah Kecekapan aliran tunai (<i>Efficiency of cash flow method</i>),</li> <li>• Tempahan Pembekal dalam prosedur (<i>Supplier booking in procedures</i>)</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kecekapan pembelian masa kitaran pesanan, (<i>Efficiency of purchase order cycle time</i>),</li> <li>• Harga Pembekal terhadap pasaran (<i>Supplier pricing against market</i>),</li> <li>• Norma industry (<i>Industry norm</i>),</li> </ul>
MEMBUAT	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Jarak produk dan perkhidmatan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Peratusan Kecacatan,</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Peratusan Kecacatan,</li> </ul>

	<i>(Range of products and services)</i>	<i>(Percentage of Defects),</i> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kos setiap jam operasi (<i>Cost per operation hour</i>),</li> <li>• Penggunaan kapasiti (<i>Capacity utilization</i>),</li> <li>• Penggunaan kuantiti pesanan ekonomi (<i>Utilization of economic order quantity</i>)</li> </ul>	<i>(Percentage of Defects),</i> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kos setiap jam operasi (<i>Cost per operation hour</i>)</li> <li>• Indeks produktiviti sumber manusia (<i>Human resource productivity index</i>)</li> </ul>
PENGHANTARAN	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Fleksibiliti sistem perkhidmatan untuk memenuhi keperluan pelanggan, (<i>Flexibility of service system to meet customer needs</i>),</li> <li>• Keberkesanan syarikat (<i>Effectiveness of enterprise</i>)</li> <li>• Jadual perancangan pengedaran (<i>Distribution planning schedule</i>)</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Fleksibiliti sistem perkhidmatan untuk memenuhi keperluan pelanggan, (<i>Flexibility of service system to meet customer needs</i>),</li> <li>• Keberkesanan syarikat (<i>Effectiveness of enterprise</i>)</li> <li>• Jadual perancangan pengedaran (<i>Distribution planning schedule</i>)</li> <li>• Keberkesanan kaedah invois penghantaran (<i>Effectiveness of delivery invoice methods</i>),</li> <li>• Peratusan barangan siap dalam perjalanan (<i>Percentage of</i></li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kualiti penghantaran barang (<i>Quality of delivered good</i>)</li> <li>• Ketepatan masa penghantaran barang (<i>On time of delivery of good</i>)</li> <li>• Keberkesanan kaedah invois penghantaran (<i>Effectiveness of delivery invoice methods</i>),</li> <li>• Jumlah nota penghantaran invois baik (<i>Number of faultless delivery notes invoiced</i>).</li> <li>• Peratusan penghantaran urgen (<i>Percentage of urgent deliveries</i>),</li> <li>• Kekayaan Maklumat dalam menjalankan</li> </ul>

		<i>finished goods in transit</i> , <ul style="list-style-type: none"> <li>• Prestasi kebolehpercayaan Penghantaran (<i>Delivery reliability performance</i>)</li> </ul>	penghantaran ( <i>Information richness in carrying out delivery</i> ), <ul style="list-style-type: none"> <li>• Prestasi kebolehpercayaan Penghantaran (<i>Delivery reliability performance</i>)</li> </ul>
--	--	--	--

Kerana SC adalah rangkaian syarikat daripada pembekal , pengeluaran, pengedaran dan perkhidmatan pelanggan terpaut bersama-sama melalui aliran bahan, maklumat dan dana, langkah-langkah yang telah dikelaskan seperti berikut: aliran dana (kos dan keuntungan), proses dalaman mengalir (pengeluaran tahap fleksibiliti, memenuhi perintah dan kualiti), aliran bahan (inventori dan prestasi masa dalaman), jualan dan aliran perkhidmatan (prestasi penyampaian, responsif pelanggan dan kepuasan pelanggan), aliran maklumat dan pasangan hubungan aliran proses (penilaian pembekal dan perkongsian maklumat dengan pembekal dan pelanggan). ( Gunasekaran *et al*, 2004,)

Rajah 2.1 dibawah ini menunjukkan model kajian dan langkah-langkah dan metrik pada empat pautan asas dalam SC yang: pelan, sumber, membuat / memasang, dan menyampaikan.



Gambarajah 2.1.

Model teori Gunasekaran *et al.* (2004)



## **2.6 Faktor yang mempengaruhi Prestasi Pengurusan Rantaian Bekalan (PPRB).**

Pada bahagian ini akan dibincangkan mengenai teori dan pandangan dari pelbagai ulasan karya tentang faktor faktor yang mempengaruhi prestasi pengurusan rantai bekalan (PPRB)

### **2.6.1 Faktor Pelan**

Kegiatan pertama yang dilakukan oleh setiap syarikat untuk memulakan kegiatan operasi perniagaan adalah mendapatkan pesanan. Pesanan yang dihasilkan dan dijadualkan akan menentukan prestasi pengurusan rantaian bekalan dari kegiatan hulu ke hilir. Oleh kerana itu, menurut Gunasekaran *e al.* (2004), langkah pertama dalam menilai Prestasi pengurusan rantaian bekalan adalah menganalisa aktiviti yang berkaitan dengan pelan pesanan.

Pelan menurut Gunasekaran *et al.* (2004) merupakan tindakan mengimbangi bekalan dan permintaan, iaitu pengaturan kewenangan anggaran dan kewajiban perolehan aset untuk memenuhi keperluan. Proses Pelan termasuk peramalan permintaan, menggabungkan dan mengutamakan keperluan dan membincangkan belanjawan. Pelan merupakan awal dari rantai logistik dan memberi kesan kepada semua aktiviti seterusnya. Pemantauan fungsi ini sangat penting untuk prestasi yang tepat dari pada rantai bekalan, kerana perancangan yang buruk akan menyebabkan barang tidak tersedia sesuai dengan keperluan.

Arawati (2012). melakukan kajian untuk menguji hubungan antara prestasi pengurusan rantaian bekalan, dengan fleksibiliti rantai bekalan dan prestasi perniagaan. Persatuan ini dianalisis melalui kaedah statistik korelasi Pearson dan

pemodelan persamaan struktur (SEM). Hasil keseluruhan menunjukkan bahawa prestasi pengurusan rantai bekalan mempunyai korelasi yang signifikan dengan fleksibiliti rantai bekalan dan prestasi perniagaan.

Menurut Turner (1993), kunci lain untuk berjaya pengurusan rantai bekalan adalah penggunaan alat perancangan. Alat perancangan pengurusan rantai bekalan bertujuan untuk mengintegrasikan perancangan aktiviti sumber daya dalam syarikat atau organisasi. Beberapa alat perancangan yang paling umum adalah: bahan requirement perancangan, sumber-sumber pembuatan perancangan, dan enterprise resource planning. Sebuah bahan requirement perancangan adalah alat yang membolehkan sebuah organisasi untuk membuat jadual kegiatan pengeluaran untuk memenuhi tenggat waktu tertentu berdasarkan bill of material, persediaan peringkat, dan jadual induk pengeluaran. Pembaikan alat bahan requirement perancangan adalah sumber-sumber pembuatan perancangan yang mengintegrasikan kemampuan pembuatan dan kapasiti dengan manfaat bahan requirement perancangan.

Menurut Bowersox *et al.* (2007) sebuah alat enterprise resource planning memungkinkan organisasi untuk mengintegrasikan semua tugas pemrosesan maklumat yang berkaitan dengan semua proses dalam rantai nilai. Ini biasanya sebuah sistem tunggal yang mungkin termasuk pengurusan order, pemenuhan persediaan, perancangan pengeluaran, perancangan kewangan, dan perkhidmatan pelanggan dalam syarikat. Ini adalah tulang punggung dari sistem logistik untuk pelbagai syarikat.

Untuk melakukan hal ini, penilaian prestasi Pelan yang akan dilakukan adalah untuk menentukan cara dan sejauh mana spesifikasi/keperluan pelanggan yang diubah menjadi maklumat yang berguna, dan diturunkan sepanjang Rantai Bekalan.

Menurut Mason-Jones dan Towill (1997), maklumat tersebut menghubungkan semua peringkat rantai bekalan dan mempengaruhi penjadualan dari semua kegiatan. Dengan Pelan harus mampu menyediakan barang tepat masa, data yang tepat dan boleh digunakan pada berbagai kegiatan seterusnya.

Ramdas dan Spekman (2000) menyampaikan bahwa salah satu pendekatan untuk mengukur prestasi pengurusan rantaian bekalan, ialah pemenuhan pesanan. Pemenuhan pesanan menangkap sejauh mana rakan rantai bekalan mempengaruhi urutan-masa proses dan ketepatan penghantaran.

Gunasekaran *et al.* (2004) menyatakan bahawa salah satu metrik untuk mengukur prestasi pengurusan rantaian bekalan adalah perancangan, disamping faktor lainnya seperti sumber, pemasangan dan penghantaran.

Disamping itu Shepherd dan Günter (2006) menyatakan bahawa rancangan adalah salah satu kategori ukuran prestasi rantai bekalan dari lima ukuran lainnya, iaitu : rancangan, sumber, membuat, memberi dan kepuasan pelanggan. Lima proses tersebut dapat berkaitan dengan mengukur kos, masa, kualiti, fleksibiliti dan inovasi. Sementara itu Ayers (2001) menyatakan bahawa PRB adalah aktiviti proses perancangan dan penyelenggaraan rantai bekalan untuk keperluan kepuasan pengguna.

Dewan Supply Chain (2009) menyatakan bahawa prestasi pengurusan rantaian bekalan dengan pendekatan SCOR ini pada mulanya terdiri dari lima proses pengurusan yang berbeza, iaitu: rancangan, sumber, membuat, memberikan dan kembali.

Theeranuphattana dan Tang (2008) menyatakan bahawa pendekatan SCOR

berdasarkan lima proses: rancangan, memberikan, membuat, sumber dan pengembalian. Pendekatan SCOR pendukung ratusan metrik prestasi yang digunakan dalam hubungannya dengan lima sifat prestasi, iaitu: 1) Reliability. Prestasi rantai bekalan dalam memberikan barang yang betul ke tempat yang tepat, pada masa yang tepat, dalam keadaan yang betul dan pembungkusan, dalam jumlah yang betul, dengan dokumentasi yang betul, kepada pelanggan yang betul, 2) Responsiveness. Kelajuan di mana rantai bekalan menyediakan barang kepada pelanggan, 3) Flexibility. Kelincahan dari rantai bekalan dalam menanggapi perubahan pasaran untuk mendapatkan atau mempertahankan keunggulan kompetitif, 4) Kos yang berkaitan dengan operasi rantaia bekalan, dan 5 Asset management.

Hubungan antara pelan dengan prestasi pengurusan rantaian bekalan telah ramai dikaji, dan memperlihatkan penemuan yang tidak konsisten.

Banyak penemuan yang menunjukkan hubungan yang signifikan dan positif antara pelan dengan prestasi pengurusan rantaian bekalan.

Interaksi peribadi interdependensi antara ahli rantai bekalan sangat penting untuk perpaduan pembangunan. Kesediaan rakan dagang untuk mengerahkan usaha dalam mengembangkan hubungan jangka panjang melalui komitmen aset (iaitu, masa, wang, dan kemudahan) dan komunikasi yang terbuka telah direkodkan untuk mengukuhkan interaksi peribadi (Bensaou & Anderson, 1999; Sheu *et al.* 2006). Peningkatan saling pergantungan meminta kesediaan untuk berunding memindahkan fungsional, berkongsi maklumat kunci, dan mengambil bahagian dalam sendi operasi perancangan (Heikkila, 2002). Selain itu, sejarah panjang hubungan dalam hal koordinasi, penyertaan, dan pemecahan masalah bersama telah dikenalpasti sebagai penunjuk penting daripada perkongsian yang berjaya. Secara khusus, hubungan lagi meningkatkan kepercayaan dan komitmen terhadap mencapai matlamat bersama (Bensaou & Anderson, 1999). Grant (2005) namun mengamati rantai bekalan berasaskan peranan perbezaan bahawa pelanggan kurang bersedia untuk merangkul hubungan ini sama mudahnya seperti pembekal.

Kepercayaan memerlukan kejujuran rakan dan keyakinan bahawa rakan kongsi akan dipercayai dengan kata-kata mereka. Secara khusus, kepercayaan dalam domain rantai bekalan meliputi keyakinan bahawa rakan kongsi akan memenuhi kewajipan mereka, sehingga kos yang lebih rendah untuk semua yang berkaitan (Heikkila, 2002; Kwon & Suh, 2005). Literatur menyokong kepercayaan menjejaskan kestabilan jangka panjang suatu organisasi. Saling percaya memberikan asas untuk rakan kongsi rantai bekalan untuk berkongsi maklumat rahsia dan pemilikan kewangan, strategik, dan pemasaran (Petersen et al., 2005). Namun, membina

kepercayaan tidak mudah; itu memerlukan komitmen dan kerja sama untuk bertindak dengan cara yang tidak mementingkan diri sendiri untuk keuntungan yang lebih besar dari rantai bekalan, daripada berfikir oportunistik.

Sifat kerjasama rantai bekalan ditandai dengan pembolehubah berkongsi maklumat, perancangan bersama, pemecahan masalah bersama, mengukur prestasi bersama, dan memanfaatkan (Min *et al.*, 2005). Dimensi kunci kolaborasi telah dikenal pasti untuk menyertakan lingkup antar-organisasi, komitmen untuk bekerja sama perancangan, dan visi bersama untuk mencapai matlamat bersama (Sabath *et al.*, 2001, Sheu *et al.*, 2006, Simatupang & Sridharan 2004, Spekman *et al.*, 2002).

Kejayaan kolaborasi telah disamakan dengan kemampuan dan kesediaan para pengurus untuk mewujudkan kepercayaan dan membina hubungan antara rakan kongsi (Panayides & Venus Lun, 2009). Kepercayaan telah dikenal pasti sebagai salah satu sosial yang paling diiktiraf norma untuk mengendalikan dan menyelaraskan pengangkutan ulang-organisasi pertukaran (Jap, 2001). Pada peringkat operasi, keperluan untuk saluran terbuka dan jelas untuk berkongsi maklumat juga telah diakui (Lejeune & Yakova, 2005 ; Min *et al.*, 2005; Simatupang & Sridharan, 2004).

Oleh itu, sesuai dengan huraian di atas diyakini bahawa polisi kerajaan untuk melakukan pembaikan kepada faktor manusia dalam pengurusan rantaian bekalan mempengaruhi prestasi pengurusan rantaian bekalan barang kawalan baja.

Berdasarkan huraian tersebut diatas, maka hipotesis berikut wajar untuk di kaji;

**H4 : Faktor manusia berpengaruh pada pelan.**

**H5 : Faktor manusia berpengaruh pada inovasi.**

**H6 : Faktor manusia berpengaruh pada penghantaran.**

**H7: Faktor kawalan berpengaruh pada penghantaran.**

## **2.8 Kesan mediator Pelan, Inovasi, Kawalan dan Penghantaran keatas hubungan Faktor Manusia dan Prestasi Pengurusan Rantaian Bekalan (PPRB)**

Kussing (2009) menyatakan bahawa untuk mendapatkan prestasi rantaian bekalan diperlukan pembinaan para pekerja untuk boleh berjuang dengan berbuat sedemikian rupa demi kebesaran dan pembaikan pada bahagian-bahagian yang lemah dalam rantaian bekalan. Pengukuran prestasi harus mengarahkan pekerja terhadap produktiviti yang lebih tinggi dengan merangsang dan memberikan penghargaan kepada mereka untuk prestasi yang baik.

Ada kajian yang dilakukan oleh Nusron (2012) tentang Drivers of Supply Chain Integration and the Role of Organizational Culture: Empirical Evidence from Indonesia. Kajian ini menggunakan budaya organisasi sebagai moderating, dan bukan sebagai mediating.

Kapelan dan Norton (1992) dalam mengukur prestasi organisasi dari empat perspektif balance score card, ialah kewangan, pelanggan, proses perniagaan dalaman serta pertumbuhan dan pembelajaran, dalam kaitannya dengan empat fungsi lain iaitu perakaunan dan kewangan, pemasaran, rantai nilai, dan sumber daya manusia.

Chan (2003), dalam pengukuran prestasi pengurusan rantaian bekalan, tindakan yang dilakukan oleh manusia boleh dikenali dalam: 1) Masalah dalam operasi dan mengambil tindakan pembedahan sebelum masalah ini meningkat, 2) Masalah dalam strategi operasi, mengenalpasti kejayaan, dan menguji pengaruh strategi, 3) Sokongan untuk memantau kemajuan, 4) Membantu dalam mengarahkan perhatian perhatian pengurusan dan peruntukan sumber, 5) Meningkatkan komunikasi destinasi proses yang terlibat dalam rantaian bekalan, sehingga meningkatkan kepercayaan dan

pemahaman umum.

Robb *et al.* (2008) mendapatkan penemuan penting bahawa ada hubungan kuat antara sumber daya manusia dengan inovasi, sehingga latihan dapat dilihat sebagai kunci untuk mendapatkan keunggulan kompetitif.

Theeranuphattana dan Tang (2008) menyatakan bahawa dengan pendekatan SCOR juga menggunakan prestasi manusia dalam hubungannya dengan lima sifat prestasi, iaitu: 1) Reliability. Prestasi rantai bekalan dalam memberikan barang yang betul ke tempat yang tepat, pada masa yang tepat, dalam keadaan yang betul dan pembungkusan, dalam jumlah yang betul, dengan dokumentasi yang betul, kepada pelanggan yang betul, 2) Responsiveness. Kelajuan di mana rantai bekalan menyediakan barang kepada pelanggan, 3) Flexibility. Kelincahan dari rantai bekalan dalam menanggapi perubahan pasaran untuk mendapatkan atau mempertahankan keunggulan kompetitif, 4) Kos yang berkaitan dengan operasi rantai bekalan, dan 5) Asset management.

.Li *et al.* (2005) mengenalpasti enam pemboleh ubah amalan Pengurusan Rantai Bekalan, terdiri daripada: perkongsian pembekal strategik hubungan pelanggan, berkongsi maklumat, kualiti maklumat, amalan lean dalaman (internal lean practices) dan penangguhan (postponement). Perkongsian pembekal strategik adalah hubungan jangka panjang antara organisasi dan pembekal. Hal ini direka untuk meningkatkan kemampuan strategik dan operasi organisasi peserta individu untuk membantu mencapai manfaat yang berterusan yang signifikan. Hubungan pelanggan termasuk menguruskan aduan pelanggan, membina hubungan jangka panjang dengan pelanggan dan meningkatkan kepuasan pelanggan. Maklumat berkongsi merujuk kepada sejauh mana maklumat penting dan eksklusif disampaikan kepada rakan

rantai bekalan seseorang. Maklumat berkualiti merujuk kepada ketepatan, kecukupan ketepatan masa, dan kredibiliti maklumat yang ditukar. Amalan lean dalaman adalah amalan menghilangkan sisa dalam sistem pembuatan. Sisa adalah kos, susunan masa, saiz yang kecil dan banyak tarik-pengeluaran. Penangguhan bermakna amalan operasi yang bergerak ke titik yang jauh dari rantai bekalan dikemudian hari. Dalam konteks ini kegiatan pengurusan rantaian bekalan meliputi pembuatan, sourcing, memberikan, masa dan penangguhan seperti aktiviti lain, penghantaran sangat bergantung pada kualiti kawalan. Sebagai contoh, selepas kegiatan yang dijadualkan, pemantauan berterusan terhadap seluruh saluran pengedaran. Dengan demikian, kualiti dan cara maklumat yang disajikan dapat digunakan untuk mengukur dan meningkatkan prestasi (Gunasekaran *et al.*, 2004).

Disamping itu Janvier-James (2012), menyatakan bahawa pengurusan rantaian bekalan bergantung kepada proses yang melibatkan pengawasan hubungan dengan pelanggan, pembekal dan kawalan inventori, peramalan permintaan dan mendapatkan maklum balas yang kerap ke atas apa yang terjadi pada setiap sambungan dalam rantai.

Sistem penilaian prestasi dibangunkan untuk proses pengawasan dan kawalan sebuah syarikat, yang merupakan kesatuan proses untuk memastikan bahawa syarikat telah berjalan menuju sasaran dan objektif yang telah ditentukan sebelumnya. Seterusnya Abu-Suleiman, Boardman dan Imam, (2004) melaporkan bahawa maklum balas merupakan sebahagian mendasar dari setiap proses. Sebuah sistem pengukuran pengurusan rantaian bekalan berkesan membolehkan pengendalian yang sesuai proses perniagaan. Maklum balas yang diterima digunakan untuk menganalisis kemajuan pada masa ini untuk nilai-nilai yang diunjurkan atau dianggarkan,

memudahkan benchmarking terhadap amalan-amalan pembuatan yang terbaik, dan untuk mengenal pasti prestasi lemah dan alternatif pembaikan.

Oleh itu, sesuai dengan huraian di atas diyakini bahawa manusia mempengaruhi prestasi pengurusan rantaian bekalan barang kawalan baja. Namun demikian kerana faktor manusia pada bahagian sebelum ini sudah diperkirakan mempunyai hubungan langsung kepada pelan, inovasi dan penghantaran, maka pada kajian ini faktor manusia berpengaruh pada prestasi pengurusan rantaian bekalan melalui pengantaraan pelan, inovasi dan penghantaran.

Berdasarkan huraian tersebut diatas, maka hipotesis berikut wajar untuk di kaji;

***H8-H12:*** Faktor manusia berpengaruh pada Prestasi pengurusan rantaian bekalan melalui mediator factor pelan, inovasi, kawalan dan penghantaran.




UUM  
Universiti Utara Malaysia

## 2.9 Model kajian lepas tentang prestasi pengurusan rantai bekalan (PPRB)

Beberapa kajian lepas tentang prestasi pengurusan rantai bekalan sudah dikemukakan sebelumnya. Berikut ini dikemukakan pula beberapa model kajian yang digunakan, iaitu :


1. Kajian daripada Al-Fawaer dan Al-Zu'bi (2013), mengenai *Investigating the Link between Enterprise Resource Planning (ERP) Effectiveness and Supply Chain Management*. Bahawa pada kajian ini Prestasi pengurusan rantai bekalan dipengaruhi antara lain oleh Pelan dan faktor Manusia. Model kajian yang digunakan, dibentangkan pada rajah 2.2 dibawah ini.



Rajah 2.2.

Model kajian Al-Fawaer dan Al-Zu'bi (2013), mengenai beberapa faktor yang mempengaruhi Prestasi pengurusan rantai bekalan


2. Kajian daripada Shatat dan Udin (2012), tentang *The relationship between ERP system and supply chain management performance in Malaysian manufacturing companies*", bahawa Prestasi pengurusan rantai bekalan dipengaruhi oleh faktor Bersepadu, Pengurusan Material, Pelan, Kawalan dan Pengurusan Aliran Kerja. Model kajian yang digunakan, dikemukakan pada rajah 2.3 dibawah ini



Rajah 2.3.

Model kajian Shatat dan Udin (2012) mengenai Hubungan antara faktor Bersepadu, Pengurusan Material, Pelan, Kawalan dan Pengurusan Aliran Kerj dengan Prestasi pengurusan rantaian bekalan pada syarikat pengilang di Malaysian.

3. Kajian yang dilakukan oleh Hartmut Stadler (2014), mengenai *Supply chain management and advanced planning—basics, overview and challenges*, "pada pengilang di Jerman, bahawa pelan sangat menentukan kejayaan daripada Prestasi pengurusan rantaian bekalan Model kajian yang digunakan, dikemukakan pada rajah 2.4 dibawah ini




Rajah 2.4.

Model kajian Hartmut Stadler (2014) tentang Pelan dan Prestasi pengurusan rantaian bekalan




4. Kajian yang dilakukan oleh Patrik Jonsson, Martin Rudberg dan Stefan Holmberg (2013), *Supply Chain Management.*, bahawa Prestasi pengurusan rantai bekalan dipengaruhi antara lain oleh faktor pelan. Model kajian yang digunakan, dikemukakan pada rajah 2.5 dibawah ini



Rajah 2.5.

Model kajian Patrik Jonsson, Martin Rudberg dan Stefan Holmberg (2013) mengenai Pengukuran daripada pengukuran Rantai bekalan IKEA


5. Luc Cassivi (2006), pada kajian tentang "*Collaboration planning in a supply chain*", *Supply Chain Management*, menggunakan faktor pelan untuk mengukur Prestasi pengurusan rantaian bekalan. Model kajian yang digunakan, dikemukakan pada rajah 2.6 dibawah ini



Rajah 2.6.

Model kajian Luc Cassivi (2006) mengenai pelan pada Prestasi pengurusan rantaian bekalan


6. Kajian yang dilakukan oleh Cai, Liu, Xiao dan Jin (2009) tentang *Decision Support Systems* 46 (2009) 512–521, *Improving supply chain performance management: A systematic approach to analyzing iterative KPI accomplishment* bahawa pelan akan membentuk Prestasi pengurusan rantaian bekalan, yang perlu diukur KPI nya. Model kajian yang digunakan, dikemukakan pada rajah 2.7 dibawah ini



Rajah 2.7.

Model kajian Cai, Liu, Xiao dan Jin (2009) tentang Meningkatkan Prestasi pengurusan rantaian bekalan: Pendekatan sistematik untuk analisis KPI syarikat.


7. Kajian daripada Gunasekaran *et al.* (2008) tentang *Responsive supply chain: A competitive strategy in a networked economy*. Bahawa kajian ini menggunakan faktor pelan dalam pengaruhnya terhadap respon rantaian bekalan. Model kajian yang digunakan, dikemukakan pada rajah 2.8 dibawah ini



Rajah 2.8.

Model kajian Gunasekaran *et al.* (2008) tentang Respon rantai bekalan: Sebuah strategik pertandingan pada jaringan ekonomi.


8. Kajian yang dilakukan oleh Spina, Serio, Brito dan Duarte (2014), *The influence of supply chain management practices in the enterprise performance*, bahawa Prestasi pengurusan rantai bekalan dipengaruhi antara lain oleh penghantaran dan kecermatan pelan. Model kajian yang digunakan, dikemukakan pada rajah 2.9 dibawah ini



Rajah 2.9

Model kajian Spina, Serio, Brito dan Duarte (2014), mengenai Pengaruh daripada Amalan Pengurusan rantai bekalan pada prestasi syarikat.


9. Kajian yang dilakukan oleh Croxton, García-Dastugue, Lambert, dan Rogers, (2001) *The Supply Chain Management Processes*,, bahawa Prestasi pengurusan rantai bekalan dipengaruhi antara lain oleh pelan dan kawalan. Model kajian yang digunakan, dikemukakan pada rajah 2.10 dibawah ini



Rajah 2.10.

Model kajian Croxton, García-Dastugue, Lambert, dan Rogers, (2001) mengenai Proses pengurusan rantai bekalan


10. Kajian yang dilakukan oleh Lockamy, Archie, Cormack dan Kevin (2004), *Linking SCOR planning practices to supply chain performance: An exploratory study*, bahawa Prestasi pengurusan rantai bekalan dipengaruhi antara lain oleh faktor faktor pelan, sumber, membuat dan pengedaran. Model kajian yang digunakan, dikemukakan pada rajah 2.11 dibawah ini



Rajah 2.11.

Model kajian Lockamy, Archie, Cormack dan Kevin (2004) mengenai orientasi pengukuran Rantai bekalan SCOR

11. Kajian yang dilakukan oleh Kurien and Qureshi (2010) mengenai *International Journal of Business, Korea*, bahawa Prestasi pengurusan rantai bekalan dipengaruhi antara lain oleh pelan, sumber, membuat, penghantaran dan kembalian. Model kajian yang digunakan, dikemukakan pada rajah 2.12 dibawah ini




Rajah 2.12.

Model kajian mengenai Pengukuran dan metric pada empat jaringan dasar pada rantai bekalan ( diambil dari Gunasekaran et al., 2001)




12. Kajian yang dilakukan oleh Gabriela Tigu, Bog dan Calaretu (2013), tentang *Supply Chain Management Performance in Tourism Continental Hotel Chain Case di Rumania*, bahwa Prestasi pengurusan rantai bekalan dipengaruhi antara lain oleh pelan, sumber, membuat, penghantaran dan kembalian. Model kajian yang digunakan, dikemukakan pada rajah 2.13 dibawah ini




Rajah 2.13.

Model kajian Gabriela Tigu, Bog dan Calaretu (2013) mengenai Disain analisis Pengurusan rantai bekalan dan Prestasi

13. Kajian yang dilakukan oleh Chae (2009) tentang *Developing key performance indicators for supply chain: an industry perspective*, menggunakan faktor pelan, sumber, pengeluaran dan penghantaran untuk kejayaan Prestasi pengurusan rantaian bekalan. Model kajian yang digunakan, dikemukakan pada rajah 2.14 dibawah ini




Universiti Utara Malaysia



Rajah 2.14.

Model kajian Chea (2009) mengenai Pembangunan indikator Prestasi pengurusan rantaian bekalan pada perspektif industri


14. Kajian daripada Leng dan Zailani (2012) tentang *Effects of Information, Material and Financial Flows on Supply Chain Performance: A Study of Manufacturing Companies in Malaysia*. Pada kajian ini antara lain bahawa aliran barang dalam hal ini penghantaran berpengaruh terhadap Prestasi pengurusan rantai bekalan. Model kajian yang digunakan, dikemukakan pada rajah 2.15 dibawah ini



Rajah 2.15.

Model kajian Leng dan Zailani (2012) mengenai pengaruh daripada aliran maklumat, penghantaran barang dan kewangan pada Prestasi pengurusan rantai bekalan


15. Kajian daripada Barngetuny dan Kimutai (2012), tentang *Effects Of E-Procurement On Supply Chain Management Performance In Elgeyo-Marakwet County*. bahawa penghantaran ialah salah satu faktor yang mempengaruhi Prestasi pengurusan rantaian bekalan, dan pula polisi daripada kerajaan ialah sebagai pembolehubah moderator. Model kajian yang digunakan, dikemukakan pada rajah 2.16 dibawah ini



Rajah 2.16.

Model kajian Barngetuny dan Kimutai (2012) mengenai Dampak daripada E-Procurement pada Prestasi pengurusan rantaian bekalan di Elgeyo-negara Marakwet.


16. Kajian daripada Mohaghar dan Ghasemi (2011), tentang *A Conceptual Model for Cooperate Strategy and Supply Chain Performance by Structural Equation Modeling a Case Study in the Iranian Automotive Industry* bahawa kebolehpercayaan penghantaran ialah salah satu faktor yang mempengaruhi Prestasi pengurusan rantai bekalan. Model kajian yang digunakan, dikemukakan pada rajah 2.17 dibawah ini



Rajah 2.17.

Konseptual model daripada kajian Mohaghar dan Ghasemi (2011) mengenai Korporat strategik pada Prestasi pengurusan rantai bekalan


17. Suhong, Bhanu dan Rao (2011) melakukan kajian tentang *The impact of supply chain management practices on competitive advantage and organizational performance*. Model yang digunakan memperlihatkan bahawa Prestasi pengurusan rantaian bekalan antara lain dipengaruhi oleh Penghantaran. Model kajian yang digunakan, dikemukakan pada rajah 2.18 dibawah ini.



Rajah 2.18.

Model kajian Suhong, Bhanu dan Rao (2011) Pengaruh Amalan rantai bekalan untuk memenangkan pertandingan bisnis dan prestasi organisasi.


18. Kajian yang dilakukan oleh Dobroszek ( 2012) tentang *Performance measurement as a part of management in supply chain.*, bahawa Prestasi pengurusan rantai bekalan dipengaruhi antara lain oleh faktor kawalan. Model kajian yang digunakan, dikemukakan pada rajah 2.19 dibawah ini



Rajah 2.19.

Kajian yang dilakukan oleh Dobroszek ( 2012) menggunakan sebahagian daripada pengukuran Rantai bekalan (Gunasekaran et al., 2001)


19. Kajian yang dilakukan oleh Leónczuk (2016), *Categories of supply chain performance indicators: an overview of approaches, Business.*, bahawa Prestasi pengurusan rantaian bekalan dipengaruhi antara lain oleh faktor penghantaran. Model kajian yang digunakan, dikemukakan pada rajah 2.20 dibawah ini



Rajah 2.20.

Model kajian Leónczuk (2016) mengenai Pengukuran daripada Rantai bekalan: sebuah pendekatan perniagaan

20. Kajian daripada Hartmut Stadtler (2014), dengan tajuk *An Exploratory Investigation of the Effects of Supply Chain Complexity on Delivery Performance*, bahawa penghantaran mempengaruhi Pengurusan rantai bekalan. Model kajian yang digunakan, dikemukakan pada rajah 2.21 dibawah ini




Rajah 2.21

Model kajian Hartmut Stadtler (2014) mengenai Pengurusan rantai bekalan dan pelan.




21. Kajian yang dilakukan oleh Shradha, Gawankar, Sachin, Kamble, Rakesh dan Raut (2016), tentang "*Development, measurement and validation of supply chain performance measurement (SCPM) scale in Indian retail sector*",, bahawa Prestasi pengurusan rantaian bekalan dipengaruhi antara lain oleh penghantaran dan kecermatan pelan. Model kajian yang digunakan, dikemukakan pada rajah 2.22 dibawah ini



Rajah 2.22.

Model kajian Shradha, Gawankar, Sachin, Kamble, Rakesh dan Raut (2016) mengenai Pengaruh daripada Amalan Pengurusan rantai bekalan pada prestasi syarikat.


22. Kajian daripada Enriquez, Castorena dan Adame (2015) yang bertajuk *The Impact Of Strategies In Supply Chain Management For Better Performance In Manufacturing Smes In Aguascalientes*. bahawa Prestasi pengurusan rantaian bekalan dipengaruhi oleh Strategik, diantaranya strategik planning, inovasi dan penghantaran. Model kajian yang digunakan, dikemukakan pada rajah 2.23 dibawah ini



Rajah 2.23.

Model kajian Enriquez, Castorena dan Adame (2015) mengenai pengaruh daripada strategik (planning, inovasi dan penghantaran) terhadap Prestasi pengurusan rantaian bekalan pada pengilang Smes di Aguascalientes

23. Kajian Gualandris dan Kalchschmidt (2014) tentang *Customer pressure and innovativeness: their role in sustainable supply chain management* bahawa pengurusan rantaian bekalan dipengaruhi oleh inovasi melalui pengurusan proses berterusan. Kajian ini menggunakan model, pada rajah 2.24 dibawah ini.



Rajah 2.24.

Model kajian Gualandris dan Kalchschmidt (2014) mengenai Tekanan pelanggan dan inovasi: peranan mereka dalam pengurusan rantaian bekalan yang mampan.

24. Seterusnya Arawati (2011), juga melakukan kajian tentang *Supply Chain Management, Supply Chain Flexibility and Business Performance*, bahawa inovasi berpengaruh pada Prestasi pengurusan rantai bekalan. Model kajian yang digunakan dikemukakan pada rajah 2.25 dibawah ini





Figure 1: The Conceptual Framework Linking Supply Chain Management, Supply Chain Flexibility and Business Performance

Rajah 2.25.

Model kajian Arawati (2011), mengenai Pegurusan rantai bekalan, fleksibiliti rantai bekalan dan prestasi perniagaan.


25. Lachin, Mabert dan Vincent (2010). Melakukan kajian tentang *Exploring The Relationship Between Efficient Supply Chain Management*. Pada kajian ini faktor kawalan dan inovasi yang dilakukan oleh syarikat berpengaruh terhadap Prestasi pengurusan rantai bekalan. Model kajian yang digunakan, dikemukakan pada rajah 2.26 dibawah ini



Rajah 2.26.

Model kajian Lachin, Mabert dan Vincent (2010) mengenai Hubungan antara keberkesanan pengurusan rantai bekalan terhadap faktor kawalan dan inovasi syarikat.


26. Kajian yang dilakukan oleh Arawati. (2011). *The Structural Influence of Supply Chain Management on Product Quality and Business Performance*. bahwa inovasi berpengaruh terhadap Prestasi pengurusan rantai bekal. Model kajian yang digunakan, dikemukakan pada rajah 2.27 dibawah ini



Rajah 2.27.

Model kajian Arawati. (2011). Mengenai Pengaruh Struktural pengurusan rantai bekal pada kualiti barang dan prestasi perniagaan.


27. Kajian daripada Lia, Ragu-Nathanb, dan Raob (2014), tentang *The impact of supplychain management practices on competitive advantage and organizational performance*, bahawa Amalan Pengurusan rantaian bekalan dibangun oleh penghantran dan inovasi. Model kajian yang digunakan, dikemukakan pada rajah 2.28 dibawah ini



Rajah 2.28.

Model kajian Lia, Ragu-Nathanb, dan Raob (2014), mengenai Orientasi Pengurusan rantaian bekalan dan prestasi pembekal dan pembeli.

28. Mikalef, Batenburg, Pateli dan Wetering (2013), melakukan kajian tentang *Business alignment in the procurement domain: a study of antecedents and determinants of supply chain performance*, dimana kawalan mempengaruhi secara tidak langsung Prestasi pengurusan rantai bekalan. Model yang digunakan pada rajah 2.29 dibawah ini




Rajah 2.29

Model kajian Mikalef, Batenburg, Pateli dan Wetering (2013) mengenai Kawalan mempengaruhi secara tidak langsung Prestasi pengurusan rantai bekalan




29. Kajian yang dilakukan oleh Marwah, Thakar dan Gupta (2014), tentang *Determinants of Supply Chain Performance of Indian Manufacturing Organization* bahawa Prestasi pengurusan rantai bekalan dipengaruhi antara lain oleh faktor manusia. Model kajian yang digunakan, dikemukakan pada rajah 2.30 dibawah ini




Rajah 2.30.

Model kajian Amit Kumar Marwah, Thakar dan Gupta (2014) mengenai Pengukuran dan metric pada empat jaringan dasar pada rantai bekalan




30. Kajian yang dilakukan oleh Jenatabadi, Huang, Ismail, Satar dan Radzi (2013), kajian tentang *Impact of Supply Chain Management on the Relationship between Enterprise Resource Planning System and Organizational Performance*. bahawa faktor manusia dipengaruhi oleh pelan dan kawalan. Model kajian yang digunakan, dikemukakan pada rajah 2.31 dibawah ini



Rajah 2.31. Model kajian Jenatabadi, Huang, Ismail, Satar dan Radzi (2013), mengenai Pengaruh faktor Manusia terhadap plan dan kawalan pada Pengurusan rantaiian bekalan


31. Kajian daripada Ho, Wang, Pauleen dan Ting (2011) tentang *Perspectives on The Performance of Supply Chain Systems: The Effects of Attitude and Assimilation* bahawa Prestasi pengurusan rantaian bekalan dibangun antara lain oleh sikap manusia. Model kajian tentang PPRB yang digunakan, dikemukakan pada rajah 2.32 dibawah ini.



Rajah 2.32.

Model kajian Ho, Wang, Pauleen dan Ting (2011) mengenai Perspektives daripada Prestasi pengurusan rantaian bekalan; Pengaruh sikap dan asimilasi

32. Kajian yang dilakukan oleh Singhry ( 2015), *Effect of Supply Chain Technology, Supply Chain Collaboration and Innovation Capability on Supply Chain Performance of Manufacturing Companies*, bahawa Prestasi pengurusan rantaian bekalan dipengaruhi antara lain oleh faktor inovasi. Model kajian yang digunakan, dikemukakan pada rajah 2.33 dibawah ini



Rajah 2.33.

Model kajian Singhry ( 2015) mengenai Efek dari teknologi dan kolaborasi rantai bekalan dan inovasi pada Prestasi Pengurusan rantaian bekalan

33. Kajian daripada Modi, Sachin, Mabert, Vincent (2010) mengenai *Exploring The Relationship Between Efficient Supply Chain Management*, pada pengilang di Indiana bahawa inovasi akan membangun kawalan, sedangkan inovasi mempengaruhi pengurusan rantaian bekalan. Model kajian yang digunakan, dikemukakan pada rajah 2.34 dibawah ini



Rajah 2.34.

Model kajian Modi, Sachin, Mabert, Vincent (2010) mengenai Hubungan antara Pengurusan rantai bekalan pada pengilang di Indiana.

Seterusnya disampaikan pula rumusan dari faktor yang berhubungan langsung dengan Pengurusan rantai bekalan pada jadual 4.1 dibawah ini.

Jadual 2.2

*Rumusan hasil hubungan langsung terhadap Pengurusan Rantaian Bekalan (PRB)*

Hubungan langsung	Penulis	Negara	Area	Hasil
PP→PRB	Hartmut Stadler (2014)	Jerman	Industri Besar	Signifikan
	Shatat, Udin (2012)	Malaysia	Pengilang	InSignifikan
	Jonsson, Rudberg Holmbeg (2013)	Swedia	IKEA	Signifikan
	Cassivi (2006)	USA	Pengilang	Signifikan
	Cai,Liu, Xiao, Jin (2009)	China	Industri Makanan	Signifikan
	Gunasekaran (2008)	Inggeris	Pengilang	Sinifikan
	Spina, Serio, Brito, Duarte (2014)	Spanyol	Pengilang	Signifikan
	Albaahussain Elgaraihy, Mobarak (2014)	Saudi	Industri Besar	Signifikan
	Jenatabadi, Ismail Satar, Radzi (2013)	Pakistan	Pengilang	Signifikan
	Al-Fawaeer Al-Zu'bi (2013)	Saudi	Pengilang	Signifikan
	Barngetuny, Kimutai (2012)	Elgeuo	Pengilang	InSignifikan
	Chow, Madu Kuei, Lu, Chinhco, Tseng (2008)	Taiwan,US	Pengilang	Signifikan

	Hayat, Abbas Siddique, Cheema (2014)	Pakistan	Pengilang	Signifikan
	Chae (2009)	China	Industri Makanan	Signifikan
	Carter, Roger, Choi, (2014)	Arizona	Pengilang	Signifikan
	Sinha (2013)	India	Industri Makanan	Signifikan
	Chaet (2009)	Korea Selatan-	Industri	Signifikan
	Liu, Ke Wei, Hua (2014)	China	Listrik	Signifikan
KP→PRB	Spina, Serio, Brito, Duarte (2014)	Spanyol	Pengilang	Signifikan
	Leng, Zailani (2012)	Malaysia	Pengilang	Signifikan
	Enriquez Castorena, Adame (2014)	Aguascalientes	Pengilang	Signifikan
	Mikalef Batenburg Pateli, Watering (2013)	Denmark	Pengilang	Signifikan
	Leonczuk (2016)	Jerman	Pengilang	Signifikan
	Vachon, Klassen (2016)	Jerman	Pengilang	Signifikan
	Leng, Zailani (2012)	Malaysia	Pengilang	Signifikan
	Shatat , Udin (2012)	Malaysia	Pengilang	Signifikan
	Barngetuny, Kimutai (2012)	Elgeyo	Pengilang	Signifikan
	Berghman (2012)	Michigan	Industri Makanan	InSignifikan

	Mohaghar Ghasemi (2011)	Iran	Automotive	Signifikan
	Suhong, Bhanu, Rao (2012)	India	Industri Makanan	Signifikan
	Qrunfleh, Susita Sawsan, Caleigh (2011)	Thailand	Industri Makanan	Signifikan
	Chae (2009)	China	Industri Makanan	Signifikan
	Gunasekaran (2008)	Inggeris	Pengilang	Sinifikan
	Shin, Collier Wilson (2000)	Inggeris	Pengilang	Signifikan
	Liu, Ke Wei, Hua (2014)	China	Elektrik	ignifikan
	Sinha (2014)	India	Industri Makanan	Signifikan
	Kwateng, Manso Mensah (2014)	Ghana	Pengilang	Signifikan
	Chaet (2009)	Korea Selatan	Industri	InSignifikan
I→PRB	Raut (2016)	India	Pengilang	Signifikan
	Enriquez Castorena, Adame (2014)	Aguascalientes	Pengilang	Signifikan
	Gualandris (2014)	Pakistan	Industri Makanan	
	Berghman (2012)	Michigan	Industri Makanan	Signifikan
	Suhong, Bhanu, Rao (2011)	India	Industri Makanan	InSignifikan
	Arawati (2011)	Malaysia	Pengilang	Signifikan

	Arawati (2010)	Malaysia	Pengilang	Signifikan
	Lachin, Mabert Vincent (2010)	Inggeris	Industri Makanan	Signifikan
	Sinha (2013)	India	Industri Makanan	Signifikan
M→PRB	Albahussain, Elgaraihy, Mobarak (2016)	Saudi	Industri Besar	Signifikan
	Gun (2012)	US	Konstruksi	InSignifikan
	Gualandris Kalchschmidt (2014)	Pakistan	Industri Makanan	Signifikan
	Jenatabadi, Ismail Satar, Radzi (2013)	Pakistan	Pengilang	Signifikan
	Al-Fawaer Al-Zu'bi (2013)	Saudi	Pengilang	Signifikan
	Barngetuny, Kimutai (2012)	Elgeyo	Pengilang	Signifikan
	Mohaghar Ghasemi (2011)	Iran	Automotive	Signifikan
	Suhong, Bhanu Rao (2011)	India	Industri Makanan	Signifikan
	Arawati (2011)	Malaysia	Pengilang	Signifikan
	Ho, Wang Pauleen, Ting (2011)	Taiwan	Automotive	Signifikan
	Arawati (2010)	Malaysia	Pengilang	Signifikan
	Lachin, Mabert Vincent (2010)	Inggeris	Industri Makanan	Signifikan



	Schoenherr Griffith, Chandra (2014)	Michigan	Industri Makanan	Signifikan
	Gunasekaran (2008)	Inggeris	Pengilang	Sinifikan
	Hayatt, Abbas Siddique, (2014)	Pakistan	UKM	Signifikan
	Ghuri, Khan, Ken (2013)	Pakistan	SME	Signifikan
	Chow, Madu Kuei, Lu Chinhco, Tseng (2008)	Taiwan,US	Pengilang	Signifikan
	Shin, Collier Wilson (2000)	Inggeris	Pengilang	Signifikan
K → PPRB	Shatat, Udin (2012)	Malaysia	Pengilang	Signifikan
	Lachin, Mabert Vincent (2010).	Inggeris	Industri Makanan	Signifikan
	Cai, Liu, Xiao, Jin (2009)	China	Industri Makanan	Signifikan

Jadual 2.3

*Rumusan Hasil dari hubungan antara Manusia (M) terhadap Penyelarasan Pelan (PP), Kebolehan Penghantaran (KP) dan Inovasi (I)*

Hubungan langsung	Penulis	Negara	Area	Hasil
M→PP	Albahussain, Elgaraihy, Mobarak (2016)	Saudi	Industri	Signifikan
	Hayat, Abbas Siddique, Cheema (2014)	Pakistan	Pengilang	Signifikan
	Suhong, Bhanu Rao (2011)	India	Industri Makanan	Signifikan
	Chiau, Liu, Jin (2009)	China	Industri Makanan	Signifikan
M→KP	Schoenherr Griffith, Chandra (2014)	Michigan	Industri Makanan	Signifikan
	Suhong, Bhanu Rao (2011)	India	Industri Makanan	Signifikan
	Kwateng, Manso Mensah (2014)	Ghana	Pengilang	Signifikan
K→KP	Mikalef Batenburg Pateli, Watering (2013)	Denmark	Pengilang	Signifikan
M→I	Berghman (2012)	Michigan	Industri Makanan	Signifikan
	Suhong, Bhanu Rao (2011)	India	Industri Makanan	Signifikan
	Lachin, Mabert Vincent (2010).	Inggeris	Industri Makanan	Signifikan
	Shin, Collier Wilson (2000)	Inggeris	Pengilang	Signifikan

## 2.10 Rumusan

Berdasarkan penjelasan mengenai prestasi pengurusan rantaian bekalan barang kawalan baja yang dikemukakan diatas, maka pada kajian ini akan menggunakan teori utama prestasi pengurusan rantaian bekalan dengan asas berbasis Hiraki Gunasekaran *et al.* (2004). Adapun pertimbangannya kerana pada teori tersebut menggunakan sebahagian besar faktor yang akan dibahas (faktor Pelan, Penghantaran, Inovasi, Manusia, dan Kawalan ). Dan juga, dengan teori tersebut akan menyentuh semua tingkatan dalam organisasi baik dalaman maupun luaran secara strategik, taktikal dan operasi. Dengan demikian akan ada pautan rancangan strategik syarikat hingga keperingkat operasi dan sokongan pembuat keputusan untuk membuat keputusan yang betul pada setiap peringkat.

Disamping itu, dari kajian yang dikemukakan diatas beberapa teori penyokong, adalah:

- Faktor penyelarasan pelan dengan prestasi pengurusan rantaian bekalan disokong oleh teori Hayat, Abbas, Siddique, dan Cheema (2014), Hartmut Stadtler (2014), Liu, Ke, Wei dan Hua (2014), Al-Fawaeer dan Al Zu'bi (2013), Shinha (2013), Shatat, Udin (2012), Chaet (2009), Bigliardi dan Bottani (2010), Agus. (2010), Dewan Supply Chain (2009), Chae (2009), Theeranuphattana dan Tang (2008), Gunasekaran *et al.* (2004), Shepherd dan Gunter (2006), Shepherd dan Günter (2006), Huang *et al.*(2005), Ayers (2001), Mason-Jones dan Towill (1997), Ramdas dan Spekman (2000)
- Faktor Inovasi dengan prestasi pengurusan rantaian bekalan akan disokong oleh teori Shinha (2013), Gualandris Kalchschmidt (2014), Flynn *et al.*(2010), Flynn *et al.* (2010), Cai *at el.* (2009), Theeranuphattana dan Tang (2008), Bhagwat dan

Sharma (2007), Kotler (2003), Chan dan Qi (2003), Chan (2003), Lambert dan Pohlen (2001), Rogers dan Shoemaker (1971),

- Faktor Penghantaran dengan prestasi pengurusan rantai bekalan akan disokong oleh teori Lie, Ke, Wei an Hua (2014), Shinha (2014), Koateng, Manso dan Mensah (2014), Leng dan Zailani (2012), Shatat dan Udin (2012), Chaet (2009), Mohaghar, Ghasemi (2011), Agus (2010), Bigliardi dan Bottani (2010), Gunasekaran et al. (2004), ), Chae (2009), Dewan Supply Chain (2009), Theeranuphattana dan Tang (2008), Shepherd dan Gunter (2006), Huang et al.(2005), Toni dan Tonchia (2001), Ramdas dan Spekman (2000), Chan dan Qi (2003), Gelders, Mannaert, dan Maes (1994); Novich, (1990; dan Stewart, (1995),
- Faktor Manusia dengan prestasi pengurusan rantai bekalan akan disokong oleh teori Albahussain, Elgaraihy and Mobarak (2016), Schoenherr, Griffith dan Chandra (2014), Hayatt, Abbas dan Siddique (2014), Ghauri, Khan dan Ken (203), Ho, Wang, Pauleen dan Ting (2011), Kussing (2009), Robb et al.(2008), Hardjapamekas (2008), Wahyudi (2007). Bologne (2006), Li et al. (2005), Otto dan Kotzab (2003), Toni dan Tonchia (2001), Lambert dan Pohlen (2001), Fishbein dan Ajzen (1975), Kapelan dan Norton (1992),
- Manusia dan Pelan akan disokong oleh teori Albahussain, Elgaraihy and Mobarak (2016), Schoenherr, Griffith dan Chandra (2014), Hayatt, Abbas dan Siddique (2014), Nik Kamariah (2005), Janvier-James (2012), Handoyo (2009), Bologne (2006), Wahyudi (2007), Hardjapamekas (2008), Fishbein dan Ajzen (1975)

- Manusia dan Inovasi akan disokong oleh teori Nik Kamariah (2005), Carter, Roger, Choi, (2015), Janvier-James (2012), Berghman (2012), Sohung, Bhanu dan Rao (2011), Lachin, Mabert dan Vincent (2010)Handoyo (2009), Robb et al. (2008), Bologne (2006), Wahyudi (2007), Hardjapamekas (2008), Fishbein dan Ajzen (1975)
- Manusia dan Hantar akan disokong oleh teori Janvier-James (2012), Sohung, Bhanu dan Rao (2011), Handoyo (2009), Bologne (2006), Wahyudi (2007), Hardjapamekas (2008), Fishbein dan Ajzen (1975)
- Kawalan dan Hantar akan disokong oleh teori Janver-James. (2012), Sohung, Bhanu dan Rao (2011), dan Sulaiman (2004)



**UUM**  
Universiti Utara Malaysia

## **BAB III**

### **METODOLOGI KAJIAN**


#### **3.1 Pengenalan Bab**

Bab III ini akan mengulas metodologi penyelidikan dan kaedah yang digunakan dalam kajian. Pertama, memberikan gambaran dari proses kajian yang akan dilakukan. Kedua, menjelaskan tentang reka bentuk kajian untuk mencari model yang sesuai pada kajian ini. Ketiga, membina hipotesis, menetapkan beberapa hipotesis yang akan diuji dalam kajian ini. Keempat, instrumen pengukuran, untuk melakukan pengukuran pembolehubah yang berkontribusi terhadap prestasi pengurusan rantai bekalan (PPRB). Kelima, pengumpulan data untuk kajian, iaitu borang yang akan digunakan dalam pengumpulan data untuk kajian ini dilapangan. Keenam, pemilihan responden iaitu kaedah dan proses pengumpulan data yang representatif. Dan, terakhir analisis data untuk mendapatkan hasil kajian.

#### **3.2 Pendahuluan**

Pada amnya kajian boleh dijalankan secara kaji selidik/terokaan, deskriptif atau ujian hipotesis (Sakaran, 2000). Kajian penerokaan biasanya dijalankan bagi menerokai sesuatu yang baru, yang masih kurang maklumat mengenainya. Manakala kajian deskriptif biasanya menumpukan perhatian kepada beberapa ciri yang terdapat dalam suatu fenomena. Seterusnya kajian mendalam diperlukan bagi meneliti sesuatu hubungan pembolehubah yang telah diandaikan dan juga bagi menjawab soalan kajian. Kajian seperti ini adalah kajian berbentuk ujian hipotesis

Kajian ini dijalankan adalah bertujuan untuk mencari jawapan bagi beberapa soalan kajian mengenai prestasi pengurusan rantaian bekalan barang kawalan. Ia juga bertujuan mengenal pasti beberapa hubungan diantara pembolehubah bebas dan terikat. Justru itu, kajian ini dijalankan dalam bentuk deskriptif dan pengujian hipotesis. Melalui kajian ini diharapkan dapat diketahui keadaan sebenarnya dan lebih realistik (Rasyid, 1993; Kerlinger, 1973). Oleh itu pada Bab ini menjelaskan tentang metodologi yang akan digunakan untuk mencapai hasrat tersebut. Gambarajah 3.1 menerangkan gambaran dari kajian yang akan dilakukan.



Gambarajah 3.1  
Proses kajian


### 3.3 Reka Bentuk Kajian

Bab satu sudah dinyatakan masalah prestasi pengurusan rantaian bekalan barang kawalan untuk baja subsidi di Indonesia. Masalahnya dijangka terjadi pada proses aktiviti utama rantaian bekalan tersebut, iaitu penyelarasan pelan, kebolehpercayaan penghantaran dan inovasi, manusia dan kawalan. Untuk kajian ini prestasi pengurusan rantaian bekalan merupakan pembolehubah terikat. Manakala

pembolehubah bebas adalah penyelarasan pelan, kebolehpercayaan penghantaran, inovasi, manusia dan kawalan.

Sehubungan dengan hal diatas, reka bentuk kajian oleh Gunasekaran et al. (2001&2004) akan digunakan dalam mengembangkan kajian. Secara eksplisit hal tersebut dapat dikemukakan, sebagai berikut:

Prestasi pengurusan rantai bekalan (PPRB) Barang Kawalan = f ( Penyelarasan Pelan, Kebolehpercayaan penghantaran, Inovasi, Manusia dan Kawalan ).



Gambarajah 3.2:  
*Model teoritik kajian*

### 3.4 HIPOTESIS KAJIAN

Berdasarkan reka bentuk diatas, maka berikut ini akan disampaikan hipotesis yang akan digunakan, sebagai berikut:

*H1* : Penyelarasan Pelan mempunyai pengaruh signifikan pada Prestasi pengurusan rantai bekalan



*H2* : Inovasi mempunyai pengaruh signifikan pada Prestasi pengurusan rantaiian bekalan

*H3* : Kebolehpercayaan penghantaran mempunyai pengaruh signifikan pada Prestasi pengurusan rantaiian bekalan

*H4* : Faktor Manusia mempunyai pengaruh signifikan pada Penyelarasan Pelan

*H5* : Faktor Manusia mempunyai pengaruh signifikan pada Inovasi

*H6* : Faktor Manusia mempunyai pengaruh signifikan pada Kebolehpercayaan penghantaran

*H7* : Kawalan mempunyai pengaruh signifikan pada Kebolehpercayaan penghantaran

*H8* : Penyelarasan Pelan merupakan pengantara antara Manusia dan Prestasi pengurusan rantaiian bekalan

*H9* : Inovasi merupakan pengantara antara Manusia dan Prestasi pengurusan rantaiian bekalan

*H10* : Kebolehpercayaan penghantaran pengantara antara Manusia dan Prestasi pengurusan rantaiian bekalan

*H11* : Kawalan bersama Kebolehpercayaan penghantaran pengantara antara Manusia dan Prestasi pengurusan rantaiian bekalan

*H12* : Inovasi bersama Kawalan dan Kebolehpercayaan penghantaran pengantara antara Manusia dan Prestasi pengurusan rantaiian bekalan

Selanjutnya akan dibuat definisi operasi dan instrumen keatas pembolehubah terikat iaitu prestasi pengurusan rantaiian bekalan barang kawalan. Kemudian dilanjutkan definisi operasi dan instrumen keatas pembolehubah bebas iaitu pelan,

kebolehpercayaan penghantaran, inovasi, manusia dan kawalan, dan disampaikan dibawah ini.

### **3.5 Defenisi Operasi dan Instrumen Kajian**

Sebagaimana yang sudah disampaikan sebelumnya bahawa untuk kajian ini prestasi pengurusan rantaian bekalan barang kawalan merupakan pembolehubah terikat. Manakala pembolehubah bebas adalah penyelarasan pelan, kebolehpercayaan penghantaran, inovasi, manusia dan kawalan. Selanjutnya akan dikemukakan secara berturut turut defenisi operasi dan intrumen pengukuran masing masing pembolehubah.

#### **3.5.1 Defenisi Operasional dan Instrumen Prestasi Pengurusan Rantaian Bekalan**

Prestasi pengurusan rantaian bekalan barang kawalan pembolehubah terikat berdasarkan kepada tujuan polisi kerajaan Indonesia untuk meningkatkan pengeluaran dan produktiviti tanaman padi bagi mewujudkan kesejahteraan petani (Deptan, 1987).

Berdasarkan Peraturan Menteri Pertanian Republik Indonesia Nombor 87/Permentan/SR.130/12/2011 tarikh 9 Desember 2011, bahawa polisi pengedaran baja subsidi kepada petani di Indonesia dilakukan melalui sistem pengurusan rantaian bekalan barang kawalan (Ditjen PSP Kementan, 2012). Berdasarkan telaah pustaka dan sesuai dengan tujuan polisi kerajaan mengenai faktor prestasi pengurusan rantaian bekalan barang kawalan, maka dimensi pengukuran prestasi pengurusan rantaian bekalan yang digunakan dalam kajian ini iaitu adalah:

1. Merekod keperluan baja subsidi untuk petani secara sebenar.

2. Memenuhi keperluan petani untuk memperoleh baja subsidi
3. Mengedarkan baja subsidi sesuai dengan peruntukannya.

Berdasarkan dimensi prestasi pengurusan rantaian bekalan yang dikemukakan diatas, maka instrumen pengukuran prestasi pengurusan rantaian bekalan disampaikan pada jadual dibawah ini.

Jadual.3.1

*Instrumen Pengukuran Prestasi Pengurusan Rantaian Bekalan*

Dimensi	Indikator	Kod
Merekod keperluan baja subsidi untuk petani secara sebenar	Data keperluan baja sesuai keperluan petani	PPRB1
	Amalan bekalan dan pengedaran baja	PPRB2
	Rekod keperluan baja sesuai keperluan petani	PPRB3
Memenuhi keperluan petani memperoleh baja subsidi	Alokasi keperluan baja sesuai keperluan petani	PPRB4
	Petani sering kekurangan baja	PPRB5
	Pengawasan pengedaran baja	PPRB6
Mengedarkan baja subsidi sesuai dengan peruntukannya	Pengedaran baja menyimpang	PPRB7
	Baja subsidi dijual lagi oleh petani	PPRB8
	Baja dijual ke perkebunan dan industri	PPRB9
	Defenisi yang berhak menerima baja rancu	PPRB10

### 3.5.2 Defenisi Operasional dan Instrumen Penalarasan Pelan

Kegiatan pertama yang dilakukan oleh setiap syarikat untuk memulakan kegiatan operasi perniagaan adalah mendapatkan pesanan. Pesanan yang dihasilkan dan dijadualkan akan menentukan pengurusan rantaian bekalan dari kegiatan hulu ke hilir. Oleh itu, menurut Gunasekaran (2004), langkah pertama dalam menilai pengurusan rantaian bekalan adalah menganalisis aktiviti yang berkaitan dengan pelan pesanan. Untuk melakukan hal ini, penilaian prestasi pelan yang akan

dilakukan adalah menentukan cara dan sejauh mana spesifikasi/keperluan pelanggan yang diubah menjadi maklumat yang berguna, dan diturunkan sepanjang rantaian bekalan. Menurut Mason-Jones dan Towill (1997), maklumat tersebut menghubungkan semua peringkat rantai bekalan dan mempengaruhi penjadualan dari semua kegiatan. Dalam konteks kajian ini, iaitu mengukur pengaruh prestasi pelan terhadap prestasi pengurusan rantaian bekalan akan difokuskan kepada penyelarasan pelan. Selanjutnya disebut dengan penyelarasan pelan.

Dimensi Penyelarasan Pelan berdasarkan teori yang dikemukakan oleh Gunasekaran (2004), iaitu:

1. Keselarasan bajet (*variances against budget*).
2. Ketepatan teknik ramalan (*accuracy of forecasting techniques*).
3. Kaedah kemasukan pesanan (*order entry methods*).

Berdasarkan dimensi penyelarasan pelan yang dikemukakan diatas, maka instrumen pengukuran pelan disampaikan pada jadual dibawah ini.

Jadual.3.2

*Instrumen Pengukuran Penyelarasan Pelan*

Dimensi	Indikator	Kod
Keselarasan bajet	Alokasi baja sesuai keperluan	PP1
	Keperluan baja dihitung secara cermat	PP2
	Pelan (RDKK) pengedaran baja sesuai keperluan	PP3
Ketepatan teknik ramalan	Keperluan baja sudah terpenuhi	PP4
	Petani mampu membuat pelan (RDKK)	PP5
	Pelan bekalan dan pengedaran baja sesuai dengan musim dan kondisi lapangan	PP6
Kaedah kemasukan pesanan	Biaya distribusi untuk Pengedar dan Peruncit	PP7

### 3.5.3 Defenisi Operasional dan Instrumen Kebolehpercayaan Penghantaran

Langkah-langkah pada penilaian prestasi penghantaran direka untuk menilai prestasi penghantaran dalam rantaian bekalan. Dalam kontek kajian yang dilakukan, maka ukuran pengaruh prestasi penghantaran terhadap Prestasi pengurusan rantaian bekalan barang kawalan, akan memberi tumpuan terhadap kebolehpercayaan penghantaran. Selanjutnya disebut kebolehpercayaan penghantaran

Sesuai dengan teori Gunasekaran (2004), pengkaji menggunakan 4 dimensi faktor kebolehpercayaan penghantaran, iaitu:

1. Kebolehpercayaan penghantaran (*delivery reability*)
2. Rancangan pengedaran (*distribution planing schedule*)
3. Penghantaran tepat masa (*on time delivery*)
4. Kerumitan prosedur (*effectiveness of delivery invoice*)

Berdasarkan dimensi kebolehpercayaan penghantaran yang dikemukakan diatas, maka instrumen pengukuran kebolehpercayaan penghantaran disampaikan pada jadual dibawah ini.

Jadual.3.3

*Instrumen pengukuran Kebolehpercayaan penghantaran*

Dimensi	Indikator	Kod
Kebolehpercayaan penghantaran	Rancangan Pengedaran	KP1
	Stok baja di gudang tersedia untuk keperluan 2 minggu	KP2
	Pengedaran baja dari kilang ke daerah lancar	KP3
Rancangan pengedaran	Traspot baja berjalan lancar	KP4
	Stok baja ketika menukarkan DO digudang	KP5
	Kelancaran pemuatan baja ke atas truk	KP6
Penghantaran tepat masa	Ketepatan masa pengiriman baja	KP7
	Penerimaan baja sesuai masa pemupukan	KP8
	Pelayanan penebusan cepat (selesai satu hari)	KP9
Kerumitan prosedur	Prosedur penebusan baja subsidi sederhana	KP10
	Perlu biaya tambahan dalam pengurusan baja	KP11

### 3.5.4 Defenisi Operasional dan Instrumen Inovasi

Inovasi dijangka akan turut memberi kesan kepada prestasi pengurusan rantaian bekalan kerana syarikat syarikat menghadapi pelbagai dilema. Kotler (2003), menyatakan bahawa jika mereka tidak melakukan inovasi mereka akan mati. Dan jika mereka melakukan inovasi - kemudian inovasi mereka tidak berjaya - mereka mungkin akan mati juga. Walaupun demikian inovasi tetap lebih selamat daripada hanya diam. Proses inovasi haruslah dikendalikan dengan hati hati sebagai suatu kumpulan proses proses yang termasuk pembangunan idea, penapisan idea idea, pembangunan dan ujian konsep, analisis perniagaan, pembangunan dan ujian prototaip, percubaan pemasaran dan pengkomersialan.

Lebih lanjut Kotler (2003) menyatakan bahawa inovasi boleh menjadi kemampuan

strategik yang dimiliki oleh syarikat. Inovasi tidak hanya terbatas pada pembangunan produk baru atau perkhidmatan baru. Inovasi juga termasuk pada pemikiran proses perniagaan.

Menurut Mardikanto (1993) inovasi adalah sesuatu idea, perilaku, produk, maklumat dan amalan-amalan baru yang belum banyak diketahui, diterima dan digunakan/dilaksanakan oleh sebahagian besar masyarakat di tempat tertentu, yang boleh digunakan atau mendorong terjadinya perubahan disegala aspek kehidupan masyarakat. Ia sebelumnya mewujudkan peningkatan kualiti hidup setiap individu dan seluruh warga masyarakat yang bersangkutan. Inovasi boleh dibahagi kepada beberapa kategori: a) Inovasi dalam bentuk wawasan/konsep/teori baru, b) Inovasi berupa produk teknologi baru, c) Inovasi dalam kewujudan struktur dan fungsi baru.

Menurut Soekartawi (1998) inovasi adalah sesuatu idea yang dianggap baru oleh seseorang. Perbezaan latar belakang seseorang akan menyebabkan penilaian terhadap inovasi secara objektif terasa sangat relatif sekali sifatnya. Idea baru akan ditanggap berbeza oleh masing-masing individu. Inovasi boleh dipandang sebagai teknologi baru, cara organisasi yang baru, cara pemasaran hasil pertanian yang baru dan sebagainya.

Dalam kandungan kajian ini, maka saiz pengaruh prestasi Inovasi terhadap Prestasi pengurusan rantaian bekalan barang kawalan akan dilakukan, terutama terhadap Inovasi dalam bentuk wawasan/konsep/teori baru, Inovasi dalam kewujudan struktur dan fungsi organisasi baru, analisis proses perniagaan baru. Untuk itu selanjutnya disebut dengan inovasi.

Ada 5 dimensi pengukuran inovasi ini iaitu:

1. Keuntungan relative dari inovasi.
2. Boleh dicuba
3. Boleh diamati
4. Kesesuaian inovasi
5. Kerumitan inovasi

Berdasarkan dimensi inovasi yang dikemukakan diatas, maka instrumen pengukuran inovasi disampaikan pada jadual dibawah ini

Jadual 3.4

*Instrumen pengukuran Inovasi*

Dimensi	Indikator	Kod
Keuntungan relative dari inovasi	Petani melaksanakan teknologi pemupukan berimbang.	I 1
	Keuntungan pengedar dan peruncit kini lebih baik	I 2
	Kemajuan teknologi memberi manfaat kepada petani	I 3
Boleh dicuba	Peraturan pengedaran baja mudah dilaksanakan	I 4
Boleh diamati	Peraturan bekalan dan pengedaran baja sederhana	I 5
	Peraturan pemesanan baja sederhana	I 6
Kesesuaian inovasi	Peraturan pemesanan baja petani sudah sesuai	I 7
	Peraturan bekalan dan pengedaran baja sesuai keperluan	I 8
Kerumitan inovasi	Administrasi penebusan mudah dan sederhana	I 9
	Peraturan pengedaran baja mudah dipelajari	I 10

### 3.5.5 Defenisi Operasional dan Instrumen Manusia

Sebagaimana disampaikan pada Bab sebelumnya, bahawa manusia merupakan sumber yang paling penting dari semua sumber-sumber yang digunakan oleh organisasi untuk mencapai matlamatnya. Memang benar, bahawa kemampuan untuk



mencapai matlamat organisasi terjadi kerana ketersediaan sumber lain seperti wang, mesin, bahan, kaedah, masa dan maklumat. Namun demikian bila ketersediaan sumber lain dan sistemnya sudah baik, tetapi tanpa aspek manusia yang baik, sukar kiranya tujuan-tujuan organisasi dapat tercapai.

### **5.3 Penemuan utama kajian**

Secara umum, kajian ini telah mencapai tujuan yang ditetapkan sebelumnya, iaitu :

1. Menyatakan secara terang mengenai pengaruh penyelarasan pelan, inovasi dan keboleh percayaan penghantaran pada prestasi pengurusan rantai bekalan.
2. Mendedahkan hubungan antara manusia dengan penyelarasan pelan.
3. Mendedahkan hubungan antara manusia dengan inovasi.
4. Mendedahkan hubungan antara manusia dan kawalan dengan keboleh percayaan penghantaran
5. Menyatakan kesan mediator keboleh percayaan penghantaran keatas hubungan manusia dengan prestasi pengurusan rantai bekalan .

Pada bahagian seterusnya, hasil kajian ini akan dibincangkan secara lebih terperinci untuk mendapatkan penjelasan dan pemahaman yang lebih baik.

### **5.3.1 Pengaruh langsung faktor penyelarasan pelan, kebolehpercayaan penghantaran dan inovasi pada prestasi pengurusan rantai bekalan**

Berikut ini akan diuraikan masing-masing pengaruh langsung faktor penyelarasan pelan, kebolehpercayaan penghantaran dan inovasi pada prestasi pengurusan rantai bekalan

#### **5.3.1.1 Pengaruh langsung penyelarasan pelan pada prestasi pengurusan rantai bekalan**

Kajian ini mendedahkan bahawa penyelarasan pelan, mempunyai pengaruh yang positif dan signifikan terhadap prestasi pengurusan rantai bekalan. Hal ini konsisten dengan hasil kajian lepas Elgaraihi dan Mobarak (2014), Jenatabadi, Ismail, Satar, Radzi (2013), Al-Fawaeer dan Al Zu'bi (2013), Hayat, Abbas, Siddique, dan Cheema (2014), Liu, Ke, Wei dan Hua (2014), Al-Fawaeer dan Al Zu'bi (2013), Shinha (2013), dan Carter, Roger, Choi, (2014). Mereka juga mendapati bahawa pelan bagi rantai bekalan tersebut mampu meningkatkan prestasi pengurusan rantai bekalan. Namun tidak konsisten dengan hasil kajian lepas daripada Bargetuny, Kimutai (2012), dimana hasil kajian mereka bahawa pelan tidak berpengaruh terhadap prestasi pengurusan rantai bekalan.

Selari dengan tujuan prestasi pengurusan rantai bekalan yang sudah disampaikan sebelumnya, bahawa pada kajian ini instrumen untuk mengukur kualiti prestasi pengurusan rantai bekalan, iaitu ; merekod keperluan baja petani sesuai dengan keperluan sebenarnya (PPRB3), dan memenuhi keperluan baja untuk petani secara

tepat (PPRB4). Indikator penyelarasan pelan pada kajian ini adalah keselarasan antara peruntukan untuk kuota baja subsidi yang ditetapkan kerajaan dengan keperluan baja petani, dan ketepatan teknik dalam meramal keperluan baja.

Pengaruh langsung positif dan signifikan penyelarasan pelan terhadap prestasi pengurusan rantai bekalan dapat dijelaskan dengan melihat hubung kait antar pemboleh ubah dan indikatornya, seperti berikut:

1. Kesan signifikan dari keselarasan antara bajet dengan keperluan baja petani, menunjukkan bahawa prestasi pengurusan rantai bekalan belum begitu memuaskan, kerana prestasi pengurusan rantai bekalan belum dapat memenuhi keperluan baja untuk petani secara tepat (PPRB4), sesuai dengan permasalahan yang dirumuskan di awal kajian. Ini menunjukkan bahawa semakin kecil perbezaan antara bajet dengan keperluan baja petani, maka akan semakin besar keperluan baja subsidi untuk kegunaan petani secara tepat
2. Kesan signifikan dari keselarasan bajet dengan keperluan baja petani, menunjukkan bahawa prestasi pengurusan rantai bekalan belum begitu memuaskan, kerana belum dapat merekod data keperluan baja yang sebenar dengan sepenuhnya (PPRB3), sesuai dengan permasalahan yang dirumuskan di awal kajian. Ini menunjukkan bahawa perbezaan yang semakin kecil antara bajet dengan keperluan baja petani, maka akan semakin besar kemungkinan merekod keperluan baja petani sesuai dengan sebenarnya.
3. Kesan signifikan dari ketepatan teknik dalam peramalan keperluan baja petani, menunjukkan bahawa prestasi pengurusan rantai bekalan belum memuaskan, kerana prestasi pengurusan rantai bekalan belum dapat memenuhi keperluan



baja untuk petani secara tepat (PPRB4), sesuai dengan permasalahan yang dirumuskan di awal kajian. Ini menunjukkan bahawa semakin tepat teknik yang digunakan dalam peramalan keperluan baja petani, maka akan semakin besar kemungkinan terpenuhinya baja subsidi untuk keperluan petani secara tepat.

4. Demikian pula dengan signifikan dari ketepatan teknik dalam peramalan keperluan baja petani, menunjukkan bahawa prestasi pengurusan rantaian bekalan belum dapat dikatakan baik, karena belum sepenuhnya dapat merekod data keperluan baja petani dengan sebenarnya (PPRB3), sesuai dengan permasalahan yang dirumuskan pada awal kajian. Hal ini berarti bahawa semakin tepat teknik yang digunakan dalam peramalan keperluan baja petani, maka akan semakin besar kemungkinan merekod keperluan baja petani sesuai dengan sebenarnya

Dengan penjelasan diatas dapat difahami bahawa penyelarasan pelan mempunyai pengaruh positif dan signifikan pada prestasi pengurusan rantaian bekalan .

Menurut analisis pengkaji, tentang pengaruh positif dan signifikan penyelarasan pelan terhadap prestasi pengurusan rantaian bekalan tersebut mungkin boleh diterima kerana selama ini pengalaman menunjukkan, bahawa dengan keterbatasan bajet kerajaan akan menciptakan dua kondisi, iaitu: (1) pemberian subsidi baja diprioritaskan untuk usaha tani tanaman makanan yang umumnya berskel kecil, dan (2) perhitungan total keperluan baja bersubsidi didasarkan atas luas tanam didarab dengan takaran baja yang direkomendasikan. Kondisi pertama, boleh menimbulkan penyimpangan baja subsidi ke pasar baja nonsubsidi. Kondisi kedua,

menyebabkan total kuota baja subsidi lebih rendah daripada yang diperlukan petani sebenarnya.

Sehubungan dengan hal diatas dan sesuai dengan hasil kajian, maka perkara yang perlu diberi perhatian bagi penambahbaikan pada faktor pelan, adalah keberkesanan pembuatan senarai keperluan baja petani dalam bentuk rencana defenitif keperluan kumpulan petani (RDKK) yang dibuat setiap tahun (PP3). Semua petani disarankan supaya bergabung dalam kumpulan petani, dan dicadangkan supaya semua kumpulan petani mampu membuat rencana defenitif keperluan kumpulan petani secara bijaksana (PP5).

Dengan meningkatkan keberkesanan rancangan defenitif keperluan kumpulan petani dan sokongan agar petani bergabung dalam kumpulan petani serta sokongan agar semua kumpulan petani mampu membuat rancangan defenitif keperluan kumpulan petani secara yang betul, maka akan tersedia rekord keperluan baja petani yang bersesuaian dengan keperluan baja untuk petani dapat dipenuhi dengan tepat kesudahannya mewujudkan kejayaan prestasi pengurusan rantaian bekalan barang kawalan baja subsidi

### **5.3.1.2 Pengaruh langsung inovasi pada prestasi pengurusan rantaian bekalan .**

Hasil kajian seterusnya adalah, inovasi mempunyai pengaruh positif dan signifikan terhadap prestasi pengurusan rantaian bekalan. Hasil kajian ini konsisten dengan hasil kajian Raut (2016), Shinha (2013), Enriquez et al (2014), Gualandris Kalchschmidt (2014), Berghman (2012, Flynn et al.(2010) dan Arawati (2011). Kajian mereka menyatakan bahawa inovasi positif mempengaruhi prestasi pengurusan rantaian bekalan. Namun tidak konsisten dengan hasil kajian Suhong et al

(2011) bahawa Inovasi tidak berpengaruh secara langsung dan signifikan terhadap prestasi pengurusan rantaian bekalan.

Selari dengan tujuan prestasi pengurusan rantaian bekalan yang sudah diberikan sebelumnya, bahawa pada kajian ini indikator untuk mengukur kualiti prestasi pengurusan rantaian bekalan, iaitu ; merekod keperluan baja petani sesuai dengan keperluan (PPRB3), dan memenuhi keperluan baja untuk petani secara tepat (PPRB4). Faktor inovasi ini menggunakan 2 indikator. Pertama, inovasi terhadap peraturan dan ketentuan pengedaran dan kawalan baja subsidi (I8). Kedua, proses pentadbiran untuk memesan baja baik dari petani kepada peruncit, dari peruncit kepada pengedar, maupun dari pengedar ke pengeluar (I9).

Pengaruh langsung positif dan bersesuaian dengan penyelarasan pelan terhadap prestasi pengurusan rantaian bekalan dapat dijelaskan dengan melihat hubung kait antar pemboleh ubah dan indikatornya, seperti berikut :

1. Kesan signifikan dari inovasi dalam peraturan dan ketentuan pengedaran dan kawalan baja subsidi (I8), menunjukkan bahawa prestasi pengurusan rantaian bekalan belum dapat dikatakan baik, kerana prestasi pengurusan rantaian bekalan belum dapat memenuhi keperluan baja untuk petani secara tepat (PPRB4), sesuai dengan permasalahan yang dirumuskan di awal kajian. Ini bermakna bahawa adanya inovasi terhadap peraturan dan ketentuan pengedaran dan kawalan baja subsidi (I8) akan dapat memenuhi kehendak petani untuk mendapatkan baja subsidi untuk keperluan dengan cara yang betul (PPRB4).
2. Kesan signifikan dari inovasi dalam peraturan dan ketentuan pengedaran dan kawalan baja subsidi (I8), menunjukkan bahawa prestasi pengurusan rantaian

bekalan belum dapat dikatakan baik, kerana belum sepenuhnya dapat merekod data keperluan baja dengan sebenarnya (PPRB3), sesuai dengan permasalahan yang dirumuskan pada awal kajian. Hal ini berarti bahawa menambah inovasi dalam peraturan dan ketentuan pengedaran dan kawalan baja subsidi (I8), maka akan semakin besar kemungkinan merekod keperluan baja petani sesuai dengan keperluan sebenarnya (PPRB 3).

3. Kesan signifikan dari proses pengurusan pemesanan baja (I9), menunjukkan bahawa prestasi pengurusan rantaian bekalan belum dapat dikatakan baik atau memuaskan, kerana prestasi pengurusan rantaian bekalan belum dapat memenuhi keperluan baja untuk petani secara tepat (PPRB4), sesuai dengan permasalahan yang dirumuskan di awal kajian. Ini bermakna bahawa semakin baik proses administrasi pemesanan baja (I9), maka semakin besar peluang petani mendapat keperluan baja secara tepat (PPRB4).
4. Demikian pula dengan signifikan dari proses pengurusan pemesanan baja (I9), menunjukkan bahawa prestasi pengurusan rantaian bekalan belum mencapai tahap terbaik kerana belum sepenuhnya dapat merekod data keperluan baja petani dengan sebenarnya (PPRB3), sesuai dengan permasalahan yang dirumuskan pada awal kajian. Hal ini berarti bahawa semakin baik proses pengurusan pemesanan baja (I9), maka akan semakin besar kemungkinan merekod keperluan baja petani sesuai dengan keperluan sebenar (PPRB3)

Dengan penjelasan diatas dapat difahami bahawa inovasi akan menciptakan prestasi pengurusan rantaian bekalan yang lebih baik.

Menurut analisis pengkaji bahawa inovasi mempengaruhi prestasi pengurusan

rantaian bekalan tersebut, kerana inovasi dalam hal ini adalah peraturan dan ketentuan pengurusan rantai bekalan baja subsidi di Indonesia masih memerlukan suatu perubahan dan penambahbaikan. Sejak adanya sistem pengedaran baja subsidi dari kerajaan semasa program BIMAS (Bimbingan Masal) tahun 1969-1979 hingga pasar bebas tahun 1998 – 2001 polisi yang diterapkan selalu menimbulkan masalah kerana kerajaan tidak mampu memperbaiki mekanisme pengedaran baja dalam negeri. Menurut Lembaga Penyelidikan & Pemberdayaan Masyarakat Institut Pertanian Bogor (2011), sejak tahun 2003 hingga sekarang walaupun pengedaran baja subsidi dibuat secara komprehensif tidak menjamin adanya simpanan baja untuk petani. Oleh itu inovasi dalam rantai bekalan menjadi signifikan diperlukan untuk kejayaan prestasi pengurusan rantai bekalan baja subsidi di Indonesia.

### **5.3.1.3 Pengaruh langsung kebolehpercayaan penghantaran pada prestasi pengurusan rantai bekalan**

Kajian ini mendapatkan hasil bahawa kebolehpercayaan penghantaran, memiliki pengaruh langsung dan signifikan terhadap prestasi pengurusan rantai bekalan. Keputusan kajian dari aspek penghantaran ini, selari pula dengan temuan daripada kajian Enriquez, Castorena dan Adame (2014), Mikalef, Batenburg, Pateli dan Watering (2013), Leng, Zailani (2012), Shatat dan Udin (2012), Barngetuny dan Kimutai (2012), Lie, Ke, Wei an Hua (2014), Shinha (2014), Koateng, Manso dan Mensah (2014), Nizam dan Rahman (2012) dan Chaet (2009). Kajian mereka mendapati bahawa penghantaran berpengaruh secara positif terhadap prestasi pengurusan rantai bekalan. Selain itu selari juga dengan temuan dari kajian Darwis (2007) bahawa kekurangan baja pada petani di Indonesia bukan disebabkan kerana kurangnya keluaran baja melainkan lebih disebabkan kerana lemahnya sistem

pengedaran. Namun demikian tidak konsisten dengan hasil kajian Berghman (2012) terhadap syarikat makanan di Michigan bahawa penghantaran tidak berpengaruh secara signifikan terhadap prestasi pengurusan rantaian bekalan pada manufaktur yang dikaji.

Selari dengan tujuan prestasi pengurusan rantaian bekalan yang sudah disampaikan sebelumnya, bahawa pada kajian ini indikator untuk mengukur kualiti prestasi pengurusan rantaian bekalan, iaitu: merekod keperluan baja petani sesuai dengan sebenarnya (PPRB3), dan memenuhi keperluan baja untuk petani secara tepat (PPRB4). Sesuai hasil kajian, perkara kebolehpercayaan penghantaran mempunyai 2 indikator iaitu pembekalan dan pengedaran baja dari kilang ke daerah (KP3), dan pengangkutan untuk pengedaran baja sejak dari kilang sampai ke petani (KP4).

Pengaruh positif dan signifikan kebolehpercayaan penghantaran terhadap prestasi pengurusan rantaian bekalan dapat dijelaskan dengan melihat hubungkait antara pemboleh ubah dan indikatornya, seperti berikut:

1. Kesan signifikan dari pembekalan dan pengedaran baja dari kilang ke daerah (KP3), menunjukkan bahawa prestasi pengurusan rantaian bekalan belum dapat dikatakan baik, kerana pengurusan rantaian bekalan belum dapat memenuhi keperluan baja untuk petani secara tepat (PPRB 4), sesuai dengan permasalahan yang dirumuskan pada awal kajian. Hal ini berarti semakin baik pembekalan dan pengedaran baja dari kilang ke daerah (KP3), akan semakin besar kemungkinan terpenuhinya baja subsidi untuk keperluan petani secara tepat (PPRB 4).
2. Kesan signifikan dari pembekalan dan pengedaran baja dari kilang ke daerah (KP3), menunjukkan bahawa prestasi pengurusan rantaian bekalan belum dapat

dikatakan baik, karena belum sepenuhnya dapat merekod data keperluan baja dengan sebenarnya (PPRB 3), sesuai dengan permasalahan yang dirumuskan pada awal kajian. Hal ini berarti bahwa semakin baik pembekalan dan pengedaran baja dari kilang ke daerah (KP3), maka akan semakin besar kemungkinan merekod keperluan baja petani sesuai dengan sebenarnya (PPRB 3).

3. Kesan signifikan dari pengangkutan untuk pengedaran bermula dari kilang sampai ke petani. (KP4), menunjukkan bahawa prestasi pengurusan rantaian bekalan belum dapat dikatakan baik, kerana prestasi pengurusan rantaian bekalan belum dapat memenuhi keperluan baja untuk petani secara tepat (PPRB 4), sesuai dengan permasalahan yang dirumuskan pada awal kajian. Ini bermakna bahawa semakin lancar pengangkutan untuk pengedaran baja dari kilang kepada ke petani (KP4), maka akan semakin besar kemungkinan terpenuhinya baja subsidi untuk keperluan petani secara tepat (PPRB 4).
4. Demikian pula dengan signifikan dari pengangkutan untuk pengedaran baja sejak dari kilang sampai ke petani. (KP4), menunjukkan bahawa prestasi pengurusan rantaian bekalan belum dapat dikatakan baik, kerana prestasi pengurusan rantaian bekalan belum sepenuhnya dapat merekod data keperluan baja petani dengan sebenarnya (PPRB3), sesuai dengan permasalahan yang dirumuskan pada awal kajian. Hal ini berarti bahwa semakin lancar pengangkutan untuk pengedaran baja sejak dari kilang sampai ke petani. (KP4), maka akan semakin besar kemungkinan merekod keperluan baja petani sesuai dengan sebenarnya (PPRB 3)

Dengan penjelasan diatas dapat dipahami bahwa kebolehpercayaan penghantaran mempunyai pengaruh positif dan signifikan pada prestasi pengurusan rantai bekalan.

Menurut analisis pengkaji penyebab utama penghantaran berpengaruh secara positif terhadap prestasi pengurusan rantai bekalan seumpama itu, kerana pengedaran baja belum sepenuhnya mengikuti karakteristik permintaan dan penghantaran baja. Keluaran baja daripada kilang relatif tetap sepanjang tahun, sementara keperluan baja bervariasi menurut musim tanam dimasing masing daerah, dimana stok baja seharusnya telah tersedia ditingkat peruncit sebelum musim tanam dimulai. Permasalahan yang hampir selalu terjadi adalah kekurangan baja petani terutama pada musim tanam kerana petani menanam serentak, sehingga memerlukan baja dalam jumlah besar. Apabila terjadi gangguan pada sistem penghantaran, maka petani akan merasa sukar untuk memperoleh baja, atau lebih dikenal dengan fenomena “kelangkaan atau kekurangan baja”. Demikian pula masalah lain dalam penghantaran, penyimpanan dan pemasaran umumnya berpangkal dari sistem penghantaran yang belum terancang dengan berkesan. Mengingat karakteristik permintaan dan bekalan (*demand dan supply*) baja, dimana pada musim menanam keperluan baja tinggi sedangkan pada musim kering keperluan baja kecil. Oleh itu menurut pengkaji diperlukan pengurusan stok baja yang spesifik untuk antisipasi karakteristik permintaan dan bekalan tersebut. Hal ini boleh dilakukan, iaitu disamping melakukan sistem stok penyangga (*buffer stok*) digudang untuk stok minimal yang harus tersedia sepanjang bulan, dan khusus pada musim kering dilakukan sistem menabung untuk antisipasi tingginya keperluan baja pada musim tanaman. Dengan ini mungkin boleh untuk antisipasi tingginya keperluan baja pada



musim tanam, sekaligus untukantisipasi kemungkinan kekurangan kapasitas pengangkutan seperti kapal, kereta api dan truk karena banyaknya baja yang harus diangkut pada musim tanam, disamping pada bulan bulan tersebut yang curah hujannya tinggi, dimana banyak masalah dalam bongkar muat dan kelancaran transpot.

### **5.3.2 Hubungan antara manusia dengan penyelarasan pelan**

Selanjutnya hasil kajian mendapati bahawa faktor manusia berpengaruh secara langsung terhadap pelan. Hal ini konsisten dengan temuan kajian Albahussain, Elgaraihy and Mobarak (2016), Schoenherr, Griffth dan Chandra (2014), Hayatt, Abbas dan Siddique (2014), Nik Kamariah (2005), Janver-James. (2012), Suhong dan Banu (2011) dan Fishbein dan Ajzen (1975). Dari hasil kajian mereka mendapatkan bahawa faktor , manusia mempengaruhi langsung pelan.

Bila di kaji lebih lanjut, bahawa pada kajian ini ada dua pengukur yang menyumbang pada faktor manusia. Pertama, pelayanan dan ketaatan petugas terhadap peraturan dan ketentuan yang berlaku (M9). Dan kedua, keimanan petugas (M3). Sementara itu perkara penting pada faktor pelan yang sudah dibincangkan sebelumnya, bahawa pengukur yang menyumbang terhadap kejayaan faktor pelan iaitu efektifiti pembuatan senarai keperluan baja petani dalam bentuk rencana defenitif keperluan kumpulan petani yang dibuat setiap tahun (PP3). Dan juga sokongan agar supaya semua petani bergabung dalam kumpulan petani, dan sokongan agar semua kumpulan petani mampu membuat rencana defenitif keperluan kumpulan petani secara benar (PP5).

Apabila dihubung kaitkan antara perkara perkara yang berkontribusi pada manusia

dan perkara perkara yang berkontribusi pelan ini, maka akan ada kondisi yang bermakna bahawa semakin baik pelayanan dan ketaatan petugas terhadap peraturan yang berlaku (M9), maka dapat akan menambah efektifiti pembuatan senarai keperluan baja petani dalam bentuk rencana defenitif keperluan kumpulan petani yang dibuat setiap tahun (PP3). Selanjutnya semakin baik pelayanan dan ketaatan petugas terhadap peraturan yang berlaku (M9) akan bertambah sokongan agar supaya semua petani bergabung dalam kumpulan petani, dan sokongan agar semua kumpulan petani mampu membuat rencana defenitif keperluan kumpulan petani dengan betul (PP5).

Di sudut yang lain, semakin meningkat keimanan seseorang individu terhadap penciptanya maka semakin komited mereka dalam tugas-tugas menyediakan rencana defenitif keperluan kumpulan petani yang dibuat setiap tahun (PP3) dan (M3) akan bertambah sokongan petugas supaya semua petani bergabung dalam kumpulan petani, dan menyokong agar semua kumpulan petani mampu membuat rencana defenitif keperluan kumpulan petani secara benar (PP5).

Sebagaimana yang sudah dibincangkan sebelum ini bahawa keberkesanan dalam merancang rencana defenitif keperluan kumpulan petani dan sokongan agar semua petani bergabung dalam kumpulan petani, serta sokongan agar semua kumpulan petani mampu membuat rencana defenitif keperluan kumpulan petani secara betul berpengaruh secara signifikan dan positif pada kejayaan prestasi pengurusan rantai bekalan . Oleh itu dapatlah dibuat kesimpulan bahawa manusia berpengaruh secara positif dan signifikan pada penyelarasan pelan.

### 5.3.3 Hubungan antara manusia dengan inovasi

Hasil kajian berikutnya bahawa faktor manusia berpengaruh secara langsung terhadap inovasi. Hal ini berterusan dengan hasil kajian Carter, Roger, Choi (2015), Robb et, al. (2008), dan Bologne (2006), Nik Kamariah (2005), Janvier-James (2012), Berghman (2012), Sohung, Bhanu dan Rao (2011), Lachin, Mabert dan Vincent (2010). Dari hasil, kajian mereka mendapati bahawa faktor kemanusiaan dapat mempengaruhi inovasi secara berterusan.

Sepertimana yang telah diketahui bahawa hasil kajian ini, mendapati bahawa ada dua pengukur yang menyumbang pada faktor manusia. Pertama, pelayanan dan ketaatan petugas terhadap peraturan dan ketentuan yang berlaku (M9). Kedua pengukur yang menyumbang pada faktor manusia adalah keimanan petugas (M3). Faktor inovasi ini mempunyai 2 indikator. Pertama, inovasi terhadap peraturan dan ketentuan pengedaran dan kawalan baja subsidi (I8). Kedua, proses pengurusan pemesanan baja baik dari petani kepada peruncit, dari peruncit kepada pengedar, mahu pun dari pengedar ke pengeluar (I9).

Penemuan ini bermaksud bahawa menyederhanakan peraturan dan ketentuan pengedaran dan kawalan baja subsidi akan berpengaruh secara positif terhadap prestasi pengurusan rantai bekalan. Demikian pula penyederhanaan proses pengurusan pemesanan baja dari peruncit kepada pengedar dan penebusan petani kepada peruncit akan memberi pengaruh secara positif terhadap prestasi pengurusan rantai bekalan. Ini konsisten dengan hasil kajian Craig et al. (2015) bahawa untuk membina pengurusan rantai pasukan memerlukan disiplin dalam mengelola dan mengembangkan teori rantai pasukan.

Apabila dihubungkan antara perkara-perkara yang menyumbang pada manusia dan perkara-perkara yang menyumbang pada inovasi dalam kajian ini, maka akan ada keadaan bahawa semakin baik pelayanan dan ketaatan petugas terhadap peraturan yang berlaku (M9), maka akan semakin baik inovasi terhadap peraturan dan ketentuan pengedaran dan kawalan baja subsidi (I8). Seterusnya semakin baik pelayanan dan ketaatan petugas terhadap peraturan yang berlaku (M9), akan bertambah lancar proses pengurusan pemesanan baja baik dari petani kepada peruncit, dari peruncit kepada pengedar, maupun dari pengedar ke pengeluar (I9)..

Pada sisi yang lain, semakin tinggi nilai keimanan petugas terhadap kasih sayang dan kebesaran Tuhan (M3), maka akan semakin baik inovasi terhadap peraturan dan ketentuan pengedaran dan kawalan baja subsidi (I8). Dan juga semakin baik keimanan petugas terhadap kasih sayang dan kebesaran Tuhan (M3), akan bertambah lancar proses pengurusan pemesanan baja baik dari petani kepada peruncit, dari peruncit kepada pengedar, maupun dari pengedar ke pengeluar (I9).

Sehubungan dengan itu dapat disimpulkan bahawa peraturan dan ketentuan pengedaran dan kawalan baja subsidi dan proses pengurusan pesanan baja memberi pengaruh secara signifikan dan positif pada kejayaan prestasi pengurusan rantai bekalan. Oleh itu dapatlah dipahami bahawa manusia berpengaruh secara positif dan signifikan pada inovasi.

#### **5.3.4 Hubungan antara manusia dengan kebolehpercayaan penghantaran**

Hasil kajian juga mendapati bahawa faktor kemanusiaan berpengaruh secara langsung terhadap kebolehpercayaan penghantaran. Hal ini konsisten dengan temuan kajian Schoenherr, Graffith, dan Chandra (2014), Kwateng dan Mensah (2014),

Janvier-James (2012), Sohung, Bhanu dan Rao (2011), Handoyo (2009), Bologne (2006), Wahyudi (2007), Hardjapamekas (2008), Fishbein dan Ajzen (1975). Dari hasil kajian mereka mendapatkan bahawa faktor manusia mempengaruhi langsung kebolehpercayaan penghantaran.

Sesuai hasil kajian bahawa pada kajian ini ada dua indikator yang menyumbang kepada faktor kemanusiaan. Pertama, pelayanan dan ketaatan petugas terhadap peraturan dan ketentuan yang berlaku (M9), dan kedua, tahap keimanan petugas (M3).

Sementara itu sesuai kajian yang sudah dibincangkan sebelum ini bahawa perkara kebolehpercayaan penghantaran mempunyai 2 indikator, pembekalan dan pengedaran baja dari kilang ke daerah (KP3), dan pengangkutan untuk pengedaran baja dari kilang kepada petani (KP5).

Apabila dihubungkan antara perkara-perkara yang memberi sumbangan kepada manusia dan perkara-perkara yang menyumbang kepada inovasi dalam kajian ini, maka akan ada keadaan di mana bahawa semakin baik pelayanan dan ketaatan petugas terhadap peraturan yang berlaku (M9), maka akan semakin baik pembekalan dan pengedaran baja dari kilang ke daerah (KP3). Begitu juga semakin baik pelayanan dan ketaatan petugas terhadap peraturan yang berlaku (M9) akan bertambah lancar proses pengedaran baja dari kilang kepada petani (KP5).

Disisi lain, semakin tinggi tahap keimanan petugas kepada kasih sayang dan kebesaran Tuhan (M3), maka akan semakin baik pembekalan dan pengedaran baja dari kilang ke daerah (KP3). Pada masa yang sama proses pengedaran baja dari kilang hingga kepada petani akan bertambah lancar dan baik (KP5).

Dengan demikian dapat dipahami bahawa sikap manusia akan berpengaruh positif dan signifikan pada kebolehpercayaan penghantaran.

### **5.3.5 Hubungan antara kawalan dengan kebolehpercayaan penghantaran**

Hasil kajian mendapatkan bahawa faktor kawalan tidak berpengaruh secara signifikan terhadap kebolehpercayaan penghantaran. Hal ini konsisten dengan hasil kajian Mikalef et al (2013), Gunasekaran et al, (2004), Janver-James. (2012) dan Sulaiman (2004) kerana penemuan dari kajian mereka menyatakan bahawa faktor kawalan berpengaruh secara signifikan terhadap kebolehpercayaan penghantaran.

Menurut analisis pengkaji tidak signifikan mempengaruhi faktor kawalan terhadap penghantaran, kerana baik kawalan terhadap alokasi pengedar, peruncit dan petani (K1), maupun kawalan terhadap pengedaran baja dilapangan ke tempat yang dituju terhadap (K2) dipercayai berada pada tahap relatif dan tidak responsif lagi. Pembaikan kepada kawalan yang ada diyakini tidak akan memberi kesan terhadap pembaikan prestasi pengurusan rantai bekalan. Sehingga dengan kondisi sekarang yang diperlukan adalah pembaikan sistem kawalan melalui pembaikan peraturan.

### **5.3.6 Kesan mediator penyelarasan pelan, kebolehpercayaan penghantaran dan inovasi keatas hubungan manusia dengan prestasi pengurusan rantai bekalan.**

Berikut ini akan ditunjukkan kesan mediator faktor penyelarasan pelan, kebolehpercayaan penghantaran dan inovasi keatas hubungan antara manusia dan prestasi pengurusan rantai bekalan .

### **5.3.6.1 Kesan mediator penyelarasan pelan atas hubungan manusia dan prestasi pengurusan rantaian bekalan.**

Hasil kajian mendapati bahawa faktor pelan tidak merupakan faktor mediator penuh antara manusia dan prestasi pengurusan rantaian bekalan. Hal ini bermakna bahawa faktor manusia tidak mempunyai pengaruh langsung maupun tidak langsung terhadap prestasi pengurusan rantaian bekalan. Namun demikian baik buruknya faktor manusia akan mempengaruhi prestasi pelan, dan pada tahap seterusnya akan menentukan kejayaan prestasi pengurusan rantaian bekalan. Perkara ini tidak konsisten dengan penemuan kajian Kussing (2009), Robb et al.(2008), Bologne (2006) dan Kapelan & Norton (1992) Dari hasil kajian mereka mendapati bahawa faktor manusia memberi pengaruh secara langsung kepada prestasi pengurusan rantaian bekalan namun demikian penemuan ini konsisten dengan kajian Gunn (2012) bahawa sikap yang tepat dari manusia mempunyai pengaruh tidak langsung terhadap prestasi pengurusan rantaian bekalan.

Sudah dibahas sebelum ini bahawa sikap manusia berpengaruh secara positif dan signifikan terhadap penyelarasan pelan. Baik buruknya sikap manusia akan memberi kesan terhadap keberhasilan pelan. Seterusnya pelan berpengaruh secara positif dan signifikan terhadap kejayaan prestasi pengurusan rantaian bekalan. Oleh itu dapat difahami bahawa faktor pelan merupakan faktor mediator antara manusia dan prestasi pengurusan rantaian bekalan

### **5.3.6.2 Kesan mediator inovasi atas hubungan manusia dan prestasi pengurusan rantaian bekalan.**

Seterusnya hasil kajian menunjukkan bahawa faktor inovasi tidak merupakan faktor

mediator antara manusia dan prestasi pengurusan rantai bekalan. Hal ini bermakna bahawa faktor manusia tidak mempunyai pengaruh langsung maupun tidak langsung terhadap prestasi pengurusan rantai bekalan. Namun demikian baik buruknya faktor manusia akan mempengaruhi prestasi inovasi, dan pada tahap seterusnya akan menentukan kejayaan prestasi pengurusan rantai bekalan, Hal ini tidak konsisten dengan penemuan kajian Kussing (2009), Robb et al.(2008), Bologne (2006) dan Kapelan & Norton (1992) Dari hasil kajian mereka mendapati bahawa faktor manusia akan mempengaruhi prestasi pengurusan rantai bekalan namun demikian penemuan ini konsisten dengan kajian Gunn (2012) bahawa sikap yang tepat dari manusia mempunyai pengaruh tidak langsung terhadap prestasi pengurusan rantai bekalan Sudah dibahas sebelumnya bahawa sikap manusia berpengaruh secara positif dan signifikan terhadap inovasi. Baik buruknya sikap manusia akan dapat dilihat terhadap kemampuan manusia dalam melakukan inovasi. Seterusnya inovasi berpengaruh secara positif dan signifikan terhadap kejayaan prestasi pengurusan rantai bekalan. Oleh itu dapat dipahami bahawa faktor inovasi merupakan faktor mediator antara manusia dan prestasi pengurusan rantai bekalan.

#### **5.3.6.3 Kesan mediator kebolehpercayaan penghantaran atas hubungan manusia dan prestasi pengurusan rantai bekalan.**

Hasil kajian mendapati bahawa faktor penghantaran merupakan faktor mediator penuh antara manusia dan prestasi pengurusan rantai bekalan . Hal ini bermakna bahawa faktor manusia tidak mempunyai pengaruh langsung terhadap prestasi pengurusan rantai bekalan, tetapi baik buruknya faktor manusia akan mempengaruhi prestasi penghantaran, dan pada tahap seterusnya akan menentukan kejayaan prestasi pengurusan rantai bekalan. Hal ini tidak konsisten dengan



penemuan kajian Kussing (2009), Robb et al.(2008), Bologne (2006) dan Kapelan & Norton (1992) Dari hasil kajian mereka mendapati bahawa faktor manusia mempengaruhi prestasi pengurusan rantaian bekalan. Namun demikian penemuan ini konsisten dengan kajian Gunn (2012) bahawa sikap yang tepat dari manusia mempunyai pengaruh tidak langsung terhadap prestasi pengurusan rantaian bekalan

Sudah dibahas sebelum ini bahawa sikap manusia berpengaruh secara positif dan signifikan terhadap penghantaran. Baik buruknya sikap manusia akan memberi kesan terhadap kemampuan manusia dalam melakukan penghantaran yang baik. Seterusnya penghantaran berpengaruh secara positif dan signifikan terhadap kejayaan prestasi pengurusan rantaian bekalan. Oleh itu dapat difahami bahawa faktor penghantaran merupakan faktor mediator antara manusia dan prestasi pengurusan rantaian bekalan.

#### **5.3.6.4 Kesan mediator kawalan dan kebolehpercayaan penghantaran atas hubungan manusia dan prestasi pengurusan rantaian bekalan.**

Hasil kajian mendapati bahawa faktor kawalan dan penghantaran tidak merupakan faktor mediator antara manusia dan prestasi pengurusan rantaian bekalan. Hal ini bermakna bahawa faktor manusia tidak mempunyai pengaruh langsung terhadap prestasi pengurusan rantaian bekalan, tetapi baik buruknya faktor manusia akan mempengaruhi prestasi kawalan dan penghantaran, dan pada peringkat a akan menentukan kejayaan prestasi pengurusan rantaian bekalan. Hal ini seterusnya tidak konsisten dengan temuan kajian Kussing (2009), Robb et al.(2008), Bologne (2006) dan Kapelan & Norton (1992). Dari hasil kajian mereka menunjukkan bahawa faktor manusia akan mempengaruhi prestasi pengurusan rantaian bekalan. Namun demikian penemuan ini konsisten dengan kajian Gunn (2012) bahawa sikap yang tepat dari

manusia mempunyai pengaruh tidak langsung terhadap prestasi pengurusan rantai bekalan

Bersesuaian dengan hasil kajian bahawa sikap manusia mempunyai pengaruh secara positif dan signifikan terhadap kawalan. Baik buruknya sikap manusia akan dapat dilihat terhadap kemampuan manusia dalam melakukan kawalan yang baik. Selanjutnya meskipun kawalan tidak secara signifikan mempengaruhi penghantaran, namun dalam hubungan pengantaran kawalan bersama penghantaran secara positif dan signifikan menjadi mediator hubungan antara manusia terhadap kejayaan prestasi pengurusan rantai bekalan. Kesimpulannya dapat difahami bahawa faktor kawalan dan penghantaran merupakan faktor mediator antara manusia dan prestasi pengurusan rantai bekalan.

#### **5.3.6.5 Kesan mediator inovasi, kawalan dan kebolehpercayaan penghantaran atas hubungan manusia dan prestasi pengurusan rantai bekalan.**

Hasil kajian ini mendapati bahawa faktor inovasi, kawalan dan penghantaran tidak merupakan faktor mediator antara manusia dan prestasi pengurusan rantai bekalan. Perkara ini menunjukkan bahawa faktor manusia tidak mempunyai pengaruh secara langsung maupun tidak langsung terhadap prestasi pengurusan rantai bekalan. Namun demikian baik buruknya faktor manusia akan mempengaruhi prestasi inovasi kawalan dan penghantaran, dan pada tahap selanjutnya akan menentukan kejayaan prestasi pengurusan rantai bekalan. Hal ini tidak konsisten dengan hasil kajian Kussing (2009), Robb et al.(2008), Bologne (2006) dan Kapelan & Norton (1992). Dari hasil kajian mereka mendapati bahawa faktor manusia mempengaruhi langsung prestasi pengurusan rantai bekalan. Namun demikian hasil kajian ini konsisten

dengan kajian Gunn (2012) bahawa sikap yang tepat dari manusia mempunyai pengaruh tidak langsung terhadap prestasi pengurusan rantaian bekalan.

Sesuai hasil kajian bahawa sikap manusia berpengaruh secara positif dan signifikan terhadap inovasi, kawalan dan penghantaran. Baik buruknya sikap manusia dapat dilihat terhadap kemampuan manusia dalam menciptakan inovasi yang berarti, melakukan kawalan yang baik dan melakukan penghantaran yang baik. Sementara itu inovasi juga mempunyai pengaruh secara langsung yang signifikan pada kawalan, meskipun sebaliknya kawalan tidak mempunyai pengaruh langsung pada penghantaran. Namun demikian dalam hubungan pengantaran kawalan bersama inovasi dan penghantaran secara positif dan signifikan menjadi mediator hubungan antara manusia terhadap kejayaan prestasi pengurusan rantaian bekalan. Oleh itu dapat disimpulkan bahawa faktor kawalan inovasi dan penghantaran merupakan faktor mediator antara manusia dan prestasi pengurusan rantaian bekalan.

#### **5.4 Implikasi Kajian**

Hasil kajian ini diharapkan dapat memberikan faedah dan penambahbaikan sekurang-kurangnya kepada dua bidang, iaitu bidang yang menjadi amalan dalam pengurusan rantai bekalan dan bidang akademik.

##### **5.4.1 Implikasi praktis terhadap pengurusan prestasi pengurusan rantaian bekalan**

Beberapa implikasi praktis dari penemuan kajian ini, adalah :

1. Penemuan kajian telah memberikan pemahaman yang komprehensif tentang faktor-faktor penting dalam pencapaian kejayaan prestasi pengurusan rantaian bekalan barang kawalan.

2. Penemuan kajian telah mengungkap sejauh mana prestasi pengurusan rantai bekalan barang kawalan dapat memenuhi keperluan dan harapan dari organisasi. Dengan itu membantu menyelesaikan pelbagai permasalahan dengan lebih mantap dan bersifat jangka panjang.
3. Penemuan kajian telah mengungkap mengenai seberapa pentingnya faktor pelan, penghantaran, inovasi, manusia dan kawalan pada prestasi pengurusan rantai bekalan barang kawalan. Sehingga organisasi yang terbabit boleh menentukan langkah dan sikap dalam pengambilan keputusan untuk membaiki rantai bekalan mereka di masa hadapan
4. Penemuan kajian mendapati beberapa aspek pengurusan dalam pengurusan rantai bekalan barang kawalan baja subsidi di Indonesia yang perlu diberi perhatian pada masa akan datang , sehingga membuat polisi yang disesuaikan dengan kondisi daripada faktor faktor tersebut.

Beberapa pembaikan yang lebih spesifik dalam prestasi pengurusan rantai bekalan barang kawalan baja subsidi di Indonesia, iaitu :

#### **5.4.1.1 Pembaikan pada Kebolehpercayaan Penghantaran (KP)**

Terdapat lima pemboleh ubah yang dikaji dan didapati pemboleh ubah kebolehpercayaan penghantaran boleh memainkan peranan yang lebih penting bagi menentukan kualiti prestasi pengurusan rantai bekalan. Sesuai hasil kajian, perkara kebolehpercayaan penghantaran yang perlu mendapat sorotan utama iaitu pembekalan dan pengedaran baja dari kilang ke daerah daerah (KP3), dan transpot angkutan untuk pengedaran baja sejak dari kilang sampai ke petani (KP5). Sesuai dengan hasil kajian yang sudah dibincangkan, perkara ini akan meningkatkan

prestasi penghantaran baja dari kilang ke pengedar kemudian ke peruncit dan ke pengguna akhir, iaitu petani.

#### **5.4.1.2 Pembaikan pada Penyelarasan Pelan (PP).**

Penyelarasan pelan merupakan faktor kedua yang berpengaruh secara signifikan terhadap prestasi pengurusan rantai bekalan barang kawalan baja subsidi.

Sesuai hasil kajian ini perkara penting yang perlu mendapat sorotan utama untuk pembaikan pada faktor penyelarasan pelan, iaitu keberkesanan rancangan defenitif kepeluan kumpulan petani dalam rancangan bekalan dan pengedaran baja subsidi keperluan petani (PP3). Dan sokongan agar supaya semua petani tergabung dalam kumpulan petani, dan sokongan agar semua kumpulan petani mampu membuat rancangan defenitif kepeluan kumpulan petani secara benar (PP5). Dari perbincangan sebelumnya pembaikan terhadap perkara ini boleh merekod keperluan baja petani sesuai sebenarnya dan memenuhi keperluan petani secara tepat. Pada akhirnya akan meningkatkan pengeluaran padi dan produktiviti tanah pertaniannya.

#### **5.4.1.3 Pembaikan pada faktor Inovasi (I).**

Sesuai hasil kajian ini ada 2 perkara yang perlu menjadi tumpuan perhatian untuk melakukan pembaikan pada faktor inovasi. Pertama inovasi terhadap peraturan dan ketentuan pengedaran dan kawalan baja subsidi (I8). Kedua, inovasi pada proses administrasi pemesanan baja dari peruncit kepada pengedar dan penebusan petani kepada peruncit agar lebih dipermudah dan sederhana (I9). Bersesuaian dengan hasil kajian yang sudah dibincangkan sebelum ini, perkara inovasi ini boleh melahirkan peraturan dalam pengedaran dan kawalan baja yang lebih baik, yang pada akhirnya memenuhi keperluan petani secara tepat.

#### **5.4.1.4 Pembaikan pada faktor Manusia (M).**

Hasil kajian menunjukkan bahawa faktor manusia mempunyai pengaruh yang signifikan pada prestasi pengurusan rantai bekalan melalui mediator faktor pelan, penghantaran, inovasi dan kawalan. Meskipun pengaruh tidak langsung faktor manusia terhadap prestasi pengurusan rantai hanya melalui kebolehpercayaan penghantaran, namun peran manusia sangat besar dimana faktor manusia adalah awal dari proses kejayaan prestasi pengurusan rantai bekalan, kerana faktor manusia secara langsung mempengaruhi keberhasilan pelan, kehandalan penghantaran, inovasi dan kawalan.

Dalam kajian ini ada dua pengukur penting yang perlu mendapatkan perhatian pada pembinaan faktor manusia. Pertama, iaitu keimanan petugas (M3), dan kedua, iaitu kejujuran dan ketaatan petugas terhadap peraturan dan ketentuan yang berlaku (M9). Dengan penambahbaikan terhadap faktor sikap manusia ini akhirnya akan wujud prestasi pengurusan rantai bekalan yang lebih baik.

#### **5.4.1.5 Pembaikan Kawalan (K).**

Pembaikan lainnya yang boleh dilakukan adalah kawalan. Hasil kajian menunjukkan bahawa faktor kawalan meskipun tidak secara langsung berpengaruh terhadap prestasi pengurusan rantai bekalan, tetapi secara bersama sama dengan inovasi dan kebolehpercayaan penghantaran memediasi pengaruh manusia terhadap baik buruknya prestasi pengurusan rantai bekalan. Untuk faktor kawalan ini juga ada dua perkara yang perlu mendapatkan perhatian pembaikan, iaitu kawalan terhadap alokasi pengedar, peruncit dan petani (K1). Seterusnya kawalan terhadap pengedaran baja ke tempat yang dituju (K2).

Penyimpangan pengedaran baja subsidi dicetuskan kerana adanya perbezaan harga baja domestik, iaitu harga subsidi dan non subsidi yang cukup besar. Oleh itu, tanpa diikuti kawalan dan penerapan sanksi yang ketat, akan terjadi perembesan baja dari pasar bersubsidi ke nonsubsidi. Hal ini seiring dengan kajian terdahulu dari Spudnik (2011) bahawa kerajaan Indonesia harus tegas menjalankan rantai bekalan dalam hal kawalan ini, artinya hukuman yang tegas harus dikenakan terhadap sesiapa sahaja yang melakukan kesalahan sehingga memberikan pengajaran kepada pelaku lainnya bahkan presiden RI Jokowi mengingatkan apabila ada penyimpangan dalam pengedaran baja agar pelaku terus ditangkap dan diadili oleh undang-undang dan mengancam akan memberhentikan CEO BUMN (Badan Usaha Milik Negara) yang terkait dengan pengedaran baja bila pengedaran baja kepetani masih bermasalah (Harian Kompas, 2 Februari 2015).

#### **5.4.2 Implikasi akademik**

Dalam bidang akademik, kajian ini sekurang-kurangnya dapat menyumbang kepada faktor-faktor yang mempengaruhi prestasi pengurusan rantaian bekalan barang kawalan baja subsidi. Kajian ini berupaya memberikan sumbangan dalam bidang akademik terutama dalam hal memberikan peluang kepada para pengkaji untuk meneroka dan mendalami beberapa aspek yang berkaitan dengan prestasi pengurusan rantaian bekalan barang kawalan baja .

##### **5.4.2.1 Penemuan baru; Spesifik kajian prestasi pengurusan rantaian bekalan barang kawalan.**

Banyak kajian yang telah dilakukan terpaut dengan prestasi pengurusan rantaian bekalan namun demikian dengan kajian ini akan dapat memberikan sumbangan baru

kerana mengkaji secara khusus tentang prestasi pengurusan rantaian bekalan khusus barang kawalan. Perkara ini kerana kajian lepas yang dilakukan belum ada secara khusus terhadap barang kawalan.

#### **5.4.2.2 Penemuan baru; Mengubahsuai hubungan pemboleh ubah terhadap prestasi pengurusan rantaian bekalan**

Bagi mengukur kejayaan prestasi pengurusan rantaian bekalan, pengkaji telah mengubahsuai pengukuran yang telah dibuat oleh Gunasekaran (2004) dan Robb (2008). bahawa prestasi pengurusan rantaian bekalan dipengaruhi oleh pelan, penghantaran, inovasi dan manusia.

Analisis kajian mendapati bahawa faktor pelan, penghantaran dan inovasi memang amat berpengaruh dan signifikan terhadap kejayaan prestasi pengurusan rantaian bekalan barang kawalan baja subsidi walaubagaimanapun faktor manusia tidak mempunyai pengaruh langsung terhadap kejayaan prestasi pengurusan rantaian bekalan, tetapi ianya merupakan faktor awal dari kejayaan prestasi pengurusan rantaian bekalan, kerana keberhasilan pelan, penghantaran, inovasi dan kawalan dipengaruhi seluruhnya oleh faktor manusia. Ada persamaan dengan kajian lepas bahawa faktor manusia sama mempengaruhi prestasi pengurusan rantaian bekalan secara tidak langsung, yaitu kajian Gunn (2012), tentang “Developments in construction supply chain management and prime contracting”, bahawa sikap yang tepat dari faktor manusia mempunyai pengaruh tidak langsung terhadap prestasi pengurusan rantaian bekalan, tetapi berbeda dalam hal konstruk, dimana pada kajian ini faktor manusia mempengaruhi pelan, penghantaran, inovasi dan kawalan. sedangkan konstruk yang digunakan pada kajian Gunn (2012) manusia



mempengaruhi prestasi pengurusan rantaian bekalan melalui pengurusan projek, pengurusan kualiti sepenuhnya, yang berpusar pada keseimbangan partnership.

Selain itu kajian ini mendapati bahawa faktor kebolehpercayaan penghantaran merupakan mediator antara manusia terhadap baik buruknya prestasi pengurusan rantaian bekalan Pada kajian lepas pengkaji belum menjumpai hubungan demikian, yang umum didapati kawalan mempengaruhi prestasi pengurusan rantaian bekalan, seperti kajian Janver-James. (2012), bahawa prestasi pengurusan rantaian bekalan bergantung kepada proses yang melibatkan kawalan hubungan dengan pelanggan, pembekal, kawalan inventori dan peramalan permintaan.

#### **5.4.2.3 Penemuan baru : Instrumen pengukuran manusia dan kawalan.**

Hal yang juga baru dalam kajian ini, iaitu instrumen pengukuran faktor manusia dan kawalan. Pengkaji tidak menemui sebarang pengukur yang telah siap dibentuk dan bersesuaian dengan faktor manusia dan kawalan. Sehubungan dengan itu berdasarkan teori (Robb, 2008), pengkaji telah membentuk sendiri pengukur bagi aspek manusia. Faktor manusia mengandungi 2 instrumen pengukuran bagi mengesan pengukur tahap keimanan, pelayanan dan ketaatan petugas. Bagi faktor kawalan pengkaji menggunakan teori kawalan (Gunasekaran ,2004). Sementara itu faktor kawalan mengandungi 2 instrumen pengukuran bagi mengesan indikator kawalan terhadap kuota barang untuk pengedaran, dan kawalan terhadap pengedaran barang untuk lokasi yang dituju.

Hasil kajian sebenar di kawasan luar, menunjukkan nilai alpha yang diperolehi bagi faktor manusia 0.994 dan kawalan 0.909. Hal ini memberi keyakinan kepada pengkaji bahawa pengukur rantai bekalan pada faktor manusia dan kawalan ini boleh

dipercayai serta dapat digunakan bagi kajian ini dan kajian untuk masa yang akan datang.

## **5.5 Batasan Kajian**

Hasil kajian ini diterjemahkan dalam beberapa batasan tertentu, diantaranya adalah kesan dan akibat, generalisasi dan kaedah.

### **5.5.1 Kesan dan Akibat**

Kajian ini merupakan kaedah tinjauan secara survei / pemerolehan. Kajian seumpama ini boleh merujuk kepada hubungan antara pemboleh yang dikaji (Sekaran, 2000). Berkaitan dengan itu, maka segala keputusan yang menunjukkan pengaruh pemboleh tertentu terhadap pemboleh ubah yang lain, hendaklah difahami sebagai mempunyai hubungan. Walaubagaimanapun hubungan tersebut amat berpengaruh. Keadaan ini sudah tentu tertakluk kepada kesan kajian dan akibat yang sebenarnya daripada kajian.

### **5.5.2 Generalisasi**

Berdasarkan teori, kajian ini bertujuan untuk mengeneralisasikan keseluruhan institusi kerajaan khususnya pengedaran baja di Indonesia. Oleh kerana ada beberapa kekangan tertentu yang berada di luar kawalan penyelidik, maka perlu mengambil kira beberapa batasan dalam kajian ini iaitu ;

1. Kajian ini hanya melibatkan sebahagian pengedar dan peruncit yang ada di 5 (lima) daerah di Indonesia sahaja walaupun demikian penyelidik yakin pemilihan ini sekurang-kurangnya mewakili Indonesia seluruhnya. Keadaan ini munasabah, kerana semua bentuk dan jenis aktiviti pengedar dan peruncit baja

subsidi tidak banyak berbeza.

2. Penyertaan responden di dalam kajian ini adalah secara sukarela. Tidak dapat dinafikan ada diantara mereka yang menjawab soal selidik ini dalam pandangan yang berlainan lebih-lebih lagi kajian ini merupakan kajian tentang rantai bekalandan kesan yang dirasai mereka, maka adalah sukar bagi penyelidik untuk memberi peringatan kepada responden yang memberi jawapan yang berbeza, kerana dikhuatiri responden tidak percaya atas kerahsiaan jawapan mereka terhadap penyelidik.

### **5.5.3 Kaedah kajian**

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dalam bentuk dan analisis data yang diperolehi. Penyelidik sedar bahawa pendekatan kuantitatif ada kelemahan tersendiri, meskipun dalam kajian ini terdapat kekuatan dari segi kaedah. Kelemahan pendekatan ini adalah kerana kesukaran menterjemahkan perasaan seseorang kedalam bentuk angka, walaupun responden menjawab melalui bantuan penyelidik atau wakil. Meskipun demikian ujian pengesahan dan kebolehpercayaan kepada setiap pengukur pemboleh ubah yang subjektif mencapai tahap yang boleh diterima.

### **5.6 Masalah kajian**

Pelaksanaan kajian ini mungkin boleh dibaiki lagi bagi mencapai keputusan yang lebih baik lagi, jika sekiranya masalah di mana pengedar dan peruncit sibuk pada masa menanam, iaitu semasa kajian ini dijalankan. Perkara ini mempunyai kelemahan kerana responden dalam keadaan kurang memberi tumpuan, sehingga perhatian dari responden dalam menjawab soalan agak berkurang dan demikian juga pemahaman atas soalan yang disampaikan. Bagi mengatasi masalah ini di masa

akan datang eloklah bagi penyelidik akan datang untuk melakukan temuduga selepas musim menuai, kerana responden dalam keadaan tidak terlalu sibuk dan dalam suasana yang lebih santai dan menggembirakan.

### **5.7 Arah tuju penyelidikan akan datang**

Hasil kajian menunjukkan beberapa kajian lain yang berkaitan boleh dan perlu dilakukan bagi memperkemas dan mengatasi halangan yang dihadapi dalam kajian ini. Antaranya ialah seperti berikut ;

1. Kajian ini telah membuat penelitian mengenai rantaian bekalan barang kawalan baja subsidi di Indonesia. Oleh itu untuk kajian mendatang perlu dicadangkan untuk meneliti tahap prestasi pengurusan rantaian bekalan barang kawalan lainnya.
